



**PARLIMEN
MALAYSIA**

LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

MENGENAI

**SYOR-SYOR YANG DICADANGKAN
BAGI BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA
PERSEKUTUAN DAN NEGERI DI DALAM NEGERI-NEGERI
TANAH MELAYU KALI KEENAM TAHUN 2018
JILID 1**

PENGHARGAAN

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan YAB Perdana Menteri di atas kesudian untuk menerima notis urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu seperti yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 4 dan Seksyen 7, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan yang sekaligus membolehkan syor-syor yang dicadangkan bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu dipamerkan di tempat-tempat yang dinyatakan di dalam notis untuk diperiksa oleh orang awam. Di samping itu, SPR turut memanjangkan penghargaan kepada Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri Negeri, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan/Agensi yang berkaitan di seluruh Negeri Tanah Melayu yang berkaitan kerana menerima kehadiran SPR dan seterusnya memberikan keizinan kepada SPR untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di negeri masing-masing bagi melaksanakan urusan-urusan berkaitan dengan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu.

Seterusnya, SPR juga amat berterima kasih kepada Jabatan Peguam Negara atas khidmat nasihat yang diberikan dalam hal-hal berkaitan dengan perundangan serta tidak dilupakan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia atas bantuan yang diberikan berkaitan topografi dan taburan penduduk dalam melaksanakan urusan kajian ini. Ucapan penghargaan turut dipanjangkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas bantuan keselamatan yang diberikan sepanjang SPR melaksanakan tugas di seluruh Negeri Tanah Melayu. Akhir sekali, sekalung tahniah diucapkan kepada Urus Setia SPR atas komitmen yang diberikan sepanjang pelaksanaan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu kali ini. Segala kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung telah membantu SPR untuk melaksanakan urusan kajian ini dengan lancar dan teratur.

Adalah diharapkan laporan ini akan membantu meningkatkan lagi kecekapan pengurusan pilihan raya serta memberi kemudahan kepada pemilih untuk mengundi pada masa hadapan.

ISI KANDUNGAN

iii	PENGHARGAAN
viii	SENARAI JADUAL
ix	SENARAI RAJAH
xviii	GLOSARI AKRONIM
xxi	RINGKASAN EKSEKUTIF

1 BAB 1 : PENDAHULUAN

1	1.1	Pengenalan
1	1.2	Urusan Kajian Semula Persempadanan
4	1.3	Sejarah Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu
9	1.4	Latar Belakang Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018

11 BAB 2 : MEKANISME KAJIAN

13	2.1	Peruntukan Undang-Undang Bagi Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu
14	2.1.1	Bidang Kuasa Dan Lat Tempoh Kajian
14	2.1.2	Prinsip Dan Kriteria Kajian Semula Persempadanan
17	2.2	Tatacara Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya
20	2.3	Mekanisme Pelaksanaan Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu
20	2.3.1	Data Dan Maklumat Yang Digunakan Dalam Kajian
20	2.3.2	Dokumen-Dokumen Yang Dirujuk
21	2.3.3	Penggunaan Aplikasi " <i>Electoral Geographical Information System (EGIS)</i> "
21	2.3.4	Bantuan Daripada Organisasi Luar
21	2.4	Daftar Pemilih
22	2.5	Nama-Nama Bahagian Pilihan Raya

23	BAB 3 : NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
25	3.1 Latar Belakang
25	3.2 Keadaan Geografi
28	3.3 Demografi Penduduk
31	3.4 Kemudahan Infrastruktur
31	3.5 Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Sedia Ada
33	BAB 4 : PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN
35	4.1 Notis Persempadanan, Pameran Syor, Representasi Dan Siasatan Tempatan Kali Pertama
35	4.1.1 Notis Persempadanan
36	4.1.2 Pameran Syor
38	4.1.3 Representasi
39	4.1.4 Siasatan Tempatan
45	4.2 Notis Persempadanan, Pameran Syor, Representasi Dan Siasatan Tempatan Kali Kedua
45	4.2.1 Notis Persempadanan
45	4.2.2 Pameran Syor
47	4.2.3 Representasi
48	4.2.4 Siasatan Tempatan
51	BAB 5 : SYOR SPR
55	RUJUKAN
57	LAMPIRAN
57	Lampiran I : Senarai Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Sedia Ada dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu
67	Lampiran II : Latarbelakang Urusan Kajian Semula Persempadanan bagi Setiap Negeri-Negeri Tanah Melayu
69	(a) Perlis
74	(b) Kedah
88	(c) Kelantan
100	(d) Terengganu
112	(e) Pulau Pinang
125	(f) Perak
139	(g) Pahang

- 156 (h) Selangor
- 171 (i) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 185 (j) Wilayah Persekutuan Putrajaya
- 189 (k) Negeri Sembilan
- 202 (l) Melaka
- 215 (m) Johor
- 231 (n) Wilayah Persekutuan Labuan
- 235 **Lampiran III :**
Syor yang Dicapadangkan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu Berkaitan dengan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri yang Baharu, Pindaan dan Perubahan Nama Sedia Ada bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri dan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan yang terlibat dalam Semakan Semula dan Tersentuh oleh Syor yang Dicapadangkan
- 247 **Lampiran IV :**
Bilangan Pemilih bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu
- 479 **Lampiran V :**
Anggaran Keluasan Kawasan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Selepas Pengesyoran

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
6	Jadual 1-1	Jumlah pertambahan bilangan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu mengikut tahun urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya
16	Jadual 2-1	Bilangan pentadbiran daerah/jajahan, PBT dan agensi yang menjalankan tugas PBT
22	Jadual 2-2	Bilangan pemilih di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu
28	Jadual 3-1	Anggaran bilangan penduduk di Negeri-Negeri Tanah Melayu bagi Tahun 2015
30	Jadual 3-2	Pecahan kaum di Negeri-Negeri Tanah Melayu
37	Jadual 4-1	Bilangan tempat pameran kali pertama bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu
43	Jadual 4-2	Ringkasan jumlah representasi yang diterima sepanjang tempoh pameran dan siasatan tempatan kali pertama bagi Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu
46	Jadual 4-3	Bilangan tempat pameran kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu
49	Jadual 4-4	Ringkasan jumlah representasi yang diterima sepanjang tempoh pameran dan siasatan tempatan kali kedua bagi Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu
69	Jadual II-1	Mukim dan PBT di negeri Perlis
70	Jadual II-2	Pecahan penduduk negeri Perlis mengikut kaum pada tahun 2015
72	Jadual II-3	Senarai tempat pemeriksaan kali pertama bagi negeri Perlis
74	Jadual II-4	Keluasan daerah di negeri Kedah
75	Jadual II-5	Senarai PBT di negeri Kedah
78	Jadual II-6	Pecahan penduduk negeri Kedah mengikut kaum pada tahun 2015
80	Jadual II-7	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Kedah
84	Jadual II-8	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Kedah
88	Jadual II-9	Jajahan di dalam negeri Kelantan
88	Jadual II-10	Senarai PBT di negeri Kelantan
90	Jadual II-11	Pecahan penduduk negeri Kelantan mengikut kaum pada tahun 2015
92	Jadual II-12	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Kelantan
96	Jadual II-13	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Kelantan
100	Jadual II-14	Daerah dan PBT di negeri Terengganu
102	Jadual II-15	Pecahan penduduk negeri Terengganu mengikut kaum pada tahun 2015

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
104	Jadual II-16	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Terengganu
112	Jadual II-17	Daerah dan PBT di negeri Pulau Pinang
114	Jadual II-18	Pecahan penduduk negeri Pulau Pinang mengikut kaum pada tahun 2015
116	Jadual II-19	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Pulau Pinang
121	Jadual II-20	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Pulau Pinang
125	Jadual II-21	Daerah dan PBT di negeri Perak
127	Jadual II-22	Pecahan penduduk negeri Perak mengikut kaum pada tahun 2015
130	Jadual II-23	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Perak
134	Jadual II-24	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Perak
139	Jadual II-25	Senarai daerah dan PBT di negeri Pahang
142	Jadual II-26	Pecahan penduduk negeri Pahang mengikut kaum pada tahun 2015
144	Jadual II-27	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Pahang
150	Jadual II-28	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Pahang
156	Jadual II-29	Senarai daerah di dalam negeri Selangor
156	Jadual II-30	Senarai PBT di dalam negeri Selangor
158	Jadual II-31	Pecahan penduduk negeri Selangor mengikut kaum pada tahun 2015
161	Jadual II-32	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Selangor
166	Jadual II-33	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Selangor
171	Jadual II-34	Senarai cawangan kecil DBKL
174	Jadual II-35	Pecahan penduduk W.P. Kuala Lumpur mengikut kaum pada tahun 2015
176	Jadual II-36	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi W.P. Kuala Lumpur
186	Jadual II-37	Pecahan penduduk W.P. Putrajaya mengikut kaum pada tahun 2015
189	Jadual II-38	Daerah di Negeri Sembilan
189	Jadual II-39	Senarai PBT di Negeri Sembilan
191	Jadual II-40	Pecahan penduduk Negeri Sembilan mengikut kaum pada tahun 2015
193	Jadual II-41	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi Negeri Sembilan

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
198	Jadual II-42	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi Negeri Sembilan
202	Jadual II-43	Daerah dan PBT di negeri Melaka
204	Jadual II-44	Pecahan penduduk negeri Melaka mengikut kaum pada tahun 2015
207	Jadual II-45	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Melaka
211	Jadual II-46	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Melaka
215	Jadual II-47	Senarai daerah dan daerah kecil di negeri Johor
216	Jadual II-48	Senarai PBT di negeri Johor
218	Jadual II-49	Pecahan penduduk negeri Johor mengikut kaum pada tahun 2015
221	Jadual II-50	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Johor
226	Jadual II-51	Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Johor
232	Jadual II-52	Pecahan penduduk W.P. Labuan mengikut kaum pada tahun 2015

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
5	Rajah 1-1	Bilangan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu mengikut tahun urusan kajian semula persempadanan kali pertama hingga kelima
7	Rajah 1-2	Bilangan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (mengikut negeri) berdasarkan tahun urusan kajian semula persempadanan kali pertama hingga kelima
8	Rajah 1-3	Bilangan Bahagian Pilihan Raya Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (mengikut negeri) berdasarkan tahun urusan kajian semula persempadanan kali pertama hingga kelima
15	Rajah 2-1	Contoh papan tanda sempadan daerah
18	Rajah 2-2	Tatacara urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan
25	Rajah 3-1	Peta Negeri-Negeri Tanah Melayu
26	Rajah 3-2	Banjaran-banjaran di Semenanjung Malaysia
27	Rajah 3-3	Lima gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia
27	Rajah 3-4	Sungai-sungai utama di Semenanjung Malaysia
29	Rajah 3-5	Peratus pecahan penduduk di Negeri-Negeri Tanah Melayu bagi tahun 2015
29	Rajah 3-6	Daerah-daerah berdensiti tinggi di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu
30	Rajah 3-7	Daerah-daerah berdensiti rendah di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu
31	Rajah 3-8	Peratus pecahan kaum di Negeri-Negeri Tanah Melayu
37	Rajah 4-1	Peratus tempat pameran kali pertama bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu
38	Rajah 4-2	Bilangan representasi yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama
41	Rajah 4-3	Susun atur di dalam bilik siasatan tempatan
42	Rajah 4-4	Faktor-faktor lain yang diambilkira dalam membuat pertimbangan bagi representasi bantahan
44	Rajah 4-5	Kronologi Syor Persempadanan kali pertama bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu
46	Rajah 4-6	Peratus tempat pameran kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu
47	Rajah 4-7	Bilangan representasi yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua
50	Rajah 4-8	Kronologi Syor Persempadanan kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu
67	Rajah II-1	Kedudukan negeri Perlis dalam peta Malaysia
70	Rajah II-2	Tasik Timah Tasoh

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
71	Rajah II-3	Peratus penduduk di negeri Perlis mengikut kaum
72	Rajah II-4	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Perlis
73	Rajah II-5	Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di Negeri Perlis
74	Rajah II-6	Kedudukan negeri Kedah dalam peta Malaysia
74	Rajah II-7	Kedudukan daerah-daerah di negeri Kedah
75	Rajah II-8	Sistem perhubungan yang ada di negeri Kedah
77	Rajah II-9	Kawasan-kawasan di negeri Kedah
78	Rajah II-10	Peratus penduduk di negeri Kedah mengikut kaum
79	Rajah II-11	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Kedah
80	Rajah II-12	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Kedah
81	Rajah II-13	Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Kedah
82	Rajah II-14	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Kedah
83	Rajah II-15	Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Kedah
84	Rajah II-16	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Kedah
84	Rajah II-17	Pameran kali kedua Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Kedah
85	Rajah II-18	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Kedah
86	Rajah II-19	Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Kedah
87	Rajah II-20	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Kedah
88	Rajah II-21	Kedudukan negeri Kelantan dalam peta Malaysia
90	Rajah II-22	Peratus penduduk di negeri Kelantan mengikut kaum
91	Rajah II-23	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Kelantan
91	Rajah II-24	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Kelantan
92	Rajah II-25	Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Kelantan
94	Rajah II-26	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Kelantan
94	Rajah II-27	Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Kelantan

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
95	Rajah II-28	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Kelantan
97	Rajah II-29	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Kelantan
97	Rajah II-30	Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Kelantan
99	Rajah II-31	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Kelantan
100	Rajah II-32	Kedudukan negeri Terengganu dalam peta Malaysia
101	Rajah II-33	Antara tempat-tempat tumpuan pelancong di Kuala Terengganu
102	Rajah II-34	Peratus penduduk di negeri Terengganu mengikut kaum
103	Rajah II-35	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Terengganu
104	Rajah II-36	Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Terengganu
106	Rajah II-37	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Terengganu
106	Rajah II-38	Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Terengganu
108	Rajah II-39	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Terengganu
109	Rajah II-40	Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Terengganu
111	Rajah II-41	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Terengganu
112	Rajah II-42	Kedudukan negeri Pulau Pinang dalam peta Malaysia
113	Rajah II-43	Empat daerah berdensiti tinggi di dalam negeri Pulau Pinang pada tahun 2010
114	Rajah II-44	Peratus penduduk di negeri Pulau Pinang mengikut kaum
115	Rajah II-45	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Pulau Pinang
116	Rajah II-46	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Pulau Pinang
117	Rajah II-47	Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Pulau Pinang
119	Rajah II-48	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Pulau Pinang
120	Rajah II-49	Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Pulau Pinang
121	Rajah II-50	Pameran kali kedua Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Pulau Pinang

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
122	Rajah II-51	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Pulau Pinang
123	Rajah II-52	Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Pulau Pinang
124	Rajah II-53	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Pulau Pinang
125	Rajah II-54	Kedudukan negeri Perak dalam peta Malaysia
126	Rajah II-55	Antara tempat-tempat tumpuan pelancong di negeri Perak
127	Rajah II-56	Kawasan guna tanah bagi negeri Perak
128	Rajah II-57	Peratus penduduk di negeri Perak mengikut kaum
129	Rajah II-58	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Perak
132	Rajah II-59	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Perak
133	Rajah II-60	Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Perak
136	Rajah II-61	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Perak
137	Rajah II-62	Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Perak
138	Rajah II-63	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Perak
139	Rajah II-64	Kedudukan negeri Pahang dalam peta Malaysia
140	Rajah II-65	Antara tempat-tempat tumpuan pelancong di negeri Pahang
142	Rajah II-66	Peratus penduduk di negeri Pahang mengikut kaum
143	Rajah II-67	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Pahang
144	Rajah II-68	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Pahang
145	Rajah II-69	Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Pahang
147	Rajah II-70	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Pahang
147	Rajah II-71	Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Pahang
150	Rajah II-72	Bilangan tempat pemeriksaan kali kedua bagi negeri Pahang
151	Rajah II-73	Pameran kali kedua Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Pahang
153	Rajah II-74	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Pahang
153	Rajah II-75	Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Pahang

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
155	Rajah II-76	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Pahang
156	Rajah II-77	Kedudukan negeri Selangor dalam peta Malaysia
157	Rajah II-78	Antara tempat menarik di negeri Selangor
157	Rajah II-79	Antara kemudahan pengangkutan awam di negeri Selangor
159	Rajah II-80	Peratus penduduk di negeri Selangor mengikut kaum
160	Rajah II-81	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Selangor
160	Rajah II-82	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Selangor
161	Rajah II-83	Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Selangor
163	Rajah II-84	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Selangor
164	Rajah II-85	Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Selangor
166	Rajah II-86	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Selangor
167	Rajah II-87	Pameran kali kedua Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Selangor
168	Rajah II-88	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Selangor
169	Rajah II-89	Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Selangor
170	Rajah II-90	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Selangor
171	Rajah II-91	Kedudukan W.P. Kuala Lumpur dalam peta Malaysia
172	Rajah II-92	Menara Kuala Lumpur dan Menara Berkembar Petronas
172	Rajah II-93	Hutan Simpan Bukit Nanas
173	Rajah II-94	Pusat Pengangkutan Bersepadu di Kuala Lumpur
174	Rajah II-95	Peratus penduduk di W.P. Kuala Lumpur mengikut kaum
175	Rajah II-96	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di W.P. Kuala Lumpur
177	Rajah II-97	Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di W.P. Kuala Lumpur
178	Rajah II-98	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi W.P. Kuala Lumpur
178	Rajah II-99	Suasana siasatan tempatan kali pertama di W.P. Kuala Lumpur
182	Rajah II-100	Ringkasan Jumlah Bantahan yang Diterima Sepanjang Tempoh Pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi W.P. Kuala Lumpur

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
182	Rajah II-101	Suasana siasatan tempatan kali kedua di W.P. Kuala Lumpur
184	Rajah II-102	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi W.P. Kuala Lumpur
185	Rajah II-103	Kedudukan W.P. Putrajaya dalam peta Malaysia
185	Rajah II-104	Kawasan tumpuan pengunjung di W.P. Putrajaya
186	Rajah II-105	Peratus penduduk di W.P. Putrajaya mengikut kaum
187	Rajah II-106	Bahagian pilihan raya sedia ada di W.P. Putrajaya
188	Rajah II-107	Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di W.P. Putrajaya
189	Rajah II-108	Kedudukan Negeri Sembilan dalam peta Malaysia
190	Rajah II-109	Wisma Negeri dan Muzium Negeri Sembilan
190	Rajah II-110	Masjid Negeri dan sebahagian bandar Seremban
191	Rajah II-111	Peratus penduduk di Negeri Sembilan mengikut kaum
192	Rajah II-112	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di Negeri Sembilan
193	Rajah II-113	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi Negeri Sembilan
194	Rajah II-114	Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di Negeri Sembilan
195	Rajah II-115	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi Negeri Sembilan
196	Rajah II-116	Suasana siasatan tempatan kali pertama di Negeri Sembilan
198	Rajah II-117	Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi Negeri Sembilan
199	Rajah II-118	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua bagi Syor Persempadanan Negeri Sembilan
199	Rajah II-119	Suasana siasatan tempatan kali kedua di Negeri Sembilan
201	Rajah II-120	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri Sembilan
202	Rajah II-121	Kedudukan negeri Melaka dalam peta Malaysia
202	Rajah II-122	Antara tempat-tempat tumpuan pelancong di bandar Melaka
203	Rajah II-123	Kawasan guna tanah bagi negeri Melaka
204	Rajah II-124	Jaringan jalan raya di negeri Melaka
205	Rajah II-125	Pecahan penduduk di negeri Melaka mengikut kaum
205	Rajah II-126	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Melaka

MUKA SURAT	NO.	PERKARA
207	Rajah II-127	Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Melaka
209	Rajah II-128	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Melaka
209	Rajah II-129	Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Melaka
212	Rajah II-130	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Melaka
212	Rajah II-131	Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Melaka
214	Rajah II-132	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Melaka
215	Rajah II-133	Kedudukan negeri Johor dalam peta Malaysia
217	Rajah II-134	Sistem perhubungan yang ada di negeri Johor
219	Rajah II-135	Pecahan penduduk di negeri Johor mengikut kaum
220	Rajah II-136	Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Johor
221	Rajah II-137	Bilangan tempat pemeriksaan kali pertama bagi negeri Johor
222	Rajah II-138	Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Johor
223	Rajah II-139	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Johor
224	Rajah II-140	Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Johor
226	Rajah II-141	Bilangan tempat pemeriksaan kali kedua bagi negeri Johor
228	Rajah II-142	Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Johor
228	Rajah II-143	Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Johor
230	Rajah II-144	Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Johor
231	Rajah II-145	Kedudukan W.P. Labuan dalam peta Malaysia
231	Rajah II-146	Tempat-tempat menarik di W.P. Labuan
232	Rajah II-147	Peratus guna tanah di W.P. Labuan
233	Rajah II-148	Peratus penduduk di W.P. Labuan mengikut kaum
233	Rajah II-149	Bahagian pilihan raya sedia ada di W.P. Labuan

GLOSARI AKRONIM

DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DM	Daerah Mengundi
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
EGIS	<i>Electoral Geographical Information System</i>
ERL	<i>Express Rail Link</i>
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GIS	<i>Geographical Information System</i>
JAPERUN	Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri
JKKKP	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan
JPP	Jawatankuasa Perwakilan Penduduk
JUPEM	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
km	kilometer
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LPT	Lebuhraya Pantai Timur
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PM	Pusat Mengundi
PP	Perlembagaan Persekutuan
PR1MA	Perumahan Rakyat 1 Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
TBS	Terminal Bersepadu Selatan
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UTC	<i>Urban Transformation Centre</i>
W.P.	Wilayah Persekutuan

LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

**RINGKASAN
EKSEKUTIF**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dijalankan selaras dengan peruntukan Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan dan berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Jumlah bilangan pemilih dalam Daftar Pemilih yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu yang diperakui dan diwartakan pada 13 Mei 2016 [*P.U.(B) 217/2016*] dan 6 September 2016 [*P.U.(B) 399/2016*] telah diguna pakai bagi maksud urusan kajian ini.

Syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu telah diwartakan pada 15 September 2016. Pameran kali pertama telah diadakan selama satu bulan mulai 15 September hingga 14 Oktober 2016. Sebanyak 262 tempat pemeriksaan telah digunakan untuk tujuan semakan dan bantahan. Sepanjang tempoh pameran kali pertama tersebut, SPR telah menerima 804 representasi. Daripada jumlah ini, 430 representasi memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan telah diterima untuk diadakan siasatan tempatan. Selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan, siasatan tempatan kali pertama bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (kecuali negeri Selangor) telah dijalankan mulai 31 Oktober 2016 hingga 28 Februari 2017. Berdasarkan hasil daripada siasatan tempatan kali pertama tersebut, syor Kajian Semula Persempadanan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (kecuali Negeri Selangor) telah disemak semula dan diwartakan kali kedua pada 8 Mac 2017.

Pameran kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (kecuali Negeri Selangor) telah diadakan selama satu bulan bermula pada 8 Mac hingga 7 April 2017. Pada kali ini, hanya 153 tempat pameran telah digunakan untuk tujuan semakan dan bantahan oleh orang ramai. Sepanjang tempoh pameran kali kedua, sebanyak 133 representasi telah diterima dan 111 daripada representasi tersebut memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk diadakan siasatan tempatan. Sesi siasatan tempatan kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (kecuali Negeri Selangor) telah diadakan mulai pada 17 April hingga 9 Ogos 2017.

Sementara itu, siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Selangor pula telah dilaksanakan mulai 27 Disember 2017 hingga 9 Januari 2018 dan syor Kajian Semula Persempadanan bagi negeri Selangor telah disemak semula untuk diwartakan kali kedua pada 15 Januari 2018. Pameran kali kedua bagi Negeri Selangor pula telah diadakan mulai 15 Januari hingga 14 Februari 2018. Sebanyak 19 tempat pameran telah digunakan dan sebanyak 748 representasi telah diterima sepanjang tempoh pameran tersebut berlangsung. Setelah semakan dibuat, sebanyak 59 representasi adalah

memenuhi memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk diadakan siasatan tempatan kali kedua mulai 26 Februari hingga 1 Mac 2018.

Secara keseluruhan, sebanyak 600 representasi daripada 1,685 representasi yang diterima melalui kedua-dua pameran bagi keseluruhan Negeri-Negeri Tanah Melayu telah diadakan siasatan tempatan kerana memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Hasil daripada kedua-dua siasatan tempatan yang telah diadakan, maka Laporan Kajian Semula Persempadanan mengenai Syor-Syor Yang Dicapangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018 disediakan selaras dengan peruntukan Seksyen 8, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

BAB 1

PENDAHULUAN

MENGENAI
SYOR-SYOR YANG DICADANGKAN BAGI
BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN
NEGERI DI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
KALI KEENAM TAHUN 2018

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menurut kehendak Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan telah mengkaji semula pembahagian Negeri-Negeri Tanah Melayu kepada Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri setelah tamat tempoh sekurang-kurangnya 8 tahun daripada tarikh siap urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya kali terakhir yang telah diadakan pada tahun 2003.

Laporan ini meliputi satu unit kajian semula persempadanan bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri yang meliputi seluruh negeri di dalam Semenanjung Malaysia iaitu negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

1.2 URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

Bagi memelihara dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini, SPR telah ditubuhkan selaras dengan peruntukan Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan untuk menjalankan suatu pilihan raya dan urusan pendaftaran pemilih. Di samping itu, tugas utama SPR juga adalah mengkaji semula Bahagian Pilihan Raya

Persekutuan dan Negeri berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Sempadan adalah kawasan yang berasaskan garisan, yang merujuk kepada pemisah kuasa pentadbiran dan pemetaan serta boleh berubah¹. Aktiviti persempadanan pula merupakan elemen utama dalam pembentukan sesuatu kawasan pentadbiran bagi menjalankan urusan pilihan raya. Dalam konteks pembentukan kawasan pentadbiran Kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri di Malaysia, persempadanan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:-

- (a) Bahagian Pilihan Raya Persekutuan untuk memilih wakil di Dewan Rakyat bagi membentuk Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) Bahagian Pilihan Raya Negeri untuk memilih wakil di Dewan Undangan Negeri bagi membentuk kerajaan negeri.

Selain itu, pelbagai kajian telah dijalankan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa tentang faktor-faktor yang mempengaruhi persempadanan. Sebuah kajian tersohor² oleh seorang pakar geografi dan persempadanan mendapati bahawa urusan persempadanan adalah berkait rapat dengan faktor-faktor seperti pemilih, pola penempatan, kepadatan penduduk, komposisi penduduk serta bentuk muka bumi. Faktor-faktor ini juga tidak terkecuali kepada Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan di bawah Bahagian I, Jadual Ketiga Belas secara dasarnya telah menggariskan empat prinsip utama persempadanan seperti yang berikut:

“2. Prinsip yang berikut hendaklah seboleh-bolehnya diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya menurut peruntukan Perkara 116 dan 117—

¹ Glassner, M. I. (1193). *Political geography*. New York: J. Wiley. di ms 239.

² Paasi, A. (2002). *Space, boundaries and the social construction of territorial identities*. Geopolitics, Identities and Sustainability.

- (a) *di samping mengambil perhatian tentang wajarnya semua pemilih diberi peluang yang semunasabahnya mudah untuk pergi mengundi, bahagian-bahagian pilihan raya patutlah disempadankan supaya tidak merentasi sempadan Negeri dan patutlah juga diberikan perhatian kepada kesulitan bahagian pilihan raya Negeri merentasi sempadan bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan;*
- (b) *perhatian patutlah diberikan kepada kemudahan pentadbiran yang boleh didapati di dalam bahagian pilihan raya itu bagi mengadakan jentera pendaftaran dan pengundian yang perlu;*
- (c) *bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa, dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar, ukuran pewajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya;*
- (d) *perhatian patutlah diberikan kepada kesulitan yang akan timbul dengan perubahan bahagian-bahagian pilihan raya, dan kepada pemeliharaan hubungan tempatan."*

1.3 SEJARAH URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN NEGERI BAGI NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU

Semenjak kemerdekaan Negeri-Negeri Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu telah dijalankan sebanyak lima kali iaitu pada tahun 1958, 1974, 1984, 1994 dan 2003. Urusan Kajian Semula Persempadanan

Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu yang pertama telah dijalankan pada tahun 1958 dengan memperuntukkan sebanyak 104 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 282 Bahagian Pilihan Raya Negeri.

Urusan Kajian Semula Persempadanan Kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pula telah dijalankan pada tahun 1974 dengan penambahan 30 Bahagian Pilihan Raya Negeri manakala terdapat penambahan sebanyak 10 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan. Urusan ini telah menjadikan jumlah keseluruhan Bahagian Pilihan Raya di Negeri-Negeri Tanah Melayu sebanyak 114 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 312 Bahagian Pilihan Raya Negeri.

Pada tahun 1984, urusan Kajian Semula Persempadanan Ketiga bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu telah dijalankan dan memperlihatkan tambahan sebanyak 19 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 39 Bahagian Pilihan Raya Negeri menjadikan jumlah keseluruhan Bahagian Pilihan Raya di Negeri-Negeri Tanah Melayu sebanyak 133 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 351 Bahagian Pilihan Raya Negeri.

Dalam tempoh sedekad, Negeri-Negeri Tanah Melayu telah mencatatkan penambahan bilangan pemilih yang signifikan hasil daripada pembangunan yang pesat serta penambahan penduduk di setiap negeri. Bagi memastikan setiap bahagian pilihan raya dapat diwakili secara adil, urusan Kajian Semula Persempadanan Keempat telah dilaksanakan pada tahun 1994 dengan menyaksikan penambahan sebanyak 12 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan juga penambahan sebanyak 43 Bahagian Pilihan Raya Negeri menjadikan jumlah keseluruhan 145 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 394 Bahagian Pilihan Raya Negeri.


Sejajar dengan perkembangan sosio ekonomi semasa negara sedang pesat membangun selain peningkatan kesejahteraan hidup rakyat yang menganjukkan pertumbuhan penduduk, urusan Kajian Semula Persempadanan Kelima telah dilaksanakan pada tahun 2003. Kajian tersebut

turut diadakan bertujuan untuk meningkatkan jumlah representasi bagi memastikan nikmat pembangunan dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat di Negeri-Negeri Tanah Melayu. Dalam hubungan ini, urusan tersebut telah memperuntukkan penambahan sebanyak 21 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 51 Bahagian Pilihan Raya Negeri. Ini menjadikan jumlah Bahagian Pilihan Raya di Negeri-Negeri

Tanah Melayu meningkat kepada 166 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 445 Bahagian Pilihan Raya Negeri.

Jumlah pertambahan bilangan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu mengikut tahun urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya adalah seperti di dalam Rajah 1-1 dan Jadual 1-1.

Rajah 1-1 : Bilangan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu mengikut tahun urusan kajian semula persempadanan kali pertama hingga kelima




Jumlah pertambahan bilangan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (mengikut negeri) berdasarkan tahun urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya pula adalah seperti di dalam Rajah 1-2.

Manakala, jumlah pertambahan bilangan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (mengikut negeri) berdasarkan tahun urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya pula adalah seperti di dalam Rajah 1-3.


Jadual 1-1: Jumlah pertambahan bilangan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu mengikut tahun urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya

NEGERI	PERSEMPADANAN KALI PERTAMA (ASAS) 1958		PERSEMPADANAN KALI KEDUA 1974		PERSEMPADANAN KALI KETIGA 1984		PERSEMPADANAN KALI KEEMPAT 1994		PERSEMPADANAN KALI KELIMA 2001: W.P. PUTRAJAYA 2003: TANAH MELAYU						
	PARLIMEN	DUN	PARLIMEN		DUN		PARLIMEN		DUN						
			BIL. TAMB. KERUSI	JUM. LAH KERUSI	BIL. TAMB. KERUSI	JUM. LAH KERUSI	BIL. TAMB. KERUSI	JUM. LAH KERUSI	BIL. TAMB. KERUSI	JUM. LAH KERUSI					
PERLIS	2	12	-	2	-	2	14	1	3	1	15	-	3	-	15
KEDAH	12	24	1	13	1	28	2	8	15	8	36	-	15	-	36
KELANTAN	10	30	2	12	1	39	3	4	14	4	43	-	14	2	45
TERENGGANU	6	24	1	7	1	32	4	-	8	-	32	-	8	-	32
PULAU PINANG	8	24	1	9	2	33	6	-	11	-	33	2	13	7	40
PERAK	20	40	1	21	2	46	4	-	23	6	52	1	24	7	59
PAHANG	6	24	2	8	2	33	1	5	11	5	38	3	14	4	42
SELANGOR	14	28	-3	11	3	42	9	6	17	6	48	5	22	8	56
W.P. KUALA LUMPUR	-	-	5	5	2	-	-	-	10	-	-	1	11	-	-
W.P. PUTRAJAYA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-	-
NEGERI SEMBILAN	6	24	-	6	1	28	4	4	7	4	32	1	8	4	36
MELAKA	4	20	-	4	1	20	-	5	5	5	25	1	6	3	28
JOHOR	16	32	-	16	2	36	4	4	20	4	40	6	26	16	56
W.P. LABUAN	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-	-	-	1	-	-
JUMLAH	104	282	10	114	19	351	39	43	145	43	394	21	166	51	445

Rajah 1-2 : Bilangan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (mengikut negeri) berdasarkan tahun urusan kajian semula persempadanan kali pertama hingga kelima



Rajah 1-3 : Bilangan Bahagian Pilihan Raya Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (mengikut negeri) berdasarkan tahun urusan kajian semula persempadanan kali pertama hingga kelima



1.4 LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN- BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN NEGERI BAGI NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU KALI KEENAM TAHUN 2018

Warta P.U.(B) 132/2003 memperuntukkan bahawa tarikh siap Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu yang terakhir adalah pada 21 Mac 2003. Perkara ini selaras dengan peruntukan Perkara 113(10), Perlembagaan Persekutuan iaitu:

“(10) Tarikh siapnya sesuatu kajian semula di bawah Fasal (2) atau Fasal (3A), mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah tarikh laporan dikemukakan kepada Perdana Menteri di bawah seksyen 8 Jadual Ketiga Belas, dan notis mengenai tarikh itu hendaklah disiarkan dalam Warta oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.”

Selaras dengan peruntukan tersebut, SPR telah menjalankan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu kali keenam ini berdasarkan peruntukan Perkara 113(2), Perlembagaan Persekutuan iaitu:

“(2)(i) Tertakluk kepada perenggan (ii), Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah, dari semasa ke semasa, sebagaimana yang difikirkannya perlu, mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian pilihan raya dan mengesyorkan apa-apa perubahan mengenainya yang difikirkannya perlu supaya dipatuhi peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas; dan kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan-Dewan Undangan hendaklah dijalankan pada masa yang sama dengan kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan Rakyat.

(ii) Maka hendaklah ada lat tempoh tidak kurang daripada lapan tahun antara tarikh siapnya satu kajian semula, dengan tarikh bermulanya kajian semula yang kemudiannya, di bawah Fasal ini.

(iii) Kajian semula di bawah perenggan (i) hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.”

Berdasarkan kepada peruntukan Perkara 113(2) (ii), Perlembagaan Persekutuan, had lat tempoh 8 tahun kajian semula persempadanan sebelum ini telah berakhir pada 20 Mac 2011. Oleh yang demikian, Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu kali keenam ini boleh dimulakan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh SPR mulai 21 Mac 2011.

Tarikh bermula Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu kali keenam adalah pada 15 September 2016 iaitu tarikh tersiarnya Notis Persempadanan yang diwartakan menurut Seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Penentuan tarikh mula kajian ini selaras dengan peruntukan Perkara 113(9), Perlembagaan Persekutuan iaitu:

“(9) Tarikh bermulanya sesuatu kajian semula di bawah Fasal (2) atau Fasal (3A), mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah tarikh tersiarnya notis yang disebut dalam seksyen 4 Jadual Ketiga Belas dalam Warta.”

Sesuai dengan peruntukan Perkara 113(2)(iii), Perlembagaan Persekutuan, SPR hendaklah menyiapkan kajian ini pada atau sebelum 15 September 2018 iaitu dalam tempoh tidak melebihi dua tahun dari tarikh kajian ini bermula.

LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

BAB 2

MEKANISME KAJIAN

MENGENAI
**SYOR-SYOR YANG DICADANGKAN BAGI
BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN
NEGERI DI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
KALI KEENAM TAHUN 2018**

BAB 2

MEKANISME KAJIAN

2.1 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BAGI URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN NEGERI BAGI NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU

Urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya telah dipertanggungjawabkan kepada SPR berdasarkan ketetapan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan serta menurut prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan sebagaimana Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. SPR bertanggungjawab untuk membuat kajian semula pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian-bahagian pilihan raya pada lat tempoh tidak kurang daripada 8 tahun selepas selesainya urusan kajian semula persempadanan yang terakhir. Sesuatu urusan kajian semula persempadanan hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula persempadanan itu.

Urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya boleh dijalankan mengikut sesebuah unit kajian semula yang ditetapkan oleh Perkara 113(6), Perlembagaan Persekutuan iaitu:

- (a) Negeri-Negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya);
- (b) Negeri Sabah; dan
- (c) Negeri Sarawak.

Perkara 113(6) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

“(6) Kajian semula yang berasingan di bawah Fasal (2) hendaklah dijalankan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan bagi tiap-tiap satu Negeri Sabah dan Sarawak, dan bagi maksud Bahagian ini ungkapan “unit kajian semula” ertinya, bagi bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan, kawasan yang sedang dikaji semula dan, bagi bahagian-bahagian pilihan raya Negeri, ertinya Negeri itu, dan ungkapan “Negeri-Negeri Tanah Melayu” termasuklah Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.”

Oleh yang demikian, pelaksanaan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah merangkumi Negeri-Negeri dan Wilayah-Wilayah Persekutuan yang terletak di dalam gugusan Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian semula ini perlu dilaksanakan secara berasingan daripada negeri Sabah dan Sarawak.

Perkara 115(2), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa dua orang pegawai Kerajaan Persekutuan yang mempunyai pengetahuan khas mengenai topografi dan taburan penduduk dalam unit kajian semula bagi Bahagian Pilihan Raya Persekutuan hendaklah dipilih bagi menasihati SPR dalam urusan kajian semula persempadanan. Perkara 115(2), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

“(2) Apabila diminta oleh Suruhanjaya, semua pihak berkuasa awam hendaklah memberikan apa-apa bantuan sebagaimana yang dapat dilaksanakan kepada Suruhanjaya dalam menunaikan tugas-tugasnya; dan pada menjalankan fungsinya bagi membuat syor-syor bagi menyempadankan bahagian-bahagian pilihan raya bagi pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 113, Suruhanjaya hendaklah meminta nasihat daripada dua orang pegawai Kerajaan Persekutuan yang mempunyai pengetahuan khas mengenai topografi dan taburan penduduk dalam unit kajian semula

bagi pilihan raya persekutuan, dan pegawai-pegawai itu hendaklah dipilih bagi maksud itu oleh Yang di-Pertuan Agong."

Selaras dengan kehendak Perkara 115(2) tersebut, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenan pemilihan **seorang pegawai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** dan **seorang pegawai daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)** untuk menasihati SPR dalam perkara-perkara berkaitan dengan topografi dan taburan penduduk bagi melaksanakan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Pegawai-pegawai yang telah diperkenan adalah seperti yang berikut:-

- (a) **YBrs. Sr. Ahamad Bin Zakaria**
Pengarah Ukur Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
- (b) **YBrs. Dr. Mohd Uzir Bin Mahidin**
Timbalan Ketua Perangkawan (Sosial/
Demografi)
Jabatan Perangkaan Malaysia

Di samping itu, SPR juga mendapatkan khidmat nasihat dan rujukan daripada pihak Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di peringkat negeri bagi maksud menjalankan urusan kajian semula persempadanan kali ini.

2.1.1 Bidang Kuasa dan Lat Tempoh Kajian

Menurut Perkara 113(2)(ii), Perlembagaan Persekutuan, lat tempoh di antara sesuatu kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya ialah tidak kurang daripada 8 tahun.

Perkara 113(9) dan 113(10), Perlembagaan Persekutuan menjelaskan mengenai bila masa kajian semula dianggap sebagai bermula dan berakhir. Perkara 113(9) dan 113(10), Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

"(9) Tarikh bermulanya sesuatu kajian semula di bawah Fasal (2) atau Fasal (3A), mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah tarikh tersiarnya notis yang disebut dalam seksyen 4 Jadual Ketiga Belas dalam Warta.

(10) Tarikh siapnya sesuatu kajian semula di bawah Fasal (2) atau Fasal (3A), mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah tarikh laporan dikemukakan kepada Perdana Menteri di bawah seksyen 8 Jadual Ketiga Belas, dan notis mengenai tarikh itu hendaklah disiarkan dalam Warta oleh Suruhanjaya Pilihan Raya."

2.1.2 Prinsip-Prinsip dan Kriteria Kajian Semula Persempadanan

Prinsip-prinsip yang dijadikan asas dalam melaksanakan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah berdasarkan Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, terdapat beberapa kriteria lain yang turut diberi pertimbangan dan diambil perhatian dalam menentukan sempadan sesuatu bahagian pilihan raya. Kriteria-kriteria tersebut adalah:

- (a) Keadaan geografi dan topografi kawasan berkenaan;
- (b) Tahap pembangunan kawasan-kawasan yang terlibat;
- (c) Keadaan demografi, kepadatan penduduk dan bilangan pemilih; dan
- (d) Kemudahan asas infrastruktur seperti jalan raya dan sistem komunikasi.

Dari segi penentuan bilangan pemilih bagi satu-satu bahagian pilihan raya, adalah sukar untuk menentukan perbezaan bilangan pemilih di antara kawasan pesat membangun dan kawasan yang kurang membangun atau di antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Tiada formula khusus yang boleh dijadikan panduan bagi menentukan keseimbangan jumlah pemilih antara satu bahagian dengan satu bahagian

Rajah 2-1: Contoh papan tanda sempadan daerah



pilihan raya yang lain. Justeru itu, prinsip-prinsip yang diperuntukkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dijadikan asas utama dalam melaksanakan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya.

Peruntukan Seksyen 2(a) hingga (d), Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

“2. Prinsip yang berikut hendaklah seboleh-bolehnya diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya menurut peruntukan Perkara 116 dan 117-

(a) di samping mengambil perhatian tentang wajarnya semua pemilih diberi peluang yang semunasabahnya mudah untuk pergi mengundi, bahagian-bahagian pilihan raya patutlah disempadankan supaya tidak merentasi sempadan Negeri dan patutlah juga diberikan perhatian kepada kesulitan bahagian pilihan raya Negeri merentasi sempadan bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan;”

Penjelasan: Mengikut konsep *Single Member Territorial Representation*, setiap sempadan bahagian pilihan raya yang ingin diwakili perlu ditetapkan terlebih dahulu. Bagi Bahagian Pilihan Raya Persekutuan, sempadan yang dibuat **tidak boleh melangkaui atau merentasi sempadan negeri yang lain**. Manakala bagi bahagian pilihan raya negeri pula, sempadannya **tidak boleh berada di dalam dua Bahagian Pilihan Raya Persekutuan yang berbeza**.

Sempadan bahagian-bahagian pilihan raya dibentuk melalui penetapan daripada sesuatu yang boleh dilihat secara jelas dan nyata seperti bukit, gunung, jalan raya atau sungai serta sempadan perundangan seperti sempadan lot tanah, mukim, daerah atau negeri.

“(b) perhatian patutlah diberikan kepada kemudahan pentadbiran yang boleh didapati di dalam bahagian pilihan raya itu bagi mengadakan jentera pendaftaran dan pengundian yang perlu;”

Penjelasan: Dalam membuat sempadan bahagian pilihan raya, **kemudahan warganegara untuk mendaftar sebagai pemilih dan mengundi semasa pilihan raya** merupakan kriteria utama dalam pewujudan dan penetapan sempadan baharu. Sebelum sebarang cadangan pindaan dibuat, SPR akan sentiasa memastikan terdapat kelengkapan infrastruktur dan fasiliti yang sesuai bagi menguruskan aktiviti pendaftaran pemilih dan pilihan raya di bahagian pilihan raya tersebut. Dalam hal ini, sempadan pentadbiran daerah juga seboleh-bolehnya diambil kira agar setiap bahagian pilihan raya berada di bawah kelolaan Ketua Pentadbiran Daerah atau pihak berkuasa tempatan (PBT) yang sama supaya segala urusan pendaftaran pemilih, perjalanan pilihan raya dan jentera pengundian dapat dijalankan dengan lebih lancar dan teratur.

Namun begitu, tidak dinafikan bahawa kebanyakan negeri-negeri di Tanah Melayu mempunyai bilangan pentadbiran daerah yang berbeza daripada bilangan PBT. Sebagai contoh, Negeri Sembilan mempunyai 9 buah pentadbiran

daerah dan 13 buah PBT. Manakala, Negeri Kelantan pula mempunyai 11 buah jajahan (pentadbiran daerah) dan 12 buah PBT. Oleh yang demikian, adalah sukar kepada SPR untuk memastikan supaya seluruh bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berada di dalam satu kawasan pentadbiran daerah dan PBT. Selain

itu, terdapat juga 6 buah agensi yang diberikan kuasa oleh Kerajaan Negeri masing-masing untuk melaksanakan fungsi-fungsi PBT seperti Perbadanan Putrajaya dan Lembaga Pembangunan Tioman. Senarai bilangan pentadbiran daerah/jajahan dan PBT adalah sepertimana dalam **Jadual 2-1**.

Jadual 2-1: Bilangan pentadbiran daerah/jajahan, PBT dan agensi yang menjalankan tugas PBT

NEGERI	BILANGAN DAERAH/ JAJAHAN	BILANGAN DAERAH/ JAJAHAN KECIL	BILANGAN PBT	AGENSI DIBERI KUASA PBT
Perlis	*	-	1	-
Kedah	12	-	11	1
Kelantan	10	1	12	-
Terengganu	8	-	7	-
Pulau Pinang	5	-	2	-
Perak	12	-	15	-
Pahang	11	-	11	1
Selangor	9	-	12	-
W.P. Kuala Lumpur	-	-	1	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	1
Negeri Sembilan	7	1	8	-
Melaka	3	-	4	-
Johor	10	3	15	2
W.P. Labuan	-	-	-	1
JUMLAH	87	5	99	6

* Negeri Perlis hanya dibahagikan kepada mukim-mukim

“(c) bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa, dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar, ukuran pewajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya;”

Penjelasan: Secara dasarnya, setiap pemilih akan mengundi berdasarkan bahagian pilihan raya yang telah ditetapkan kepada mereka. Namun begitu, bilangan jumlah pemilih dalam sesuatu bahagian yang lebih kurang sama banyak turut diambil kira selain faktor-faktor seperti kesukaran perhubungan, pengangkutan, keluasan kawasan, demografi dan bentuk geografi. Setiap bahagian pilihan raya adalah unik dan berbeza dari segi demografi, keluasan kawasan dan bentuk geografi. Oleh yang demikian, setiap satu bahagian pilihan raya adalah tidak wajar disamakan atau dibandingkan dengan bahagian pilihan raya yang lain.

Selain itu, purata bilangan pemilih dalam sesebuah negeri secara tidak langsung juga akan mempengaruhi jumlah dan keluasan kawasan bahagian-bahagian pilihan raya. Ia juga untuk menentukan supaya tidak terdapat jurang perbezaan jumlah pemilih yang besar antara satu bahagian pilihan raya dengan bahagian pilihan raya yang lain, melainkan bagi bahagian-bahagian pilihan raya tertentu yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman yang mana perhatian juga akan diberikan kepada keluasan kawasan.

Bagi kawasan luar bandar, keutamaan diberikan kepada keluasan kawasan bagi memastikan rakyat boleh mendapat khidmat daripada wakil rakyat yang dipilih kelak. Sungguhpun demikian, SPR telah cuba mengelakkan penekanan tanpa had yang munasabah untuk menjamin bilangan pemilih yang sesuai dan berpatutan bagi bahagian pilihan raya di dalam kawasan luar bandar dan pedalaman yang merangkumi kawasan-kawasan luas dan sukar dihubungi dan ditadbir.

Selain keluasan kawasan, kriteria-kriteria lain seperti kepadatan penduduk, tahap pembangunan dan kemudahan-kemudahan asas yang ada akan diberi perhatian sewajarnya. Dengan cara ini, bilangan bahagian pilihan raya yang mempunyai jumlah pemilih yang rendah dapat dihadkan kepada bilangan yang minimum.

Walaupun begitu, wujud juga keadaan-keadaan tertentu yang luar biasa seperti kewujudan faktor semula jadi yang tidak boleh diubah atau dielakkan seperti keadaan geografi, topografi dan sebagainya yang kadangkala menghalang prinsip dan garis panduan berkenaan digunapakai secara konsisten. Oleh itu, jika terdapat perbezaan

antara bahagian-bahagian pilihan raya dalam kategori yang sama ia tidak dapat dielakkan dan bukanlah sesuatu yang disengajakan.


“(d) perhatian patutlah diberikan kepada kesulitan yang akan timbul dengan perubahan bahagian-bahagian pilihan raya, dan kepada pemeliharaan hubungan tempatan.”


Penjelasan: Dalam menimbangankan penetapan sempadan bahagian pilihan raya, SPR menitikberatkan elemen hubungan tempatan. Hubungan tempatan bermaksud **jalinan hubungan kemasyarakatan dalam kawasan setempat seperti kampung dan taman perumahan**. Hubungan tempatan tidak bermaksud bahawa setiap bahagian pilihan raya perlu berada di bawah PBT yang sama. Sebarang garisan sempadan yang dilakarkan oleh SPR seboleh-bolehnya tidak memisahkan hubungan masyarakat antara kawasan yang terlibat. Oleh yang demikian, SPR telah mengambil kira sempadan pentadbiran daerah dan kerajaan tempatan supaya sebarang isu dan masalah di peringkat tempatan dapat diuruskan oleh penguasa tempatan dalam bahagian pilihan raya tersebut. Faktor ini juga akan memudahkan segala urusan pentadbiran pilihan raya.

2.2 TATACARA URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA

Secara ringkasnya, tatacara urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya dilaksanakan berdasarkan ketetapan yang diperuntukkan di bawah Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, sebagaimana Rajah 2-2 yang berikut:

Rajah 2-2: Tatacara urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan





2.3 MEKANISME PELAKSANAAN URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU

Bagi memastikan kajian ini berjalan dengan lancar, tujuan kajian ini dilaksanakan terlebih dahulu iaitu:

- (a) Mengkaji semula sempadan bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada bagi menyesuaikan dengan keperluan penambahan bilangan bahagian-bahagian pilihan raya sama ada Persekutuan mahupun negeri, pertambahan pemilih dan populasi penduduk pada masa kajian ini dimulakan; dan
- (b) Mengkaji semula sempadan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan negeri sedia ada bagi menyesuaikan dengan perubahan demografi, topografi dan pembangunan tempatan untuk memudahkan pemilih keluar mengundi serta diadakan jentera pilihan raya dan pendaftaran pemilih.

2.3.1 DATA DAN MAKLUMAT YANG DIGUNAKAN DALAM KAJIAN

Data dan maklumat yang digunakan dalam melaksanakan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah merangkumi data-data primer dan sekunder seperti yang berikut:

- (a) Data penduduk mengikut bancian yang terakhir;
- (b) Daftar pemilih yang digunakan sebagai asas;
- (c) Maklumat mengenai keadaan demografi penduduk;

- (d) Maklumat lengkap mengenai topografi dan keadaan muka bumi kawasan yang terlibat dalam kajian semula;
- (e) Maklumat terkini mengenai pembangunan fizikal yang sedang dan akan dilaksanakan;
- (f) Data-data berkenaan pembangunan yang telah dilaksanakan sejak persempadanan yang terakhir (sejak tahun 2003); dan
- (g) Data-data dan maklumat mengenai kemudahan infrastruktur khususnya jalan raya dan kemudahan perhubungan yang lain.

2.3.2 DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIRUJUK

Dokumen-dokumen yang dirujuk dalam melaksanakan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah:

- (a) Daftar pemilih bagi tahun asas yang digunakan ialah daftar pemilih semasa iaitu *P.U.(B) 217/2016* yang telah diperakui oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan diwartakan pada **13 Mei 2016** dan dibaca bersama *P.U.(B) 399/2016* bertarikh **6 September 2016**;
- (b) Pelan Warta mengenai bahagian-bahagian pilihan raya yang telah diwartakan pada **29 April 2016** iaitu *P.U.(B) 197/2016* dan dibaca bersama *P.U.(B) 366/2016* bertarikh **22 Ogos 2016**;
- (c) Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia: Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografik bagi tahun 2010 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia;
- (d) Anggaran Penduduk Tahun 2015 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia; dan
- (e) Peta-peta topografi yang terkini.

2.3.3 PENGGUNAAN APLIKASI “ELECTORAL GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM (EGIS)”

EGIS adalah merupakan sebuah aplikasi yang dibangunkan dengan menggunakan perisian komputer yang dikenali sebagai *Geographical Information System* atau singkatannya GIS untuk menyimpan, mengolah, menganalisis dan memaparkan data secara gambaran geografi bagi membantu proses membuat keputusan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan pemetaan terutamanya dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya.

Objektif utamanya adalah untuk menyediakan satu medium maklumat bagi membantu SPR menjalankan kajian semula persempadanan dengan lebih pantas, sistematik dan berkesan. Aplikasi ini berupaya memaparkan maklumat kawasan pilihan raya dengan lebih lengkap dan menyeluruh berdasarkan gambaran sebenar serta capaian data yang lebih pantas. Di samping itu, EGIS dapat memantapkan pengurusan lokaliti terutamanya melibatkan kedudukan sebenar lokaliti di lapangan yang seterusnya membantu memudahkan penyediaan peta bahagian pilihan raya. Justeru, ia secara tidak langsung membantu SPR membuat keputusan dengan lebih tepat dan telus. Bagi memastikan hasil kajian yang terbaik, aplikasi ini digunakan untuk:

- (a) Membina semula dan mengemaskini peta-peta sempadan daerah mengundi (DM), Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Bahagian Pilihan Raya Negeri;
- (b) Melaksanakan urusan kajian semula persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi semua negeri;
- (c) Memaparkan lapisan-lapisan data sekunder yang berkaitan untuk tujuan rujukan dan analisis;
- (d) Menjana laporan-laporan berkaitan yang diperolehi melalui sistem untuk keperluan SPR;

- (e) Melakukan kerja-kerja analisa ringkas bagi data-data pemilih dan geospasial yang terlibat dengan urusan kajian semula persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri;
- (f) Menyelenggara data-data geospasial dan atribut yang melibatkan sempadan jalan raya, sungai dan lot-lot tanah; dan
- (g) Membina, menyelenggara, memapar dan mencetak lokasi, kedudukan spatial dan maklumat termasuk gambar bagi pusat-pusat mengundi bagi setiap DM.

2.3.4 BANTUAN DARIPADA ORGANISASI LUAR

SPR juga mendapatkan bantuan dan kerjasama daripada jabatan-jabatan Kerajaan yang lain bagi melancarkan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu terutamanya dalam aspek topografi, taburan penduduk, perundangan dan keselamatan. Jabatan-jabatan tersebut terdiri daripada:

- (a) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia;
- (b) Jabatan Perangkaan Malaysia;
- (c) Jabatan Peguam Negara;
- (d) Polis Diraja Malaysia; dan
- (e) Urus setia Parlimen.

2.4 DAFTAR PEMILIH

Jumlah bilangan pemilih semasa yang telah ditentukan oleh SPR seperti dalam Notis bertarikh 15 September 2016 adalah daftar pemilih semasa yang diperakui dan diwartakan pada **13 Mei 2016** [P.U.(B) 217/2016] dan **6 September 2016** [P.U.(B) 399/2016] telah diguna pakai bagi maksud kajian semula persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen

3, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan iaitu:

“Bagi maksud Bahagian ini, bilangan pemilih hendaklah dikira sebagai bilangan yang ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa.”

Jumlah pemilih bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu mengikut daftar pemilih semasa yang diperakui dan diwartakan pada **13 Mei 2016** dan **6 September 2016** adalah berjumlah **11,379,352** orang dan bilangan pemilih mengikut negeri adalah seperti di dalam **Jadual 2-2**.

Jadual 2-2: Bilangan pemilih di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu

NEGERI	BILANGAN PEMILIH ³
Perlis	137,098
Kedah	1,044,444
Kelantan	940,591
Terengganu	669,546
Pulau Pinang	867,748
Perak	1,407,529
Pahang	740,023
Selangor	2,078,311
W.P. Kuala Lumpur	788,413
W.P. Putrajaya	17,627
Negeri Sembilan	557,137
Melaka	456,645
Johor	1,649,131
W.P. Labuan	25,109
JUMLAH	11,379,352

2.5 NAMA-NAMA BAHAGIAN PILIHAN RAYA

Semasa kajian semula dijalankan, SPR mendapati terdapat nama bagi beberapa bahagian pilihan raya perlu dipinda kerana sempadan yang telah berubah atau nama asalnya yang tidak lagi sesuai digunakan.

Nama-nama yang diberikan adalah berpandukan kepada ciri-ciri berikut:

- tempat-tempat yang terkenal seperti nama-nama bandar, pekan, daerah, mukim dan sebagainya;
- tempat-tempat yang mempunyai latar belakang sejarah; dan
- nama yang sinonim dan dikenali penduduk atau masyarakat tempatan.

Dalam mengkaji kesesuaian nama-nama ini, SPR tidak mempertimbangkan cadangan nama yang:

- menggunakan nama yang sama bagi dua atau lebih bahagian pilihan raya sama ada bagi Bahagian Pilihan Raya Persekutuan atau Bahagian Pilihan Raya Negeri;
- memberi nama yang berunsur penjajah;
- menggunakan nama daripada perkataan yang boleh membawa makna yang kurang baik atau kurang sopan; dan
- menggunakan cantuman dua nama daerah pentadbiran atau dua tempat yang berdekatan.

Nama sesuatu bahagian pilihan raya sebolehnya diambil daripada nama DM yang terdapat dalam bahagian pilihan raya yang berkenaan yang mana DM tersebut adalah antara terbesar sama ada dari segi keluasan atau bilangan pemilih.

³ Bilangan pemilih dalam daftar pemilih semasa iaitu P.U. (B) 217/2016 yang telah diperakui oleh SPR dan diwartakan pada 13 Mei 2016 dan dibaca bersama P.U. (B) 399/2016 bertarikh 6 September 2016 yang telah diguna pakai bagi urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu kali keenam tahun 2018.

LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

BAB 3

NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU

MENGENAI
**SYOR-SYOR YANG DICADANGKAN BAGI
BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN
NEGERI DI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
KALI KEENAM TAHUN 2018**

BAB 3

NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU

3.1 LATAR BELAKANG

Rajah 3-1: Peta Negeri-Negeri Tanah Melayu



Negeri-Negeri Tanah Melayu atau lebih dikenali sebagai Semenanjung Malaysia merangkumi 11 buah negeri dan dua buah Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Wilayah Persekutuan Labuan iaitu sebuah pulau yang terletak di Malaysia Timur. Anggaran keluasan keseluruhan Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah kira-kira 132,000 km persegi⁴ dan anggaran populasi penduduk seramai 31,186,100 orang⁵. Saiz luas kawasan dan jumlah populasi penduduk bagi setiap negeri adalah berbeza antara satu sama lain. Selain itu, perbezaan juga dapat dilihat dengan jelas dari segi keadaan geografi, demografi dan tahap kemajuan, khususnya dalam bidang ekonomi dan infrastruktur bagi setiap negeri.

3.2 KEADAAN GEOGRAFI

Semenanjung Malaysia mengalami iklim Khatulistiwa dan dikelilingi oleh Selat Melaka di bahagian barat, Laut China Selatan di bahagian timur serta Selat Tebrau di bahagian selatan. Selain itu, Semenanjung Malaysia juga bersempadan dengan negara Thailand di utara dan Singapura di selatan. Bentuk muka bumi Semenanjung Malaysia merangkumi kawasan banjaran, gunung, bukit, sungai dan tasik. Dianggarkan hampir 44.2% dari keluasan keseluruhan Semenanjung Malaysia adalah diliputi oleh hutan hujan tropika⁶.

⁴ JUPEM. (2016). *Atlas Kebangsaan Malaysia*.


⁵ 2015 *Population Quick Info*. Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

⁶ Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. (2016). *Atlas Kebangsaan Malaysia*.

Banjaran Titiwangsa sepanjang 431 km adalah banjaran yang paling panjang di Semenanjung Malaysia. Banjaran ini merupakan tulang belakang utama bagi Semenanjung Malaysia yang menganjur dari sempadan negara Thailand sehingga ke Negeri Sembilan. Banjaran ini terdiri daripada kawasan tanah tinggi dan hutan tebal yang secara tidak langsung memisahkan Semenanjung Malaysia kepada pantai timur dan pantai barat. Puncak tertinggi di Banjaran Titiwangsa adalah Gunung Korbu iaitu 2,183 meter dari paras laut.

Sebahagian besar negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia adalah diliputi kawasan tanah tinggi kerana ia merangkumi sebahagian Banjaran Titiwangsa, Banjaran Benum, Banjaran Tahan dan Banjaran Pantai Timur. Selain itu, sebahagian besar negeri Perak juga diliputi oleh kawasan tanah tinggi yang merangkumi Banjaran Bintang dan juga sebahagian Banjaran Titiwangsa.

Rajah 3-2: Banjaran-banjaran di Semenanjung Malaysia




Sumber: Atlas Kebangsaan Malaysia, JUPEM

Puncak tertinggi di Semenanjung Malaysia terletak di Banjaran Tahan iaitu Gunung Tahan dengan ketinggian 2,187 meter dari paras laut. Gunung ini juga digunakan sebagai titik sempadan antara negeri Pahang dan Kelantan yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Selain itu, Gunung Bintang merupakan puncak tertinggi di Banjaran Bintang berketinggi 1,852 meter dari paras laut pula menjadi titik sempadan antara negeri Kedah dan Perak yang terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia. Manakala, Gunung Yong Belar di Banjaran Titiwangsa juga menjadi titik sempadan negeri antara Perak, Kelantan dan Pahang.


Kebanyakan sungai yang mengalir di Semenanjung Malaysia masih lagi digunakan sebagai medium perhubungan, pengangkutan dan juga kegiatan ekonomi khususnya penternakan ikan air tawar. Sungai Pahang sepanjang 486.57 km merupakan sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia dan sungai ini kaya dengan hasil perikanan air tawar antaranya ikan patin dan tilapia. Selain itu, terdapat beberapa sungai utama yang lain di Semenanjung Malaysia seperti Sungai Perak, Sungai Kelantan, Sungai Muar, Sungai Rompin dan Sungai Muda.

Rajah 3-3: Lima gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia



Sumber: Atlas Kebangsaan Malaysia, JUPEM

Rajah 3-4: Sungai-sungai utama di Semenanjung Malaysia



Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran

Bentuk muka bumi Semenanjung Malaysia juga turut merangkumi beberapa buah tasik semulajadi yang terkenal dengan kegiatan ekopelancongan contohnya Tasik Dayang Bunting di Kedah dan Tasik Bera di Pahang. Terdapat juga tasik buatan yang digunakan sebagai empangan hidroelektrik bagi menjana kuasa elektrik seperti Tasik Temenggor di Perak dan Tasik Kenyir di Terengganu.

Dari segi aktiviti guna tanah pula, aktiviti pertanian di Semenanjung Malaysia dijalankan secara komersil dan besar-besaran khususnya penanaman kelapa sawit, getah, padi, sayuran, kelapa, nanas, koko dan teh. Sebanyak 3.178 juta hektar tanah di seluruh Semenanjung Malaysia digunakan untuk penanaman kelapa sawit. Ini diikuti pula oleh aktiviti penanaman getah yang melibatkan sebanyak 1.192 juta hektar tanah.⁷

7 Keluasan Guna Tanah Tanaman Semenanjung Malaysia 2014. Sumber: Jabatan Pertanian.

3.3 DEMOGRAFI PENDUDUK

Anggaran jumlah penduduk di Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2015 adalah lebih kurang 24.76 juta orang iaitu peningkatan sebanyak 23% sejak tahun 2003 dengan anggaran jumlah penduduk pada tahun tersebut adalah 20.07 juta orang⁸. Ini bermakna, anggaran purata taburan penduduk bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seramai 188 orang bagi setiap 1 km persegi.

Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan penduduk paling ramai dengan anggaran seramai 6.18 juta orang dan diikuti pula oleh negeri Johor seramai 3.61 juta orang. Manakala, kawasan yang mempunyai bilangan penduduk paling rendah adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan hanya kira-kira 83,000 orang.


Jadual 3-1: Anggaran bilangan penduduk di Negeri-Negeri Tanah Melayu bagi tahun 2015

NEGERI	LUAS KAWASAN (km persegi)	ANGGARAN BILANGAN PENDUDUK ('000)		ANGGARAN JUMLAH PENDUDUK ('000)	ANGGARAN PURATA TABURAN PENDUDUK (bagi setiap km persegi)
		LELAKI	PEREMPUAN		
Perlis	813	123.8	124.7	248.5	305.7
Kedah	9,471	1,063.1	1,033.4	2,096.5	221.4
Kelantan	15,105	887.6	873.0	1,760.6	116.6
Terengganu	12,956	591.6	569.4	1,161.0	89.6
Pulau Pinang	1,040	855.2	842.9	1,698.1	1,632.8
Perak	21,022	1,249.3	1,217.6	2,466.9	117.3
Pahang	35,965	858.2	749.7	1,607.9	44.7
Selangor	8,059	3,212.5	2,965.5	6,178.0	766.6
W.P. Kuala Lumpur	243	913.0	867.4	1,780.4	7,326.7
W.P. Putrajaya	49	38.5	44.5	83.0	1,693.9
Negeri Sembilan	6,664	563.7	525.1	1,088.8	163.4
Melaka	1,655	447.9	441.1	889.0	537.2
Johor	19,142	1,909.8	1,700.5	3,610.3	188.6
W.P. Labuan	92	48.1	47.0	95.1	1,033.7
JUMLAH	132,276	12,762.3	12,001.8	24,764.1	

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia & Atlas Kebangsaan Malaysia, JUPEM

8 2003 Population Quick Info. Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 3-5: Peratus pecahan penduduk di Negeri-Negeri Tanah Melayu bagi tahun 2015



Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2010 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah kawasan yang mempunyai tahap kepadatan penduduk paling tinggi di

Semenanjung Malaysia iaitu seramai 6,556.18 orang bagi setiap km persegi. Manakala, kawasan yang mempunyai densiti paling rendah adalah Gua Musang dengan hanya 10.46 orang bagi setiap km persegi.

Rajah 3-6: Daerah-daerah berdensiti tinggi di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu (melebihi 1,000 orang/km persegi)



Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 3-7: Daerah-daerah berdensiti rendah di dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu
(kurang 25 orang/km persegi)



Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbeza budaya, bahasa dan corak kehidupan. Majoriti penduduk di Negeri-Negeri Tanah Melayu terdiri daripada 3 kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Di samping itu,

terdapat juga masyarakat peribumi minoriti di Semenanjung Malaysia iaitu Orang Asli yang terbahagi kepada 3 kumpulan utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto.


Jadual 3-2: Pecahan kaum di Negeri-Negeri Tanah Melayu

NEGERI	JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT KAUM ('000)					JUMLAH ('000)
	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	Bukan Warganegara Malaysia	
Perlis	213.0	19.2	3.1	4.8	8.5	248.5
Kedah	1,586.7	257.6	140.2	20.2	91.9	2,096.5
Kelantan	1,639.6	54.7	4.8	10.9	50.7	1,760.6
Terengganu	1,095.8	27.7	2.7	2.4	32.3	1,161.0
Pulau Pinang	701.6	685.8	164.3	5.2	141.2	1,698.1
Perak	1,376.1	703.1	283.0	9.3	95.4	2,466.9
Pahang	1,203.8	233.1	64.5	5.4	101.0	1,607.9
Selangor	3,252.9	1,531.7	715.5	43.4	634.5	6,178.0
W.P. KL	717.8	657.0	153.5	17.4	234.7	1,780.4
W.P. Putrajaya	78.1	0.5	1.1	0.1	3.1	83.0
Negeri Sembilan	627.1	229.1	152.6	4.0	76.1	1,088.8
Melaka	572.7	215.9	49.9	4.6	45.9	889.0
Johor	1,945.9	1,078.8	230.8	18.0	336.8	3,610.3
W.P. Labuan	72.2	9.5	0.7	2.3	10.4	95.1
JUMLAH ('000)	15,083.3	5,703.7	1,966.7	148.0	1,862.5	24,764.1

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah 3-8: Peratus pecahan kaum di Negeri-Negeri Tanah Melayu



Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

3.4 KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Seiring dengan pembangunan negara yang pesat, pelbagai infrastruktur telah disediakan untuk rakyat khususnya dari segi jalinan jalan raya bagi memudahkan perhubungan antara penduduk kawasan luar bandar dengan bandar. Bagi tujuan ini, jaringan lebuh raya telah dibangunkan merentasi seluruh Semenanjung Malaysia seperti Lebuh raya Utara Selatan telah menghubungkan negeri-negeri utara dan selatan di bahagian pantai barat. Manakala, Lebuh raya Pantai Timur pula telah dibuat untuk menghubungkan negeri-negeri di bahagian pantai barat dengan pantai timur Semenanjung Malaysia. Selain itu, semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia juga dihubungkan oleh jaringan landasan keretapi yang menghubungkan pekan-pekan kecil dengan bandar-bandar besar.

Disamping itu, mod pengangkutan transit rel juga dibangunkan yang tertumpu di kawasan Lembah Klang yang mempunyai densiti penduduk yang paling tinggi di Semenanjung Malaysia. Antara

kemudahan transit rel yang disediakan adalah KTM Komuter, LRT, LRT Star, Monorel dan ERL.

Selain daripada jaringan jalan raya dan keretapi, infrastruktur lain di Negeri-Negeri Tanah Melayu juga merangkumi pelabuhan, lapangan terbang antarabangsa dan domestik.

3.5 BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA SEDIA ADA

Setelah tamatnya Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu kali kelima pada tahun 2003 dahulu, Negeri-Negeri Tanah Melayu telah dibahagikan kepada 166 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 445 Bahagian Pilihan Raya Negeri. Bahagian-bahagian pilihan raya ini telah digunakan dalam beberapa siri Pilihan Raya Umum (PRU) iaitu PRU Ke-11 pada tahun 2004, PRU Ke-12 pada tahun 2008 dan PRU Ke-13 pada tahun 2013. Senarai bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seperti di **LAMPIRAN I**.

LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

BAB 4
PAMERAN,
REPRESENTASI
DAN SIASATAN
TEMPATAN

MENGENAI
SYOR-SYOR YANG DICADANGKAN BAGI
BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN
NEGERI DI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
KALI KEENAM TAHUN 2018

BAB 4

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN

4.1 NOTIS PERSEMPADANAN, PAMERAN SYOR, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

4.1.1 NOTIS PERSEMPADANAN

Dalam melaksanakan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri, SPR dikehendaki mengeluarkan notis persempadanan bagi tujuan pemakluman kepada umum. Sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR dikehendaki terlebih dahulu memaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan YAB Perdana Menteri mengenai urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri yang akan dijalankan, mewartakan notis persempadanan dan menyiarkan notis tersebut dalam sekurang-kurangnya 1 akhbar tempatan. Peruntukan Seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

“4. Jika Suruhanjaya Pilihan Raya telah memutuskan buat sementara untuk membuat syor di bawah Fasal (2) Perkara 113 yang menyentuh mana-mana bahagian pilihan raya, Suruhanjaya hendaklah memberitahu Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri dengan sewajarnya, dan hendaklah menyiarkan dalam Warta dan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar yang diedarkan di dalam bahagian pilihan raya itu suatu notis yang menyatakan –

- (a) kesan syor yang dicadangkan olehnya, dan (kecuali dalam hal jika Suruhanjaya bercadang untuk mengesyorkan bahawa tiada perubahan dibuat berkenaan dengan bahagian pilihan raya itu) bahawa suatu salinan syornya terbuka untuk diperiksa di suatu tempat tertentu di dalam bahagian pilihan raya itu; dan
- (b) bahawa representasi mengenai syor yang dicadangkan itu boleh dibuat kepada Suruhanjaya dalam masa satu bulan selepas penyiaran notis itu,

dan Suruhanjaya hendaklah mempertimbangkan apa-apa representasi yang dibuat dengan sewajarnya mengikut mana-mana notis itu.”

Bagi tujuan pelaksanaan urusan kajian semula persempadanan ini, Notis Syor-Syor Yang Dicapadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Sebagaimana Yang Telah Dikaji Semula Oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Dalam Tahun 2016 (Notis Persempadanan) telah diwartakan pada **15 September 2016** selaras dengan Seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan tersebut.

Notis Persempadanan tersebut juga telah disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan pada **15 September 2016** yang bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai Syor-Syor Yang Dicapadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu Sebagaimana Yang Telah Dikaji Semula Oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Dalam Tahun 2016 (Syor Persempadanan). Akhbar-akhbar yang terlibat dalam penyiaran Notis Persempadanan tersebut adalah:

- (a) **Akhbar Bahasa Melayu**
 - (i) Utusan Malaysia
 - (ii) Utusan Borneo
- (b) **Akhbar Bahasa Inggeris**
 - (i) The New Straits Times
 - (ii) The Borneo Post

Notis Persempadanan yang telah diwartakan dan disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan mengandungi maklumat-maklumat yang berikut:

- (i) Maklumat mengenai pewujudan bahagian-bahagian pilihan raya yang baharu;
- (ii) Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan yang terlibat dalam semakan semula dan tersentuh oleh syor SPR;
- (iii) Pindaan nama ke atas beberapa Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri sedia ada;
- (iv) Bilangan pemilih bagi setiap Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri; dan
- (v) Senarai nama tempat di mana Syor Persempadanan bagi setiap Negeri-Negeri Tanah Melayu yang berkenaan boleh diperiksa oleh orang ramai.

4.1.2 PAMERAN SYOR

Seksyen 4(a), Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa satu salinan syor hendaklah dipamerkan selama satu bulan di tempat-tempat yang tertentu untuk diperiksa dan disemak oleh orang ramai.

Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu telah dipamerkan buat kali pertama di semua Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu. Pameran tersebut telah dilaksanakan selama satu bulan di semua Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan mulai **15 September 2016 hingga dan termasuk 14 Oktober 2016** di **262 tempat pemeriksaan** seperti yang dinyatakan dalam Notis Persempadanan yang telah diwartakan.

Hampir kesemua tempat yang terlibat di dalam pameran Syor Persempadanan menggunakan pejabat-pejabat Kerajaan iaitu pejabat tanah/daerah, pejabat penghulu/penggawa dan pejabat PBT. Selain itu, Syor Persempadanan turut dipamerkan di dewan-dewan orang ramai, pusat

komuniti, kompleks sukan dan lain-lain tempat yang boleh diakses oleh orang ramai. Perincian bilangan tempat pameran kali pertama dan peratus penggunaan tempat pameran bagi setiap Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seperti di dalam Jadual 4-1 dan Rajah 4-1.

Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu yang dipamerkan mengandungi maklumat-maklumat seperti yang berikut:

- (i) Maklumat mengenai pewujudan bahagian-bahagian pilihan raya yang baharu;
- (ii) Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan yang terlibat dalam semakan semula dan tersentuh oleh syor SPR;
- (iii) Pindaan nama ke atas beberapa bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri sedia ada;
- (iv) Bilangan pemilih bagi setiap Bahagian Pilihan Raya Persekutuan, Negeri dan DM; dan
- (v) Senarai nama tempat di mana Syor Persempadanan bagi setiap Negeri-Negeri Tanah Melayu yang berkenaan boleh diperiksa oleh orang ramai.

Di samping Syor Persempadanan tersebut, SPR turut mempamerkan rang pelan bahagian-bahagian pilihan raya bagi keseluruhan Negeri-Negeri Tanah Melayu dan rang pelan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri yang berkenaan di tempat pameran mengikut negeri masing-masing. Senarai bilangan pemilih mengikut DM sebelum kajian semula persempadanan tahun 2016 bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu turut disediakan di tempat-tempat pameran tersebut sebagai rujukan pemilih-pemilih yang hadir untuk membuat semakan.

Selain itu, SPR turut memuat naik Syor Persempadanan, rang pelan bahagian-bahagian pilihan raya bagi keseluruhan Negeri-Negeri Tanah Melayu, rang pelan bahagian-bahagian pilihan raya bagi setiap Negeri-Negeri Tanah


Melayu dan juga senarai bilangan pemilih mengikut DM di Negeri-Negeri Tanah Melayu sebelum persempadanan 2016 ke laman web rasmi SPR di www.spr.gov.my bermula pada

15 September 2016. Ini merupakan salah satu langkah proaktif SPR bagi memudahkan pemilih-pemilih Negeri-Negeri Tanah Melayu mendapat capaian maklumat.

Jadual 4-1: Bilangan tempat pameran kali pertama bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu

NEGERI	PEJABAT TANAH/ DAERAH	PEJABAT PENGHULU/ PENGGAWA	PEJABAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN	DEWAN/ PUSAT KOMUNITI/ KOMPLEKS SUKAN	LAIN-LAIN	JUMLAH TEMPAT PAMERAN BAGI NEGERI
Perlis	1	-	-	-	2	3
Kedah	13	-	2	-	2	17
Kelantan	10	9	5	-	2	26
Terengganu	8	-	-	-	1	9
Pulau Pinang	4	-	1	4	7	16
Perak	10	29	8	2	11	60
Pahang	11	23	-	-	3	37
Selangor	3	1	10	8	1	23
W.P. Kuala Lumpur	-	-	2	16	5	23
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	2	2
Negeri Sembilan	6	-	6	3	1	16
Melaka	2	-	-	1	3	6
Johor	11	-	9	2	1	23
W.P. Labuan	-	-	-	-	1	1
JUMLAH	79	62	43	36	42	262

Rajah 4-1: Peratus tempat pameran kali pertama bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu



4.1.3 REPRESENTASI


Selaras dengan Seksyen 4(b), Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, pihak berkepentingan boleh membuat representasi mengenai syor-syor yang dicadangkan kepada SPR secara bertulis dalam masa **satu bulan selepas notis mula disiarkan**.

Sepanjang tempoh pameran pertama Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu, SPR telah menerima sebanyak **804 representasi** terdiri dikalangan Kerajaan Negeri, PBT dan kategori 100 orang atau lebih pemilih bagi bahagian-bahagian pilihan raya berkenaan. Kesemua representasi ini disemak dan diklasifikasikan mengikut peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk tujuan siasatan tempatan iaitu:

(a) **430 representasi bantahan** yang **memenuhi syarat-syarat** seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan telah diadakan siasatan tempatan; dan

(b) **374 representasi bantahan** yang **tidak memenuhi syarat-syarat** seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan tidak diadakan siasatan tempatan.

Rajah 4-2: Bilangan representasi yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama



4.1.4 SIASATAN TEMPATAN

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR dikehendaki mengadakan satu siasatan tempatan sekiranya terdapat bantahan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri, PBT atau sekumpulan orang seramai satu ratus orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihan raya yang berkenaan. Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

“5. Jika, apabila tersiarnya notis di bawah seksyen 4 mengenai sesuatu syor yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bagi mengubah mana-mana bahagian pilihan raya, Suruhanjaya menerima apa-apa representasi membantah syor yang dicadangkan itu daripada-

- (a) Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang keseluruhan atau sebahagian kawasannya termasuk di dalam bahagian-bahagian pilihan raya yang tersentuh oleh syor itu; atau*
- (b) sekumpulan orang seramai satu ratus orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihan raya yang berkenaan,*

maka Suruhanjaya hendaklah menyebabkan suatu siasatan tempatan diadakan berkenaan dengan bahagian-bahagian pilihan raya itu.”

Wakil yang dibenarkan bagi pihak Kerajaan Negeri adalah Menteri Besar/Ketua Menteri yang mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)/Kabinet dan/atau sesiapa yang dilantik serta diberikan surat kuasa oleh Menteri Besar/Ketua Menteri untuk mewakili Kerajaan Negeri dalam sesi siasatan tempatan.

Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, wakil yang dibenarkan adalah anggota Majlis termasuk Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi dan/atau sesiapa yang dilantik serta diberikan surat kuasa

oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi untuk mewakili Pihak Berkuasa Tempatan dalam sesi siasatan tempatan.

Dalam menjalankan siasatan tempatan, SPR mempunyai kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] selaras dengan peruntukan Seksyen 6, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:


“6. Berhubung dengan apa-apa siasatan yang diadakan di bawah seksyen 5 Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya oleh Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119].”

Maklumat-maklumat mengenai prosiding siasatan tempatan yang dijalankan SPR bagi mendengar justifikasi bantahan di Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seperti yang berikut:

- (i) Prosiding siasatan tempatan merupakan prosiding di mana SPR mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya oleh Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119];
- (ii) Dikendalikan dalam bahasa rasmi iaitu Bahasa Kebangsaan;
- (iii) Kumpulan pembantah yang hadir perlu berpakaian sopan, kemas, tertib dan mematuhi segala arahan yang diberikan oleh SPR;
- (iv) Penggunaan kamera dan telefon bimbit adalah tidak dibenarkan semasa prosiding dijalankan melainkan dengan kebenaran SPR;
- (v) Hanya 20 orang pembantah yang nama mereka ditunjukkan di dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian pilihan raya yang berkenaan sepertimana yang telah disenaraikan oleh pembantah di dalam borang bantahan dan telah disahkan oleh SPR layak dan dibenarkan untuk masuk ke bilik siasatan tempatan;

- (vi) Jurucakap hendaklah dilantik dalam kalangan 20 orang pembantah yang hadir tersebut dan nama jurucakap hendaklah dimaklumkan kepada SPR sebelum tarikh siasatan tempatan dijalankan;
 - (vii) Pembantah tidak dibenarkan diwakili peguam untuk memberi keterangan, kecuali peguam berkenaan merupakan salah seorang daripada 100 orang pembantah yang nama mereka ditunjukkan di dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian pilihan raya yang berkenaan sepertimana yang telah disenaraikan oleh pembantah di dalam borang bantahan dan telah disahkan oleh SPR;
 - (viii) Pembantah perlu hadir di tempat siasatan tempatan 30 minit sebelum prosiding dimulakan;
 - (ix) Semua pembantah yang hadir perlu membawa bersama Kad Pengenalan untuk tujuan pengesahan;
 - (x) Pembantah hendaklah mengangkat sumpah sebelum membentangkan bantahan;
 - (xi) Setiap kumpulan akan diberi masa yang akan ditetapkan oleh SPR mengikut kesesuaian semasa untuk menjelaskan alasan-alasan mengapa mereka membuat bantahan terhadap cadangan persempadanan SPR dan masa tambahan akan diberikan sekiranya perlu dan adalah menjadi budi bicara SPR untuk berbuat demikian;
 - (xii) Prosiding siasatan tempatan hanya tertumpu kepada perkara-perkara yang dibantah sahaja;
 - (xiii) Sekiranya pembantah tidak dapat hadir untuk siasatan tempatan, mereka boleh mengemukakan alasan-alasan bantahan secara bertulis kepada SPR seberapa segera sebelum tarikh siasatan tempatan diadakan. Walau bagaimanapun, prosiding siasatan tempatan akan diteruskan tanpa kehadiran pembantah atau wakilnya dan keputusan bagi sesi prosiding berkenaan akan diputuskan tanpa kehadiran pembantah atau wakilnya; dan
 - (xiv) Syor SPR terhadap siasatan tempatan tidak akan dimaklumkan semasa sesi pendengaran tersebut dan hanya akan dimaklumkan melalui syor yang akan dipamerkan pada kali kedua. Bagi siasatan tempatan kali kedua pula, syor SPR akan dimasukkan dalam Laporan Akhir Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya.
- Susun atur dalam bilik siasatan tempatan adalah ditunjukkan pada Rajah 4-3 (tertakluk kepada perubahan semasa sekiranya melibatkan keanggotaan Ahli SPR dan kehadiran pihak-pihak Urus Setia semasa siasatan tempatan diadakan).

Rajah 4-3: Susun atur di dalam bilik siasatan tempatan



**tertakluk kepada perubahan semasa sekiranya melibatkan keanggotaan Ahli SPR dan kehadiran pihak-pihak Urus Setia semasa siasatan tempatan diadakan.*

SPR telah menjalankan siasatan tempatan kali pertama berhubung Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu (kecuali Negeri Selangor) bermula pada **31 Oktober 2016 (Isnin)** dan berakhir pada **28 Februari 2017 (Selasa)**. Walau bagaimanapun, siasatan tempatan bagi negeri Perlis, W.P. Putrajaya dan Labuan tidak dijalankan memandangkan tiada perubahan yang dilakukan ke atas sempadan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan atau Negeri yang terlibat dalam semakan semula dan tersentuh oleh syor yang dicadangkan.

Manakala, prosiding siasatan tempatan kali pertama bagi Negeri Selangor hanya dapat dijalankan mulai **27 disember 2017 (Rabu)** sehingga **9 Januari 2018 (Selasa)** setelah kes saman yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor ke atas SPR selesai dibicarakan di mahkamah.

Secara keseluruhannya, jumlah representasi bantahan yang layak untuk diadakan siasatan tempatan kali pertama adalah sebanyak **430 representasi** bantahan. Walau bagaimanapun, hanya 347 representasi bantahan yang didengar semasa prosiding siasatan tempatan tersebut diadakan manakala, wakil pembantah bagi baki 83 representasi bantahan lagi tidak hadir ke prosiding tersebut. Namun begitu, 83 representasi bantahan tersebut turut dipertimbangkan oleh SPR berdasarkan dokumen-dokumen bantahan yang dikemukakan semasa tempoh pameran Syor Persempadanan.

Semasa sesi siasatan tempatan tersebut dijalankan, SPR telah mendengar penjelasan daripada pihak pembantah yang ingin mengukuhkan representasi yang telah dibuat. Selain itu, SPR turut mengambil kira pelbagai faktor-faktor lain dalam membuat pertimbangan bagi setiap representasi bantahan yang dikemukakan seperti di dalam Rajah 4-4.

Rajah 4-4: Faktor-faktor lain yang diambilkira dalam membuat pertimbangan bagi representasi bantahan



Setelah mempertimbangkan hujahan serta alasan representasi pihak pembantah ke atas keseluruhan **430 representasi bantahan** tersebut, sebanyak **236 representasi bantahan telah diterima** dan **113 representasi bantahan telah ditolak**. Manakala, sebanyak **81 representasi bantahan yang sebahagian bantahannya diterima dan sebahagian lagi ditolak**.

Sementara itu, 68 daripada **374 representasi bantahan** yang tidak diadakan siasatan tempatan kerana tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan **ditolak** berdasarkan justifikasi seperti yang berikut:

- Tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan; dan
- Membantah keseluruhan syor SPR secara am.

Selain itu, sebanyak 231 representasi pula mengemukakan bantahan yang sama sepertimana representasi yang diadakan siasatan tempatan kali pertama. Di samping itu, terdapat juga

sebanyak 75 representasi yang tidak diadakan siasatan tempatan kerana representasi tersebut menyatakan sokongan terhadap Syor Persempadanan kali pertama.

Berdasarkan penjelasan dan hasil yang diperolehi daripada siasatan tempatan kali pertama tersebut, SPR telah menyemak semula dan membuat beberapa perubahan ke atas Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu. Jadual 4-2 menunjukkan ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran dan siasatan tempatan bagi Syor Persempadanan kali pertama untuk Negeri-Negeri Tanah Melayu. Sementara itu, Rajah 4-5 pula menunjukkan kronologi Syor Persempadanan kali pertama bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu.

Latar belakang urusan kajian semula persempadanan bagi setiap Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seperti di dalam **LAMPIRAN II**. Ringkasan bantahan bagi siasatan tempatan kali pertama mengenai syor-syor yang dicadangkan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**. Ringkasan representasi sokongan ke atas syor-syor kali pertama Negeri-Negeri Tanah Melayu pula ditunjukkan di **LAMPIRAN VII (Jilid 2)**.

Jadual 4-2 : Ringkasan jumlah representasi yang diterima sepanjang tempoh pameran dan siasatan tempatan kali pertama bagi Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu

NEGERI	REPRESENTASI YANG DITERIMA SEMASA PAMERAN KALI PERTAMA			JUMLAH REPRESENTASI YANG DITERIMA	SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA						
	KERAJAAN NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	100 ORANG ATAU LEBIH PEMILIH		REPRESENTASI TIDAK LAYAK UNTUK DIADAKAN SIASATAN TEMPATAN	REPRESENTASI BANTAHAN YANG DIDENGAR SEMASA SIASATAN TEMPATAN	PEMBANTAH YANG TIDAK HADIR PROSIDING SIASATAN TEMPATAN	JUMLAH REPRESENTASI LAYAK UNTUK SIASATAN TEMPATAN	KEPUTUSAN SPR		
									BANTAHAN DITERIMA	BANTAHAN DITOLAK	SEBAHAGIAN DITERIMA & SEBAHAGIAN DITOLAK
PERLIS	0	0	2	2	0	0	0	0	0	0	0
KEDAH	0	1	13	14	8	5	1	6	0	3	3
KELANTAN	1	6	99	106	47	56	3	59	30	17	12
TERENGGANU	1	3	106	110	30	48	32	80	65	7	8
PULAU PINANG	1	0	11	12	9	3	0	3	2	1	0
PERAK	1	1	70	72	27	38	7	45	15	29	1
PAHANG	1	1	47	49	31	16	2	18	11	5	2
SELANGOR	1	12	270	283	167	83	33	116	70	22	24
WP KUALA LUMPUR	0	0	22	22	3	19	0	19	6	4	9
WP PUTRAJAYA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
NEGERI SEMBILAN	0	0	34	34	19	15	0	15	11	3	1
MELAKA	1	1	34	36	5	30	1	31	12	6	13
JOHOR	0	1	63	64	26	34	4	38	14	16	8
WP LABUAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	7	26	771	804	374	347	83	430	236	113	81

Rajah 4-5: Kronologi Syor Persempadanan kali pertama bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu

4.2 NOTIS PERSEMPADANAN, PAMERAN SYOR, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

4.2.1 NOTIS PERSEMPADANAN

Seksyen 7, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

“7. Jika Suruhanjaya Pilihan Raya menyemak apa-apa syor yang dicadangkan selepas menyiarkan suatu notis mengenainya di bawah seksyen 4, maka Suruhanjaya hendaklah sekali lagi mematuhi seksyen itu berhubung dengan syor yang disemak itu, seolah-olah tiada notis dahulunya telah disiarkan:

Dengan syarat bahawa tidaklah perlu diadakan lebih daripada dua siasatan tempatan berkenaan dengan mana-mana syor itu.”

Selaras dengan peruntukan di atas, Notis Persempadanan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu (kecuali Negeri Selangor) telah diwartakan buat kali kedua untuk tujuan pemeriksaan awam pada **8 Mac 2017 (Rabu)**. Bagi maksud yang sama, Notis Persempadanan kali kedua bagi Negeri Selangor pula telah diwartakan pada **15 Januari 2018 (Isnin)**.

Kedua-dua notis tersebut turut disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan pada hari yang sama. Notis Persempadanan tersebut diwartakan iaitu pada **8 Mac 2017 (Rabu)** dan **15 Januari 2018 (Isnin)**. Akhbar-akhbar yang terlibat dalam penyiaran kedua-dua Notis tersebut adalah:

- (a) Utusan Malaysia
- (b) The New Straits Times

Notis Persempadanan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu yang telah diwartakan buat kali kedua tersebut mengandungi maklumat-maklumat seperti yang berikut:

- (i) Maklumat mengenai pewujudan bahagian-bahagian pilihan raya yang baharu;
- (ii) Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan yang terlibat dalam semakan semula dan tersentuh oleh syor SPR;
- (iii) Pindaan nama ke atas beberapa Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri sedia ada;
- (iv) Bilangan pemilih bagi setiap bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri; dan
- (v) Senarai nama tempat di mana Syor Persempadanan bagi setiap Negeri-Negeri Tanah Melayu yang berkenaan boleh diperiksa oleh orang ramai.

4.2.2 PAMERAN SYOR


Selaras dengan peruntukan Seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu (kecuali Negeri Selangor) yang mengandungi maklumat pindaan syor telah dipamerkan buat kali kedua bermula daripada **8 Mac 2017 (Rabu) hingga dan termasuk 7 April 2017 (Jumaat)** di **153 tempat pemeriksaan bagi 86 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan**. Syor Persempadanan bagi negeri Selangor pula dipamerkan untuk kali kedua mulai **15 Januari 2018 (Isnin) hingga dan termasuk 14 Februari 2018 (Rabu)** di **19 tempat pemeriksaan** yang melibatkan **18 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan**.

SPR turut memuat naik Syor Persempadanan dan rang pelan berkaitan ke laman web rasmi SPR iaitu www.spr.gov.my sepanjang tempoh pameran kali kedua sebagai salah satu inisiatif untuk memudahkan pemilih-pemilih di seluruh Negeri-Negeri Tanah Melayu memeriksa syor tersebut secara atas talian. Jadual 4-3 dan Rajah 4-6 menunjukkan bilangan dan peratus penggunaan tempat pameran kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu.

Jadual 4-3: Bilangan tempat pameran kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu

NEGERI	PEJABAT TANAH/ DAERAH	PEJABAT PENGHULU/ PENGGAWA	PEJABAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN	DEWAN/ PUSAT KOMUNITI/ KOMPLEKS SUKAN	LAIN-LAIN	JUMLAH TEMPAT PAMERAN BAGI NEGERI
Perlis	-	-	-	-	-	0
Kedah	3	-	2	-	1	6
Kelantan	4	6	4	-	2	16
Terengganu	8	-	-	-	1	9
Pulau Pinang	1	-	-	-	1	2
Perak	6	20	7	-	12	45
Pahang	5	14	-	-	-	19
Selangor	2	1	8	7	1	19
W.P. Kuala Lumpur	-	-	3	16	4	23
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	0
Negeri Sembilan	4	-	3	4	2	13
Melaka	2	-	-	1	2	5
Johor	6	-	7	1	1	15
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	0
JUMLAH	41	41	34	29	27	172

Rajah 4-6: Peratus tempat pameran kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu




4.2.3 REPRESENTASI

Selaras dengan peruntukan Seksyen 4(b), Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, sebanyak **881 representasi** telah diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu. Bantahan yang diterima dikalangan Kerajaan Negeri, PBT dan kategori sekumpulan orang seramai satu ratus orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihan raya yang berkenaan.

Bantahan-bantahan yang diterima sepanjang pameran kali kedua Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu telah diteliti dan diklasifikasikan seperti yang berikut:

- (a) **170 representasi bantahan** yang **memenuhi syarat-syarat** seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan telah diadakan siasatan tempatan; dan
- (b) **711 representasi** yang **tidak memenuhi syarat-syarat** seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan tidak diadakan siasatan tempatan.

Rajah 4-7: Bilangan representasi yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua



4.2.4 SIASATAN TEMPATAN

Siasatan tempatan kali kedua telah diadakan pada **17 April 2017 (Isnin) hingga 24 Mei 2017 (Rabu), 9 Ogos 2017 (Rabu) dan 26 Februari (Isnin) hingga 1 Mac 2018 (Khamis)** bertempat di ibu negeri bagi setiap Negeri-Negeri Tanah Melayu yang terlibat. Sebanyak **170 representasi bantahan** yang memenuhi peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan telah diadakan siasatan tempatan. Bagi negeri Perlis, W.P. Putrajaya dan Labuan, siasatan tempatan kali kedua tidak dijalankan kerana tiada perubahan ke atas sempadan dilaksanakan ke atas Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan atau Negeri yang terlibat dalam semakan semula dan tersentuh oleh syor yang dicadangkan.

Semasa sesi siasatan tempatan kali kedua dijalankan, pihak pembantah telah memberikan penjelasan berserta bukti yang menyokong kepada bantahan yang telah dikemukakan secara lisan dan bertulis. Keputusan untuk menerima atau menolak sesuatu representasi bantahan adalah dibuat berdasarkan kepada pendengaran dan penelitian ke atas penjelasan dan hujahan yang telah dikemukakan oleh pihak pembantah.

Di samping itu, pertimbangan juga dibuat berdasarkan bukti-bukti yang telah dikemukakan bagi menyokong dan mengukuhkan representasi yang telah dibuat. Urus setia SPR turut mengadakan lawatan di lapangan bagi memberi input untuk tujuan SPR membuat pertimbangan dan kelulusan. Faktor-faktor yang diambil kira dalam membuat pertimbangan bagi setiap representasi bantahan yang dikemukakan adalah seperti yang dinyatakan dalam Rajah 4-4 di mukasurat 42.

Setelah mempertimbangkan hujahan serta alasan representasi pihak pembantah ke atas keseluruhan **170 representasi bantahan** tersebut,

sebanyak **22 representasi bantahan telah diterima** dan **130 representasi bantahan telah ditolak**. Sementara itu, sebanyak **18 representasi bantahan yang sebahagian bantahannya diterima dan sebahagian lagi ditolak**.

Sebanyak 244 daripada **881 representasi bantahan** yang tidak diadakan siasatan tempatan kerana tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan **ditolak** berdasarkan justifikasi seperti yang berikut:

- (a) Tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) Membantah keseluruhan syor SPR secara am.

Selain itu, sebanyak 6 representasi pula mengemukakan bantahan yang sama sepertimana representasi yang diadakan siasatan tempatan kali kedua. Manakala, terdapat juga sebanyak 461 representasi yang tidak diadakan siasatan tempatan kerana representasi tersebut menyatakan sokongan terhadap Syor Persempadanan kali kedua.

Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran dan siasatan tempatan bagi Syor Persempadanan kali kedua untuk Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seperti di Jadual 4-4. Manakala, kronologi Syor Persempadanan kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pula ditunjukkan di dalam Rajah 4-8.

Ringkasan bantahan bagi siasatan tempatan kali kedua mengenai syor-syor yang dicadangkan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seperti di **LAMPIRAN VIII (Jilid 2)**. Ringkasan representasi sokongan ke atas syor-syor kali kedua Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seperti di **LAMPIRAN IX (Jilid 2)**.

Jadual 4-4: Ringkasan jumlah representasi yang diterima sepanjang tempoh pameran dan siasatan tempatan kali kedua bagi Syor Persempadanan Negeri-Negeri Tanah Melayu

NEGERI	REPRESENTASI YANG DITERIMA SEMASA PAMERAN KALI KEDUA			JUMLAH REPRESENTASI YANG DITERIMA	SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA				REPRESENTASI BANTAHAN LAYAK UNTUK SIASATAN TEMPATAN			KEPUTUSAN SPR
	KERAJAAN NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	100 ORANG ATAU LEBIH PEMILIH		REPRESENTASI TIDAK LAYAK UNTUK DIADAKAN SIASATAN TEMPATAN	REPRESENTASI BANTAHAN YANG DIDENGAR SEMASA SIASATAN TEMPATAN	PEMBANTAH YANG TIDAK HADIR PROSIDING SIASATAN TEMPATAN	JUMLAH REPRESENTASI LAYAK UNTUK SIASATAN TEMPATAN	BANTAHAN DITERIMA	BANTAHAN DITOLAK	SEBAHAGIAN DITERIMA & SEBAHAGIAN DITOLAK	
PERLIS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KEDAH	0	0	3	3	0	3	0	3	2	1	0	0
KELANTAN	1	4	32	37	1	36	0	36	3	30	3	3
TERENGGANU	0	0	15	15	0	15	0	15	0	11	4	4
PULAU PINANG	1	0	1	2	1	1	0	1	0	1	0	0
PERAK	0	0	16	16	1	15	0	15	0	15	0	0
PAHANG	1	0	9	10	3	7	0	7	2	2	3	3
SELANGOR	1	9	738	748	689	59	0	59	6	48	5	5
W.P. KUALA LUMPUR	0	0	9	9	1	7	1	8	2	6	0	0
W.P. PUTRAJAYA	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
NEGERI SEMBILAN	0	0	8	8	1	7	0	7	2	5	0	0
MELAKA	1	0	10	11	3	7	1	8	2	4	2	2
JOHOR	0	0	22	22	11	9	2	11	3	7	1	1
W.P. LABUAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	5	13	863	881	711	166	4	170	22	130	18	18

Rajah 4-8: Kronologi Syor Persempadanan kali kedua bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu

LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

BAB 5

SYOR SPR

MENGENAI
**SYOR-SYOR YANG DICADANGKAN BAGI
BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN
NEGERI DI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
KALI KEENAM TAHUN 2018**

BAB 5

SYOR SPR

Berikutan daripada hasil kedua-dua Siasatan Tempatan yang telah diadakan, SPR telah memutuskan di bawah Seksyen 8, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah syor-syor yang dicadangkan dan mengesyorkan dalam laporan ini syor-syor berikut:

- (a) Tiada perubahan bilangan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu;
- (b) Tiada perubahan bilangan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu;
- (c) Terdapat pindaan dan perubahan nama kepada Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan yang melibatkan dua belas (12) Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu iaitu satu (1) di negeri Kedah, dua (2) di negeri Perak, lima (5) di negeri Selangor, satu (1) di Negeri Sembilan, satu (1) di negeri Melaka dan dua (2) di negeri Johor; dan

- (d) Terdapat pindaan dan perubahan nama kepada Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri yang melibatkan dua puluh lapan (28) Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu iaitu satu (1) di negeri Kedah, dua (2) di negeri Kelantan, satu (1) di negeri Terengganu, dua (2) di negeri Perak, sembilan (9) di negeri Selangor, dua (2) di Negeri Sembilan, tiga (3) di negeri Melaka dan lapan (8) di negeri Johor.

Butiran terperinci syor yang dicadangkan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu berkaitan dengan bahagian-bahagian pilihan raya persekutuan dan Negeri yang baharu, pindaan dan perubahan nama sedia ada bagi bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri dan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan yang disemak semula dan tersentuh oleh syor yang dicadangkan adalah seperti di **LAMPIRAN III**.


Butiran terperinci bilangan pemilih bagi bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah seperti di **LAMPIRAN IV**.

Anggaran keluasan kawasan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu selepas pengesyoran adalah seperti di **LAMPIRAN V**.

Rang pelan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan rang pelan bahagian-bahagian pilihan raya bagi setiap Negeri-Negeri Tanah Melayu dilampirkan di dalam **JILID 3** buku laporan ini.



TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH
PENGERUSI
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA



TAN SRI OTHMAN BIN MAHMOOD
TIMBALAN PENERUSI
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA




DATO' HAJI MD. YUSOP BIN HAJI MANSOR
AHLI
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA




DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN KHALIDIN
AHLI
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA



TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI NARAWI
AHLI
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA



DATO' BALA SINGAM A/L KARUPIAH
AHLI
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA



DATO' LEO CHONG CHEONG
AHLI
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA



DATUK HAJI ABDUL GHANI BIN SALLEH
SETIAUSAHA
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

RUJUKAN

Perlembagaan Persekutuan

Akta Pilihan Raya 1958 [Akta 19]

Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119]

Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]

Council on Tall Buildings and Urban Habitat. (2017). <http://www.ctbuh.org>.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (2017). <http://www.dbkl.gov.my>.

Glassner, M. I. (1993). *Political geography*. New York: J. Wiley.

Jabatan Kerajaan Tempatan. (2017). <http://www.jkt.kpkt.gov.my>.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor. (2015). *Laporan Tinjauan Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 – B9: Pengangkutan*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *2015 Population Quick Facts*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010*.

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. (2016). *Atlas Kebangsaan Malaysia*.

Kerajaan Negeri Johor. (2017). <http://www.johor.gov.my>.

Kerajaan Negeri Kedah. (2017). <http://www.kedah.gov.my>.

Kerajaan Negeri Kelantan. (2017). <http://www.kelantan.gov.my>.

Kerajaan Negeri Melaka. (2016). <http://www.melaka.gov.my>.

Kerajaan Negeri Sembilan. (2017). <http://www.ns.gov.my>.

Kerajaan Negeri Pahang. (2014). <http://www.pahang.gov.my>.

Kerajaan Negeri Perak. (2017). <http://www.perak.gov.my>.

Kerajaan Negeri Perak. (2016). *Buku Data Asas Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2014*.

Kerajaan Negeri Perlis. (2016). <http://www.perlis.gov.my>.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang. (2017). <http://www.penang.gov.my>.

Kerajaan Negeri Selangor. (2017). <http://www.selangor.gov.my>.

Kerajaan Negeri Terengganu. (2017). <http://www.terengganu.gov.my>.

Kerajaan Negeri Terengganu. (2006). *Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2005-2020*.

Paasi, A. (2002). 'Space, boundaries and the social construction of territorial identities'. Dalam Chaturvedi, S. (ed.), *Geopolitics, Identities and Sustainability*. New Delhi: Manohar Publishers.

Perbadanan Labuan. (2010). *Ringkasan Eksekutif Labuan 2030*.

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar. (2015). *Laporan Tahunan 2015 Iskandar Malaysia*.

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. (2017). <http://www.spad.gov.my>.

Suruhanjaya Pilihan Raya. (2003). *Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Mengenai Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu*.

Suruhanjaya Pilihan Raya. (2007). *50 Tahun Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia*.

LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

LAMPIRAN I

**SENARAI
BAHAGIAN-BAHAGIAN
PILIHAN RAYA SEDIA
ADA DALAM
NEGERI-NEGERI
TANAH MELAYU**

MENGENAI

**SYOR-SYOR YANG DICADANGKAN BAGI
BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN
NEGERI DI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
KALI KEENAM TAHUN 2018**

LAMPIRAN I

SENARAI BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA SEDIA ADA DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU

PERLIS

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 3

BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 15

P.001 PADANG BESAR

N.01 Titi Tinggi
N.02 Beseri
N.03 Chuping
N.04 Mata Ayer
N.05 Santan

P.002 KANGAR

N.06 Bintong
N.07 Sena
N.08 Indera
Kayangan
N.09 Kuala Perlis
N.10 Kayang

P.003 ARAU

N.11 Pauh
N.12 Tambun Tulang
N.13 Guar Sanji
N.14 Simpang Empat
N.15 Sanglang

KEDAH

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 15

BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 36

P.004 LANGKAWI

N.01 Ayer Hangat
N.02 Kuah

P.005 JERLUN

N.03 Kota Siputeh
N.04 Ayer Hitam

P.006 KUBANG PASU

N.05 Bukit Kayu Hitam
N.06 Jitra

P.007 PADANG TERAP

N.07 Kuala Nerang
N.08 Pedu

P.008 POKOK SENA

N.09 Bukit Lada
N.10 Bukit Pinang
N.11 Derga

P.009 ALOR STAR

N.12 Bakar Bata
N.13 Kota Darul Aman
N.14 Alor Mengkudu

P.010 KUALA KEDAH

N.15 Anak Bukit
N.16 Kubang Rotan
N.17 Pengkalan Kundor

P.011 PENDANG

N.18 Tokai
N.19 Sungai Tiang

P.012 JERAI

N.20 Sungai Limau
N.21 Guar Chempedak
N.22 Gurun

P.013 SIK

N.23 Belantek
N.24 Jeneri

P.014 MERBOK

N.25 Bukit Selambau
N.26 Tanjong Dawai

P.015 SUNGAI PETANI

N.27 Pantai Merdeka
N.28 Bakar Arang
N.29 Sidam

P.016 BALING

N.30 Bayu
N.31 Kupang
N.32 Kuala Ketil

P.017 PADANG SERAI

N.33 Merbau Pulas
N.34 Lunas

P.018 KULIM-BANDAR BAHARU

N.35 Kulim
N.36 Bandar Baharu

KELANTAN**BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 14****BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 45****P.019 TUMPAT**

N.01 Pengkalan Kubor
N.02 Kelaboran
N.03 Pasir Pekan
N.04 Wakaf Bharu

P.020 PENKALAN

CHEPA
N.05 Kijang
N.06 Chempaka
N.07 Panchor

P.021 KOTA BHARU

N.08 Tanjung Mas
N.09 Kota Lama
N.10 Bunut Payong

P.022 PASIR MAS

N.11 Tendong
N.12 Pengkalan Pasir
N.13 Chetok

**P.023 RANTAU
PANJANG**

N.14 Meranti
N.15 Gual Periok
N.16 Bukit Tuku

**P.024 KUBANG
KERIAN**

N.17 Salor
N.18 Pasir Tumboh
N.19 Demit

P.025 BACHOK

N.20 Tawang
N.21 Perupok
N.22 Jelawat

P.026 KETEREH

N.23 Melor
N.24 Kadok
N.25 Kok Lanas

P.027 TANAH MERAH

N.26 Bukit Panau
N.27 Gual Ipoh
N.28 Kemahang

P.028 PASIR PUTEH

N.29 Selising
N.30 Limbongan
N.31 Semerak
N.32 Gaal

P.029 MACHANG

N.33 Pulau Chondong
N.34 Temangan
N.35 Kemuning

P.030 JELI

N.36 Bukit Bunga
N.37 Air Lanas
N.38 Kuala Balah

P.031 KUALA KRAI

N.39 Mengkebang
N.40 Guchil
N.41 Manek Urai
N.42 Dabong

P.032 GUA MUSANG

N.43 Nenggiri
N.44 Paloh
N.45 Galas

TERENGGANU**BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 8****BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 32****P.033 BESUT**

N.01 Kuala Besut
N.02 Kota Putera
N.03 Jertih
N.04 Hulu Besut

P.034 SETIU

N.05 Jabi
N.06 Permaisuri
N.07 Langkap
N.08 Batu Rakit

P.035 KUALA NERUS

N.09 Tepuh
N.10 Teluk Pasu
N.11 Seberang Takir
N.12 Bukit Tunggai

**P.036 KUALA
TERENGGANU**

N.13 Wakaf
Mempelam
N.14 Bandar
N.15 Ladang
N.16 Batu Buruk

P.037 MARANG

N.17 Alur Limbat
N.18 Bukit Payung
N.19 Ru Rendang
N.20 Pengkalan
Berangan

**P.038 HULU
TERENGGANU**

N.21 Telemung
N.22 Manir
N.23 Kuala Berang
N.24 Ajil

P.039 DUNGUN

N.25 Bukit Besi
N.26 Rantau Abang
N.27 Sura
N.28 Paka

P.040 KEMAMAN

N.29 Kemasik
N.30 Kijal
N.31 Cukai
N.32 Air Putih

PULAU PINANG

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 13

BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 40

P.041 KEPALA BATAS

N.01 Penaga
N.02 Bertam
N.03 Pinang Tunggal

P.042 TASEK

GELUGOR
N.04 Permatang Berangan
N.05 Sungai Dua
N.06 Telok Ayer Tawar

P.043 BAGAN

N.07 Sungai Puyu
N.08 Bagan Jermal
N.09 Bagan Dalam

P.044 PERMATANG

PAUH
N.10 Seberang Jaya
N.11 Permatang Pasir
N.12 Penanti

P.045 BUKIT MERTAJAM

N.13 Berapit
N.14 Machang Bubuk
N.15 Padang Lalang

P.046 BATU KAWAN

N.16 Perai
N.17 Bukit Tengah
N.18 Bukit Tambun

P.047 NIBONG TEBAL

N.19 Jawi
N.20 Sungai Bakap
N.21 Sungai Aceh

P.048 BUKIT BENDERA

N.22 Tanjung Bunga
N.23 Air Putih
N.24 Kebun Bunga
N.25 Pulau Tikus

P.049 TANJONG

N.26 Padang Kota
N.27 Pengkalan Kota
N.28 Komtar

P.050 JELUTONG

N.29 Datok Keramat
N.30 Sungai Pinang
N.31 Batu Lancang

P.051 BUKIT GELUGOR

N.32 Seri Delima
N.33 Air Itam
N.34 Paya Terubong

P.052 BAYAN BARU

N.35 Batu Uban
N.36 Pantai Jerejak
N.37 Batu Maung

P.053 BALIK PULAU

N.38 Bayan Lepas
N.39 Pulau Betong
N.40 Telok Bahang

PERAK

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 24

BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 59

P.054 GERIK

N.01 Pengkalan Hulu
N.02 Temengor

P.055 LENGGONG

N.03 Kenering
N.04 Kota Tampan

P.056 LARUT

N.05 Selama
N.06 Kubu Gajah
N.07 Batu Kurau

P.057 PARIT BUNTAR

N.08 Titi Serong
N.09 Kuala Kurau

P.058 BAGAN SERAI

N.10 Alor Pongsu
N.11 Gunong Semanggol
N.12 Selinsing

P.059 BUKIT GANTANG

N.13 Kuala Sapetang
N.14 Changkat Jering
N.15 Trong

P.060 TAIPING

N.16 Kamunting
N.17 Pokok Assam
N.18 Aulong

P.061 PADANG RENGAS

N.19 Chenderoh
N.20 Lubok Merbau

P.062 SUNGAI SIPUT

N.21 Lintang
N.22 Jalong

P.063 TAMBUN

N.23 Manjoi
N.24 Hulu Kinta

P.064 IPOH TIMOR

N.25 Canning
N.26 Tebing Tinggi
N.27 Pasir Pinji

P.065 IPOH BARAT

N.28 Bercham
N.29 Kepayang
N.30 Buntong

P.066 BATU GAJAH

N.31 Jelapang
N.32 Menglembu
N.33 Tronoh

P.067 KUALA KANGSAR

N.34 Bukit Chandan
N.35 Manong

P.068 BERUAS

N.36 Pengkalan Baharu
N.37 Pantai Remis

P.069 PARIT

N.38 Belanja
N.39 Bota

P.070 KAMPAR
N.40 Malim Nawar
N.41 Keranji
N.42 Tualang Sekah

P.071 GOPENG
N.43 Sungai Rapat
N.44 Simpang Pulau
N.45 Teja

P.072 TAPAH
N.46 Chenderiang
N.47 Ayer Kuning

P.073 PASIR SALAK
N.48 Sungai Manik
N.49 Kampong Gajah

P.074 LUMUT
N.50 Sitiawan
N.51 Pasir Panjang
N.52 Pangkor

P.075 BAGAN DATOK
N.53 Rungkup
N.54 Hutau
Melintang

P.076 TELOK INTAN
N.55 Pasir Bedamar
N.56 Changkat Jong

P.077 TANJONG MALIM
N.57 Sungkai
N.58 Slim
N.59 Behrang

PAHANG

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 14

BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 42

**P.078 CAMERON
HIGHLANDS**
N.01 Tanah Rata
N.02 Jelai

P.079 LIPIS
N.03 Padang Tengku
N.04 Cheka
N.05 Benta

P.080 RAUB
N.06 Batu Talam
N.07 Tras
N.08 Dong

P.081 JERANTUT
N.09 Tahan
N.10 Damak
N.11 Pulau Tawar

**P.082 INDERA
MAHKOTA**
N.12 Beserah
N.13 Semambu

P.083 KUANTAN
N.14 Teruntum
N.15 Tanjung Lumpur
N.16 Inderapura

P.084 PAYA BESAR
N.17 Sungai Lembing
N.18 Lepar
N.19 Panching

P.085 PEKAN
N.20 Pulau Manis
N.21 Peramu Jaya
N.22 Bebar
N.23 Chini

P.086 MARAN
N.24 Luit
N.25 Kuala Sentul
N.26 Chenor

P.087 KUALA KRAU
N.27 Jenderak
N.28 Kerbau
N.29 Jengka

P.088 TEMERLOH
N.30 Mentakab
N.31 Lanchang
N.32 Kuala Semantan

P.089 BENTONG
N.33 Bilut
N.34 Ketari
N.35 Sabai
N.36 Pelangai

P.090 BERA
N.37 Guai
N.38 Triang
N.39 Kemayan

P.091 ROMPIN
N.40 Bukit Ibam
N.41 Muadzam Shah
N.42 Tioman

SELANGOR

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 22

BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 56

P.092 SABAK BERNAM
N.01 Sungai Air Tawar
N.02 Sabak

P.093 SUNGAI BESAR
N.03 Sungai Panjang
N.04 Sekinchan

P.094 HULU SELANGOR
N.05 Hulu Bernam
N.06 Kuala Kubu Baharu
N.07 Batang Kali

P.095 TANJONG KARANG
N.08 Sungai Burong
N.09 Permatang

P.096 KUALA SELANGOR
N.10 Bukit Melawati
N.11 Ijok
N.12 Jeram

P.097 SELAYANG
N.13 Kuang
N.14 Rawang
N.15 Taman Templer

P.098 GOMBAK
N.16 Batu Caves
N.17 Gombak Setia
N.18 Hulu Kelang

P.099 AMPANG
N.19 Bukit Antarabangsa
N.20 Lembah Jaya

P.100 PANDAN
N.21 Chempaka
N.22 Teratai

P.101 HULU LANGAT
N.23 Dusun Tua
N.24 Semenyih
N.25 Kajang

P.102 SERDANG
N.26 Bangi
N.27 Balakong
N.28 Seri Kembangan

P.103 PUCHONG
N.29 Seri Serdang
N.30 Kinrara

P.104 KELANA JAYA
N.31 Subang Jaya
N.32 Seri Setia

P.105 PETALING JAYA SELATAN
N.33 Taman Medan
N.34 Bukit Gasing

P.106 PETALING JAYA UTARA
N.35 Kampung Tunku
N.36 Damansara Utama

P.107 SUBANG
N.37 Bukit Lanjan
N.38 Paya Jaras
N.39 Kota Damansara

P.108 SHAH ALAM
N.40 Kota Anggerik
N.41 Batu Tiga

P.109 KAPAR
N.42 Meru
N.43 Sementa
N.44 Sungai Pinang
N.45 Selat Klang

P.110 KLANG
N.46 Pelabuhan Klang
N.47 Pandamaran
N.48 Kota Alam Shah

P.111 KOTA RAJA
N.49 Seri Andalas
N.50 Sri Muda

P.112 KUALA LANGAT
N.51 Sijangkang
N.52 Teluk Datuk
N.53 Morib

P.113 SEPANG
N.54 Tanjong Sepat
N.55 Dengkil
N.56 Sungai Pelek

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 11

P.114 KEPONG

P.115 BATU

P.116 WANGSA MAJU

P.117 SEGAMPUT

P.118 SETIAWANGSA

P.119 TITIWANGSA

P.120 BUKIT BINTANG

P.121 LEMBAH PANTAI

P.122 SEPUTEH

P.123 CHERAS

P.124 BANDAR TUN RAZAK

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 1

P.125 PUTRAJAYA

NEGERI SEMBILAN

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 8

BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 36

P.126 JELEBU

N.01 Chennah

N.02 Pertang

N.03 Sungai Lui

N.04 Klawang

P.127 JEMPOL

N.05 Serting

N.06 Palong

N.07 Jeram Padang

N.08 Bahau

P.128 SEREMBAN

N.09 Lenggeng

N.10 Nilai

N.11 Lobak

N.12 Temiang

N.13 Sikamat

N.14 Ampangan

P.129 KUALA PILAH

N.15 Juasseh

N.16 Seri Menanti

N.17 Senaling

N.18 Pilah

N.19 Johol

P.130 RASAH

N.20 Labu
N.21 Bukit Kepayang
N.22 Rahang
N.23 Mambau
N.24 Senawang

P.131 REMBAU

N.25 Paroi
N.26 Chembong
N.27 Rantau
N.28 Kota

P.132 TELOK KEMANG

N.29 Chuah
N.30 Lukut
N.31 Bagan Pinang
N.32 Linggi
N.33 Port Dickson

P.133 TAMPIN

N.34 Gemas
N.35 Gemencheh
N.36 Repah

MELAKA

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 6
BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 28

P.134 MASJID TANAH

N.01 Kuala Linggi
N.02 Tanjung Bidara
N.03 Ayer Limau
N.04 Lendu
N.05 Taboh Naning

P.135 ALOR GAJAH

N.06 Rembia
N.07 Gadek
N.08 Machap
N.09 Durian Tunggal
N.10 Asahan

P.136 TANGGA BATU

N.11 Sungai Udang
N.12 Pantai Kundor
N.13 Paya Rumput
N.14 Kelebang

P.137 BUKIT KATIL

N.15 Bachang
N.16 Ayer Keroh
N.17 Bukit Baru
N.18 Ayer Molek

P.138 KOTA MELAKA

N.19 Kesidang
N.20 Kota Laksamana
N.21 Duyong
N.22 Bandar Hilir
N.23 Telok Mas

P.139 JASIN

N.24 Bemban
N.25 Rim
N.26 Serkam
N.27 Merlimau
N.28 Sungai Rambai

JOHOR

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 26
BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI: 56

P.140 SEGAMAT

N.01 Buloh Kasap
N.02 Jementah

P.141 SEKIJANG

N.03 Pemanis
N.04 Kemelah

P.142 LABIS

N.05 Tenang
N.06 Bekok

P.143 PAGOH

N.07 Bukit Serampang
N.08 Jorak

P.144 LEDANG

N.09 Gambir
N.10 Tangkak
N.11 Serom

P.145 BAKRI

N.12 Bentayan
N.13 Sungai Abong
N.14 Bukit Naning

P.146 MUAR

N.15 Maharani
N.16 Sungai Balang

P.147 PARIT SULONG

N.17 Semerah
N.18 Sri Medan

P.148 AYER HITAM

N.19 Yong Peng
N.20 Semarang

P.149 SRI GADING

N.21 Parit Yaani
N.22 Parit Raja

P.150 BATU PAHAT

N.23 Penggaram
N.24 Senggarang
N.25 Rengit

**P.151 SIMPANG
RENGGAM**

N.26 Machap
N.27 Layang-Layang

P.152 KLUANG

N.28 Mengkibol
N.29 Mahkota

P.153 SEMBRONG

N.30 Paloh
N.31 Kahang

P.154 MERSING

N.32 Endau
N.33 Tenggaroh

P.155 TENGGARA

N.34 Panti
N.35 Pasir Raja

P.156 KOTA TINGGI

N.36 Sedili
N.37 Johor Lama

P.157 Pengerang

N.38 Penawar
N.39 Tanjong Surat

P.158 TEBRAU

N.40 Tiram
N.41 Puteri Wangsa

P.159 PASIR GUDANG

N.42 Johor Jaya
N.43 Permas

P.160 JOHOR BAHRU

N.44 Tanjong Puteri

N.45 Stulang

P.161 PULAI

N.46 Pengkalan

Rinting

N.47 Kempas

P.162 GELANG PATAH

N.48 Skudai

N.49 Nusa Jaya

P.163 KULAI

N.50 Bukit Permai

N.51 Bukit Batu

N.52 Senai

P.164 PONTIAN

N.53 Benut

N.54 Pulau Sebatang

P.165 TANJONG PIAI

N.55 Pekan Nenas

N.56 Kukup

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN: 1****P.166 LABUAN**

JUMLAH KESELURUHAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU : 166

JUMLAH KESELURUHAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI DI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU : 445

LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

LAMPIRAN II

**LATARBELAKANG
URUSAN KAJIAN SEMULA
PERSEMPADANAN
BAGI SETIAP
NEGERI-NEGERI
TANAH MELAYU**

**MENGENAI
SYOR-SYOR YANG DICADANGKAN BAGI
BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN
NEGERI DI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
KALI KEENAM TAHUN 2018**

LAMPIRAN II

LATARBELAKANG

URUSAN

KAJIAN SEMULA

PERSEMPADANAN

BAGI SETIAP

NEGERI-NEGERI

TANAH MELAYU

NEGERI PERLIS

LATAR BELAKANG NEGERI PERLIS

Negeri Perlis terletak di bahagian paling utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan antarabangsa dengan negara Thailand (wilayah Satun dan Songkhla) di bahagian utara dengan dihubungi melalui dua pintu sempadan iaitu Wang Kelian dan Padang Besar. Selain itu, negeri Perlis juga bersempadan dengan negeri Kedah iaitu daerah Langkawi di bahagian barat dan daerah Kubang Pasu di bahagian selatan. Perlis merupakan negeri yang terkecil di Malaysia

Rajah II-1: Kedudukan negeri Perlis dalam peta Malaysia



selepas Wilayah Persekutuan dengan Kangar merupakan ibu negeri dan Arau pula sebagai Bandar Diraja. Jarak antara sempadan negeri ini yang terletak di bahagian utara dan selatan adalah kira-kira 51 kilometer.

Sesuai dengan saiz negeri yang kecil, pentadbiran negeri Perlis hanya dibahagikan kepada peringkat mukim dan PBT sahaja berbanding negeri-negeri lain yang mempunyai pentadbiran di peringkat daerah. Secara keseluruhannya, negeri Perlis terbahagi kepada 22 buah mukim dan sebuah PBT sahaja iaitu Majlis Perbandaran Kangar.

Jadual II-1: Mukim dan PBT di negeri Perlis

BIL.	MUKIM	BIL.	MUKIM
1.	Abi	12.	Ngulang
2.	Arau	13.	Oran
3.	Beseri	14.	Padang Pauh
4.	Chuping	15.	Padang Siding
5.	Utan Aji	16.	Paya
6.	Jejawi	17.	Sanglang
7.	Kayang	18.	Sena
8.	Kechor	19.	Seriab
9.	Kuala Perlis	20.	Sungai Adam
10.	Kurong Anai	21.	Titi Tinggi
11.	Kurong Batang	22.	Wang Bintong

Sumber: Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perlis

Negeri Perlis mempunyai rangkaian perhubungan jalan raya yang sangat baik menghubungkan Kangar dengan bahagian-bahagian lain di negeri ini. Berdasarkan Indeks Pembangunan Jalan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2007, rangkaian perhubungan jalan raya di negeri Perlis berada pada tahap ketiga terbaik di Malaysia. Perkembangan pesat dalam sektor pengangkutan moden di Malaysia turut dirasai oleh penduduk negeri ini melalui sistem kereta api laju berkuasa elektrik yang menghubungkan negeri Perlis dengan selatan Semenanjung Malaysia. Selain mempunyai rangkaian perhubungan jalan raya yang baik, negeri Perlis juga mempunyai sebuah Terminal Jeti Penumpang Kuala Perlis yang menjadi pilihan pelancong untuk menaiki feri ke Pulau Langkawi.

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI PERLIS

Negeri Perlis mempunyai anggaran keluasan kira-kira 813 km persegi iaitu 0.62% daripada keluasan Semenanjung Malaysia. Hampir keseluruhan negeri ini terdiri daripada kawasan tanah rendah di mana penanaman padi dan getah merupakan aktiviti pertanian utama. Walaupun hampir keseluruhan kawasan di negeri ini dimajukan bagi tujuan pertanian, kediaman dan industri, namun terdapat juga sebuah hutan simpan yang terletak di bahagian utara iaitu di Mukim Kurong Batang dan Titi Tinggi.

Bukit Pelarit yang berketinggian 553 meter dari aras laut merupakan puncak tertinggi di negeri Perlis manakala Bukit Mata Ayer yang berketinggian 511 meter dari aras laut pula merupakan puncak kedua tertinggi di negeri ini. Di samping itu, negeri ini turut mempunyai dua batang sungai yang utama iaitu Sungai Perlis sepanjang 57.78 km⁹ dan Sungai Arau serta sebuah tasik buatan iaitu Tasik Timah Tasoh yang dijadikan empangan bagi menyediakan bekalan air bagi keperluan domestik, industri dan pengairan sawah padi. Selain daripada membekalkan keperluan air bagi penduduk tempatan, tasik ini juga dilengkapi hotel untuk pengunjung bercuti dan menikmati keindahan alam semula jadi sambil melakukan aktiviti-aktiviti sukan air dan memancing.

Rajah II-2: Tasik Timah Tasoh



Sumber gambar: Laman web mStar

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI PERLIS

Anggaran bilangan penduduk negeri Perlis bagi tahun 2015 adalah seramai 248,500 orang iaitu kira-kira 306 orang bagi setiap km persegi. Ini bermakna jumlah penduduk bagi negeri Perlis telah meningkat sebanyak lebih 15% atau 32,500 orang jika dibandingkan dengan anggaran bilangan penduduk negeri Perlis semasa kajian semula persempadanan terakhir yang dijalankan pada tahun 2003 iaitu seramai 216,000 orang⁸ penduduk.

Berdasarkan maklumat penduduk tahun 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, tiga kaum utama di negeri Perlis adalah Melayu Bumiputera (85.71%), Cina (7.73%) dan India (1.25%). Sektor perkhidmatan merupakan sektor terpenting dalam ekonomi negeri Perlis mencakupi 64.7% daripada populasi pekerja. Sektor ini juga menyumbang 58% kepada KDNK negeri pada tahun 2010 dan diikuti dengan sektor pertanian sebanyak 26.8%. Sebilangan besar penduduk terlibat dalam sektor perkhidmatan dengan bekerja sebagai pekerja perkhidmatan, pekerja kedai dan jurujual.


Jadual II-2: Pecahan penduduk negeri Perlis mengikut kaum pada tahun 2015

KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	213.0	85.71%
Cina	19.2	7.73%
India	3.1	1.25%
Lain-lain	4.8	1.93%
Bukan Warganegara	8.5	3.42%
JUMLAH	248.5*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

⁹ Maklumat keluasan lembangan sungai di Semenanjung Malaysia. Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran.

Rajah II-3 : Peratus penduduk di negeri Perlis mengikut kaum

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI PERLIS TAHUN 2017


Sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003 hingga 2015, jumlah pemilih negeri Perlis tidak menunjukkan peningkatan yang ketara untuk membolehkan ia dipertimbangkan bagi sebarang pertambahan jumlah Bahagian Pilihan Raya Persekutuan mahupun Bahagian Pilihan Raya Negeri. Jumlah pemilih bagi Negeri Perlis hanya meningkat sebanyak 27,348 orang iaitu daripada 109,750 orang¹⁰ semasa urusan kajian semula persempadanan pada tahun 2003 kepada 137,098 orang³ pada tahun 2015. Pada masa ini, purata bilangan pemilih bagi setiap Bahagian Pilihan Raya Persekutuan adalah antara 42,000 hingga 50,000 orang manakala Bahagian Pilihan Raya

Negeri pula antara 7,000 ke 10,000 orang. Angka ini dilihat masih mampu untuk diuruskan oleh wakil rakyat dalam memberikan perkhidmatan secara berkesan. Oleh yang demikian, SPR mendapati pada masa ini tiada keperluan untuk meminda sempadan mahupun menambah bahagian-bahagian pilihan raya di negeri ini.

Maka, bilangan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Perlis kekal sepertimana yang diperuntukkan sejak urusan kajian semula persempadanan yang dijalankan pada tahun 1994 iaitu sebanyak 3 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 15 Bahagian Pilihan Raya Negeri sepertimana yang telah digunakan di dalam 5 siri PRU iaitu PRU Ke-9 pada tahun 1995, PRU Ke-10 pada tahun 1999, PRU Ke-11 pada tahun 2004, PRU Ke-12 pada tahun 2008 dan PRU Ke-13 pada tahun 2013.

¹⁰Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia Mengenai Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu Tahun 2003.

Rajah II-4: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Perlis



PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN

Walaupun semua bahagian pilihan raya di dalam negeri Perlis tidak tersentuh dalam urusan kajian semula persempadanan pada kali ini, namun pameran syor persempadanan tetap

dijalankan sepertimana keperluan yang telah diperuntukkan oleh Seksyen 4, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Syor Persempadanan bagi negeri Perlis telah dipamerkan mulai 15 September 2016 hingga 14 Oktober 2016 di tiga tempat pemeriksaan sepertimana jadual di bawah.

Jadual II-3: Senarai tempat pemeriksaan kali pertama bagi negeri Perlis

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.001 Padang Besar	Pusat Kegiatan KEMAS Alor Tampang
P.002 Kangar	Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis
P.003 Arau	Perpustakaan Pekan Arau

Sepanjang tempoh satu bulan pameran syor persempadanan kali pertama diadakan, SPR telah menerima sebanyak dua representasi bantahan daripada pihak-pihak berkepentingan. Namun begitu, memandangkan tiada sebarang pindaan yang dibuat ke atas bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Perlis, maka siasatan tempatan tidak dijalankan selaras dengan peruntukan Seksyen 5,

Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Pameran Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Perlis tidak diteruskan berikutan tiada keperluan undang-undang untuk melaksanakannya berikutan semua Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri tidak tersentuh oleh syor pada kali ini.

Rajah II-5: Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di Negeri Perlis



Pameran Syor Persempadanan bagi P.001 Padang Besar yang diadakan di Pusat Kegiatan KEMAS Alor Tampang

Pameran Syor Persempadanan di Pusat Kegiatan KEMAS Alor Tampang yang diselia oleh kakitangan PPN Perlis



Pameran Syor Persempadanan bagi P.002 Kangar yang diadakan di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perlis

Pameran Syor Persempadanan di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perlis yang diselia oleh kakitangan PPN Perlis



Pameran Syor Persempadanan bagi P.003 Arau yang diadakan di Perpustakaan Pekan Arau

NEGERI KEDAH

LATAR BELAKANG NEGERI KEDAH

Negeri Kedah yang juga dikenali sebagai Kedah Darul Aman adalah merupakan salah satu daripada 12 negeri yang membentuk Negeri-Negeri Tanah Melayu. Negeri ini terletak di utara Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan negara Thailand dan negeri Perlis di bahagian utara. Selain itu, negeri ini juga bersempadan dengan negeri Pulau Pinang dan Perak di bahagian selatan.

Rajah II-6: Kedudukan negeri Kedah dalam peta Malaysia




Negeri Kedah yang mempunyai penduduk seramai 2,096,500 orang⁵ dengan anggaran keluasan kira-kira 9,425 km persegi adalah terbahagi kepada 12 daerah dan 11 PBT selain satu agensi yang diberikan peranan sebagai PBT (*Modified PBT*) iaitu PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim.

Jadual II-4: Keluasan daerah di negeri Kedah

BIL.	DAERAH	KELUASAN (km persegi)
1.	Sik	1,634
2.	Baling	1,528
3.	Padang Terap	1,357
4.	Kubang Pasu	948
5.	Kuala Muda	922
6.	Kulim	767
7.	Pendang	627
8.	Langkawi	466
9.	Kota Setar	422
10.	Bandar Baharu	269
11.	Yan	241
12.	Pokok Sena	244
JUMLAH		9,425

Sumber: JUPEM Negeri Kedah

Rajah II-7: Kedudukan daerah-daerah di negeri Kedah



Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah

Jadual II-5: Senarai PBT di negeri Kedah

KATEGORI PBT	NAMA PBT
Majlis Bandaraya	Majlis Bandaraya Alor Setar
Majlis Perbandaran	Majlis Perbandaran Kulim
	Majlis Perbandaran Sungai Petani
	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
Majlis Daerah	Majlis Daerah Baling
	Majlis Daerah Bandar Baharu
	Majlis Daerah Kubang Pasu
	Majlis Daerah Padang Terap
	Majlis Daerah Pendang
	Majlis Daerah Sik
Agensi dengan Peranan PBT	Majlis Daerah Yan
	PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim

Sumber : Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

Bandaraya Alor Setar merupakan bandar utama yang juga merupakan ibu negeri dan pusat pentadbiran bagi negeri Kedah. Selain itu, terdapat 3 buah bandar lain yang membantu melonjak perkembangan ekonomi bagi negeri Kedah iaitu Sungai Petani sebagai hab pembangunan perniagaan; Kulim yang memberi keutamaan dalam sektor industri serta perdagangan; dan Langkawi yang merupakan destinasi pelancongan utama.

Kedah berada dalam lingkungan sistem perhubungan wilayah yang baik dengan rangkaian jalan raya persekutuan dan negeri serta Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) yang menyeluruh untuk menghubungkan negeri ini dengan negeri-negeri lain. Negeri ini juga mempunyai kemudahan sistem perhubungan yang bersepadu dengan adanya rangkaian jalan kereta api, pengangkutan laut serta dua lapangan terbang utama iaitu Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang menjadi salah satu penyumbang utama dalam pertumbuhan ekonomi negeri Kedah.

Rajah II-8: Sistem perhubungan yang ada di negeri Kedah



Lebuhraya Utara Selatan



Terminal Bas Shahab Perdana



Perkhidmatan kereta api



Terminal feri



Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim



Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI KEDAH

Negeri Kedah mencakupi 2.87% daripada keluasan Malaysia dan sebahagian besar muka buminya adalah terdiri daripada tanah pamah landai yang amat sesuai dengan aktiviti pertanian. Justeru itu, Kedah mendapat jolokan sebagai “Jelapang Padi Malaysia” kerana sebahagian besar kawasan tanaman padi di Malaysia tertumpu di negeri ini yang menghasilkan lebih daripada 30% keperluan beras negara. Kawasan tanah pamah ini juga digunakan bagi tujuan pelbagai aktiviti lain seperti perindustrian dan perdagangan, kawasan pentadbiran dan pembangunan perumahan.

Selain itu, 1/3 kawasan dalam negeri ini juga diliputi oleh hutan tropika di sekitar kawasan

pergunungan dan lereng bukit yang sebahagian besarnya merangkumi Banjaran Titiwangsa. Gunung Jerai merupakan gunung yang tertinggi di negeri Kedah dengan ketinggian 1,214 meter dari aras laut. Kedah juga mempunyai 4 batang sungai utama iaitu Sungai Muda sepanjang 230.48 km, Kedah 122.68 km, Merbok 53.78 km dan Pedu 31 km⁹. Sebanyak 4 buah empangan telah dibina di lembangan sungai utama di negeri ini iaitu Empangan Muda, Pedu, Ahning dan Padang Saga bagi tujuan pengairan sawah padi ke kawasan Muda (kawasan jelapang) dan luar jelapang seluas hampir 130,000 hektar¹¹ selain pembekalan air untuk kegunaan domestik dan industri.

¹¹ Sumber: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Di samping itu, negeri ini turut mempunyai persisiran pantai di sebelah pantai barat sepanjang 158 km yang menghadap Selat Melaka. Selain kawasan yang dinyatakan, terdapat juga gugusan pulau-pulau yang membentuk sebahagian dari negeri Kedah. Pulau yang utama adalah Pulau

Langkawi yang merupakan destinasi pelancongan dan zon bebas cukai utama bagi negeri ini, di samping pulau-pulau kecil yang lain seperti Pulau Tuba, Pulau Payar, Pulau Bidan, Pulau Songsong dan Pulau Telor.

Rajah II-9: Kawasan-kawasan di negeri Kedah



Sawah Padi



Pulau Langkawi



Gunung Jerai



Empangan Muda



Pulau Bidan



Pulau Songsong

Secara keseluruhannya guna tanah di negeri Kedah adalah lebih kepada kegiatan ekonomi seperti pertanian, perindustrian, perdagangan dan pelancongan. Kebanyakan kawasan telah dibangunkan untuk tujuan ekonomi dan kepesatan kegiatan ekonomi ini adalah penting dalam menyediakan peluang pekerjaan selain secara langsung dapat meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk-penduduk negeri Kedah.

Kawasan perumahan di negeri Kedah lebih tertumpu di pusat kegiatan ekonomi seperti bandar dan pekan-pekan kecil. Antara kawasan tersebut adalah seperti Bandar Alor Setar, Sungai Petani, Kulim, Jitra, Pendang dan Pokok Sena. Kawasan-kawasan ini merupakan tempat tumpuan kerana mempunyai peluang pekerjaan yang tinggi di samping memiliki kemudahan dan prasarana lain yang lengkap seperti pusat pendidikan, pengangkutan dan perdagangan.

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI KEDAH

Negeri Kedah mempunyai bilangan penduduk yang sederhana padat. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran bilangan penduduk negeri Kedah semasa kajian semula persempadanan diadakan pada tahun 2003 adalah seramai 1,763,700 orang⁸. Walau bagaimanapun, jumlah penduduk negeri ini telah meningkat sebanyak 18.87% (332,800 orang) pada tahun 2015 iaitu seramai 2,096,500 orang dengan purata 222 orang untuk 1 km persegi.

Majoriti populasi penduduk di negeri Kedah terdiri dari kalangan 3 kaum utama iaitu Melayu Bumiputera (75.68%), diikuti kaum Cina (12.29%) dan India (6.69%). Namun, terdapat juga kaum minoriti Siam di negeri Kedah yang wujud sejak zaman pemerintahan Kerajaan Kedah Tua yang majoritinya tinggal di daerah Pendang. Sebahagian besar daripada penduduk negeri Kedah adalah terdiri dalam kategori dewasa yang berumur antara 25 hingga 54 tahun. Berdasarkan buku Statistik Kedah 2015, sebahagian besar daripada penduduk negeri Kedah adalah terdiri dalam kategori dewasa yang berumur antara 25 hingga 54 tahun dengan anggaran seramai 795,000 orang.


Jadual II-6: Pecahan penduduk negeri Kedah mengikut kaum pada tahun 2015

KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	1,586.7	75.68%
Cina	257.6	12.29%
India	140.2	6.69%
Lain-lain	20.2	0.96%
Bukan Warganegara	91.9	4.38%
JUMLAH	2,096.5*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah II-10 : Peratus penduduk di negeri Kedah mengikut kaum



Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia


LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI KEDAH TAHUN 2017

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2003 telah memperuntukkan sebanyak 15 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 36 Bahagian Pilihan Raya Negeri kepada negeri Kedah. Bahagian-bahagian pilihan raya ini telah digunakan di dalam PRU Ke-11 dalam tahun 2004, PRU Ke-12 dalam tahun 2008 dan PRU Ke-13 dalam tahun 2013.

Jumlah pemilih bagi negeri Kedah telah meningkat seramai 252,501 orang (31.9%) sejak urusan

kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003 iaitu daripada 791,943 orang¹⁰ kepada 1,044,444 orang³ pada tahun 2015. Sehubungan dengan itu, beberapa bahagian pilihan raya di negeri ini telah terlibat dalam semakan semula dan tersentuh oleh syor SPR di dalam urusan kajian semula persempadanan pada kali ini. Pindaan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya ini dilaksanakan berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-11: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Kedah




PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Syor kajian semula persempadanan bagi negeri Kedah telah dipamerkan buat kali pertama mulai 15 September 2016 hingga 14 Oktober 2016

di 17 tempat pemeriksaan yang melibatkan penggunaan premis Pejabat Daerah, Pejabat Tanah, pejabat PBT, Pusat Transformasi Bandar dan Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah.


Rajah II-12: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Kedah



Jadual II-7: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Kedah

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.004 Langkawi	Pejabat Daerah Langkawi
P.005 Jerlun	Pejabat Tanah Kubang Pasu
P.006 Kubang Pasu	Pejabat Daerah Kubang Pasu
P.007 Padang Terap	Pejabat Daerah Padang Terap
P.008 Pokok Sena	Pejabat Daerah Pokok Sena
P.009 Alor Setar	Pusat Transformasi Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar
P.010 Kuala Kedah	Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah Pejabat Daerah Kota Setar
P.011 Pendang	Pejabat Daerah Pendang
P.012 Jerai	Pejabat Daerah Yan
P.013 Sik	Pejabat Daerah Sik
P.014 Merbok	Pejabat Daerah Kuala Muda
P.015 Sungai Petani	Majlis Perbandaran Sungai Petani
P.016 Baling	Pejabat Daerah Baling
P.017 Padang Serai	Pejabat Daerah Kulim
P.018 Kulim-Bandar Baharu	Pejabat Daerah Bandar Baharu

Rajah II-13: Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Kedah



Pameran syor dan rang pelan di pejabat Majlis Bandaraya Alor Setar



Pameran syor dan rang pelan di Pejabat Daerah Baling



Pameran syor dan rang pelan di Pejabat Daerah Padang Terap

Sepanjang tempoh pameran kali pertama, sebanyak 14 representasi yang berkaitan dengan syor kajian semula persempadanan bagi negeri Kedah telah diterima daripada PBT dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam. Perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi adalah seperti berikut:

- (i) Pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Bantahan ke atas keseluruhan Syor Persempadanan bagi negeri Kedah;
- (iii) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu; dan
- (iv) Menyokong Syor Persempadanan ke atas bahagian pilihan raya tertentu.

Kesemua representasi yang dikemukakan telah disemak berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan SPR bersetuju bahawa:

- (i) **6 representasi bantahan** adalah **memenuhi** syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) **8 representasi** adalah **tidak memenuhi** syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.


Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Kedah pada 17 November 2016, SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42). Dalam hal ini, SPR bersetuju bahawa sebanyak **tiga representasi bantahan** adalah **ditolak**, manakala baki **tiga representasi bantahan** pula **sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak**.

Baki lima representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan tidak dipertimbangkan kerana bantahan yang dikemukakan adalah:

- (i) Tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan; dan
- (ii) Membantah keseluruhan syor SPR secara am.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**. Manakala, 3 representasi yang menyokong syor SPR pula adalah seperti di **LAMPIRAN VII (Jilid 2)**.

Rajah II-14: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Kedah



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-15: Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Kedah



Wakil jurucakap pembantah mendengar penjelasan Pengerusi SPR mengenai prosiding siasatan tempatan yang akan dimulakan



Wakil jurucakap pembantah bersiap sedia sebelum prosiding siasatan tempatan dimulakan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum pembentangan bantahan dimulakan



Wakil jurucakap pembantah menerangkan bantahan berpandukan slaid pembentangan




Suruhanjaya Pilihan Raya mendengar penjelasan yang diberikan oleh wakil jurucakap pembantahan

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

Berdasarkan penjelasan dan hasil yang diperolehi daripada siasatan tempatan kali pertama, SPR telah menyemak semula dan membuat beberapa perubahan ke atas Syor Persempadanan negeri Kedah. Syor tersebut dipamerkan buat kali kedua mulai 8 Mac 2017 hingga 7 April 2017 di sebanyak enam tempat pemeriksaan yang melibatkan penggunaan premis Pejabat Daerah, pejabat PBT dan Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah.

Rajah II-16: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Kedah



Jadual II-8: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Kedah

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.008 Pokok Sena	Pejabat Daerah Pokok Sena
P.009 Alor Setar	Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)
P.010 Kuala Kedah	Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah Pejabat Daerah Kota Setar
P.014 Merbok	Pejabat Daerah Kuala Muda
P.015 Sungai Petani	Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP)

Rajah II-17: Pameran kali kedua Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Kedah



Pameran syor dan rang pelan di Pejabat Daerah Kota Setar



Pameran syor di Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah


Hanya tiga representasi yang diterima daripada sekumpulan 100 atau lebih orang awam sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan dijalankan dan kesemua representasi ini memenuhi peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk layak diadakan siasatan tempatan kali kedua bagi negeri Kedah. Perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi adalah berkaitan dengan:

- (i) Pemandangan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai; dan

- (ii) Bantahan ke atas bahagian pilihan raya tertentu yang tersentuh oleh syor SPR.

SPR selanjutnya telah bersetuju untuk menerima dua representasi bantahan yang dikemukakan berdasarkan justifikasi dan penerangan yang dikemukakan oleh wakil pembantah semasa siasatan tempatan kali kedua. Manakala satu lagi representasi bantahan adalah ditolak sebagaimana justifikasi di dalam **LAMPIRAN VIII (Jilid 2)**. SPR telah menyemak semula Syor Persempadanan bagi negeri Kedah dan syor akhir yang dikemukakan untuk laporan ini adalah seperti di **LAMPIRAN III** dan **LAMPIRAN IV**.

Rajah II-18: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Kedah



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-19: Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Kedah

Suruhanjaya Pilihan Raya bersedia sebelum prosiding siasatan tempatan dimulakan



Wakil pembantah yang hadir ke prosiding siasatan tempatan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memulakan pembentangan



Pegawai-pegawai SPR mendengar penjelasan yang diberikan oleh wakil jurucakap pembantah




Urus setia pembaca kes



Urus setia pencatat minit prosiding siasatan tempatan

Rajah II-20: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Kedah



NEGERI KELANTAN

LATAR BELAKANG NEGERI KELANTAN

Negeri Kelantan yang terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia merupakan salah satu daripada 3 buah negeri pantai timur. Ia juga merupakan salah satu daripada 4 buah negeri di Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan negara Thailand di bahagian utara. Negeri ini terdiri daripada 10 jajahan, 1 jajahan kecil dan 12 PBT yang menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan Kerajaan Tempatan. Berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia, negeri Kelantan menggunakan istilah jajahan bagi merujuk kepada daerah iaitu pembahagian kawasan-kawasan pentadbiran di dalam negeri ini.

Rajah II-21: Kedudukan negeri Kelantan dalam peta Malaysia



Jadual II-9: Jajahan di dalam negeri Kelantan

BIL.	JAJAHAN	BIL.	JAJAHAN KECIL
1.	Kota Bharu	1.	Lojing
2.	Pasir Puteh		
3.	Machang		
4.	Tumpat		
5.	Pasir Mas		
6.	Bachok		
7.	Kuala Krai		
8.	Gua Musang		
9.	Tanah Merah		
10.	Jeli		

Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan

Jadual II-10: Senarai PBT di negeri Kelantan

KATEGORI PBT	NAMA PBT
Majlis Perbandaran	Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam
Majlis Daerah	Majlis Daerah Bachok
	Majlis Daerah Gua Musang
	Majlis Daerah Ketereh – Perbandaran Islam
	Majlis Daerah Dabong
	Majlis Daerah Kuala Krai
	Majlis Daerah Machang
	Majlis Daerah Pasir Mas
	Majlis Daerah Pasir Puteh
	Majlis Daerah Tanah Merah
	Majlis Daerah Tumpat
Majlis Daerah Jeli	

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

Kota Bharu merupakan ibu negeri bagi Kelantan yang menjadi tumpuan pelancong kerana ia menempatkan beberapa pusat perniagaan yang menjual produk tempatan bermutu tinggi antaranya batik canting, songket dan kraftangan. Antara tempat yang menjadi tumpuan pelancong membeli belah adalah Pasar Siti Khadijah, Bazar Tok Guru dan Wakaf Che Yeh. Selain itu, terdapat juga kawasan zon bebas cukai yang terletak di sempadan antara negeri Kelantan dan negara Thailand iaitu Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor yang turut menjadi tumpuan utama pelancong bagi mendapatkan barangan dengan harga yang amat berpatutan. Selain dari Kota Bharu, terdapat juga beberapa bandar lain yang pesat membangun iaitu Pasir Puteh, Pasir Mas, Tanah Merah, Kuala Krai dan Jeli.

Negeri Kelantan mempunyai rangkaian jalan raya yang baik bagi menghubungkan jajahan-jajahan di seluruh negeri dan juga jalan raya timur barat yang menghubungkan Jeli di Kelantan dengan Gerik yang berada di utara negeri Perak. Jalan raya ini turut merentasi Banjaran Tahan bagi menghubungkan jajahan Gua Musang di Kelantan dengan daerah Lipis di Pahang. Di samping itu, terdapat juga jalan raya di pesisir pantai yang menghubungkan Kota

Bharu dengan Jajahan Pasir Puteh dan seterusnya ke negeri Terengganu melalui Besut dan Kuala Terengganu.

Selain daripada jaringan jalan raya, Kelantan juga dihubungkan oleh jalan kereta api yang menghubungkan bandar-bandar dan juga pekan-pekan kecil di seluruh negeri Kelantan antaranya Pasir Mas, To'Uban, Bukit Panau, Tanah Merah, Pekan Temangan, Kuala Krai, Pahi, Manek Urai, Dabong, Kemubu dan Gua Musang. Perkhidmatan kereta api ini turut menghubungkan penduduk negeri ini dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia khususnya Lipis, Raub dan Mentakab di negeri Pahang serta Gemas di Negeri Sembilan.

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI KELANTAN

Negeri Kelantan yang berkeluasan kira-kira 15,105 km persegi¹² terpisah dengan negeri-negeri lain di pantai barat Semenanjung Malaysia oleh Banjaran Titiwangsa. Negeri ini bersempadan dengan negeri Perak di sebelah barat dan Sungai Golok yang terletak di bahagian utara pula merupakan sempadan antarabangsa yang memisahkan negeri ini dengan Negara Thailand. Selain itu, negeri Kelantan terpisah dengan Terengganu di bahagian timur dan Pahang di bahagian selatan oleh Banjaran Tahan.

Dari segi bentuk muka bumi pula, kira-kira separuh daripada kawasan negeri ini masih diliputi oleh hutan tropika dan tanah tinggi yang masih belum diterokai khususnya di kawasan Hulu Kelantan. Manakala, sebahagian lagi kawasan adalah tanah rendah yang meliputi kawasan Kuala Krai, Machang dan Kota Bharu yang mana hampir kesemuanya telah dimajukan untuk aktiviti pertanian khususnya penanaman getah, kelapa sawit dan padi.

Puncak tertinggi di negeri Kelantan adalah Gunung Chamah yang berketinggian 2,171 meter dari aras laut. Gunung yang merupakan kelima

tertinggi di Semenanjung Malaysia⁴ ini terletak di Banjaran Titiwangsa yang berhampiran dengan sempadan negeri Perak. Selain itu, terdapat juga beberapa gunung lain di negeri ini antaranya adalah Gunung Noring Timur, Gunung Ayam dan Gunung Berangkat yang juga terletak di Banjaran Titiwangsa serta Gunung Perlis dan Gunung Rabong yang terletak di Banjaran Tahan.

Sungai Kelantan sepanjang 376.24 km⁹ adalah sungai utama di negeri Kelantan yang juga merupakan sungai keenam terpanjang di Malaysia. Antara sungai-sungai lain yang terdapat di negeri ini adalah Sungai Nenggiri, Sungai Kusial dan Sungai Galas yang turut mengalir ke Sungai Kelantan. Selain daripada berfungsi sebagai sistem pengangkutan air kepada penduduk setempat, terdapat juga beberapa batang sungai yang dijadikan sebagai kawasan eko-pelancongan yang membolehkan pengunjung menjalankan aktiviti-aktiviti sukan air dan memancing.

Negeri ini juga mempunyai sebuah tasik buatan manusia bagi tujuan projek janakuasa hidroelektrik iaitu Tasik Pergau yang terletak di Jeli. Tasik ini terletak di paras ketinggian 2,400 dari aras laut dan dikelilingi oleh hutan hujan tertua di dunia. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) merupakan badan yang bertanggungjawab membangunkan kawasan ini sebagai tempat eko-pelancongan yang lengkap dengan kemudahan chalet, trek hutan dan juga aktiviti memancing.¹³

Pesisir pantai sepanjang 99 km terletak di bahagian timur negeri ini menghadap Laut China Selatan. Beberapa kawasan pantai telah dibangunkan sebagai tempat tumpuan pelancong untuk beriadah seperti Pantai Cahaya Bulan dan Pantai Tok Bali. Selain daripada aktiviti pelancongan, penduduk tempatan juga menjalankan aktiviti perikanan di pesisir pantai negeri ini.

¹² Maklumat anggaran keluasan negeri Kelantan. Sumber: JUPEM.

¹³ Portal rasmi KESEDAR. <http://www.kesedar.gov.my/tasik-pergau>

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI KELANTAN

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran penduduk di negeri Kelantan bagi tahun 2015 adalah seramai 1,760,600 orang iaitu peningkatan sebanyak 22.22% (320,100 orang) berbanding jumlah penduduk semasa urusan kajian semula persempadanan yang dijalankan pada tahun 2003 iaitu seramai 1,440,500 orang⁸.

Majoriti penduduk di negeri Kelantan adalah terdiri daripada 93.13% kaum Melayu Bumiputera, 3.11% kaum Cina dan 2.88% adalah bukan warganegara Malaysia. Manakala, kaum India dan lain-lain kaum minoriti pula masing-masing hanya 0.27% dan 0.62% daripada keseluruhan bilangan penduduk negeri Kelantan bagi tahun 2015.

Dari segi ekonomi, masyarakat di Kelantan kebanyakannya adalah petani, peniaga dan nelayan. Pelbagai usaha telah dilaksana untuk mempertingkatkan pendapatan rakyat seperti memperluaskan kegiatan industri ringan, industri perkilangan dan pembuatan namun ia tidak berkembang maju di negeri ini disebabkan oleh jaraknya yang jauh dengan pelabuhan selain kos pengangkutan yang tinggi. Walau bagaimanapun, Kelantan boleh dianggap maju dari segi industri pertanian khususnya penanaman padi dan industri asas tani.


Jadual II-11: Pecahan penduduk negeri Kelantan mengikut kaum pada tahun 2015

KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	1,639.6	93.13%
Cina	54.7	3.11%
India	4.8	0.27%
Lain-lain	10.9	0.62%
Bukan Warganegara	50.7	2.88%
JUMLAH	1,760.6*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah II-22: Peratus penduduk di negeri Kelantan mengikut kaum




Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI KELANTAN TAHUN 2017

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2003 telah memperuntukkan tambahan sebanyak 2 Bahagian Pilihan Raya Negeri kepada negeri Kelantan yang menjadikan bilangan keseluruhan bertambah menjadi 45 bahagian. Manakala, bilangan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan pula kekal pada 14 bahagian sepertimana yang diperuntukkan semasa urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 1994.

Jumlah pemilih dalam negeri Kelantan yang terlibat dalam urusan kajian semula persempadanan pada kali ini adalah seramai 940,591 orang³ berbanding dengan kajian yang dijalankan pada tahun 2003 iaitu seramai 655,602 orang¹⁰ pemilih. Ini bermakna, jumlah pemilih di dalam negeri ini telah meningkat seramai 284,989 orang iaitu 43.5%. Oleh yang demikian, SPR telah mengkaji dan mendapati bahawa pindaan sempadan ke atas beberapa bahagian pilihan raya yang tertentu perlu dilaksanakan selaras dengan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta peningkatan bilangan pemilih di dalam negeri Kelantan.


Rajah II-23: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Kelantan



PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Kelantan telah dipamerkan mulai 15 September hingga 14 Oktober 2016 di 26 tempat pemeriksaan yang antaranya melibatkan penggunaan premis pejabat PBT, Pejabat Tanah dan Jajahan serta Pejabat Penggawa.

Rajah II-24: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Kelantan



Jadual II-12: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Kelantan

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.019 Tumpat	Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat Pejabat Penggawa Daerah Pengkalan Kubor
P.020 Pengkalan Chepa	Pejabat Penggawa Daerah Kemumin
P.021 Kota Bharu	Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam
P.022 Pasir Mas	Majlis Daerah Pasir Mas Pejabat Penggawa Daerah Pasir Mas
P.023 Rantau Panjang	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas Pejabat Majlis Daerah Pasir Mas Cawangan Rantau Panjang
P.024 Kubang Kerian	Masjid Al-Sultan Ismail Petra Kubang Kerian Pejabat Penggawa Daerah Limbat
P.025 Bachok	Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok Pejabat Penggawa Daerah Mahligai
P.026 Ketereh	Pejabat Majlis Daerah Ketereh
P.027 Tanah Merah	Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah Pejabat Penggawa Daerah Ulu Kusial
P.028 Pasir Puteh	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh Pejabat Penggawa Daerah Bukit Jawa
P.029 Machang	Pejabat Tanah dan Jajahan Machang Pejabat Penggawa Daerah Temangan
P.030 Jeli	Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli Pejabat Penggawa Daerah Jelok
P.031 Kuala Krai	Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai Pejabat Majlis Daerah Dabong
P.032 Gua Musang	Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing

Rajah II-25: Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Kelantan



Pemakluman mengenai pameran Syor Persempadanan di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas



Pemakluman mengenai pameran Syor Persempadanan di Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan



Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya di Pejabat Majlis Daerah Ketereh, Bandaraya Islam

Sebanyak 106 representasi telah diterima oleh SPR sepanjang tempoh satu bulan pameran kali pertama yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri, PBT dan juga sekumpulan 100 atau lebih orang awam. Perkara-perkara yang dibangkitkan dalam representasi adalah seperti berikut:

- (i) Pemindahan Bahagian Pilihan Raya Negeri tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (iii) Bantahan ke atas Syor Persempadanan bagi bahagian pilihan raya tertentu;
- (iv) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu;
- (v) Cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke suatu bahagian pilihan raya yang lain;
- (vi) Cadangan pindaan nama bagi bahagian pilihan raya tertentu; dan
- (vii) Menyokong Syor Persempadanan bagi negeri Kelantan.

Berdasarkan semakan yang dibuat ke atas setiap representasi yang diterima dan selaras dengan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, adalah didapati bahawa:

- (i) 59 representasi bantahan adalah memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 47 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Kelantan pada 4 hingga 8 Disember 2016 serta peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42). SPR bersetuju bahawa:


- (i) 30 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 17 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 12 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak.

Sebanyak 31 daripada 47 representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan telah mengemukakan representasi bantahan yang sama sepertimana representasi bantahan yang layak untuk diadakan siasatan tempatan kali pertama. Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang didengar semasa prosiding siasatan tempatan kali pertama adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**.

Manakala, sebanyak dua daripada 37 representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan tidak dipertimbangkan kerana bantahan yang dikemukakan adalah tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Baki sebanyak 14 representasi bantahan yang tidak diadakan siasatan tempatan pula mengemukakan sokongan terhadap syor SPR sepertimana di **LAMPIRAN VII (Jilid 2)**.

Rajah II-26: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Kelantan



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-27: Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Kelantan



Kaunter pendaftaran



Urus setia memberikan penerangan tatacara prosiding siasatan tempatan



Wakil pembantah bersiap sedia sebelum membentangkan bantahan



Wakil pembantah mengangkat sumpah sebelum membentangkan bantahan



Wakil pembantah membentangkan bantahan




Wakil pembantah membentangkan bantahan

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

SPR telah menyemak semula dan membuat beberapa perubahan ke atas Syor Persempadanan Negeri Kelantan berdasarkan penjelasan dan hasil yang diperolehi daripada Siasatan

Tempatan kali pertama. Syor tersebut telah dipamerkan buat kali kedua mulai 8 Mac hingga 7 April 2017 di 16 tempat pemeriksaan yang melibatkan penggunaan premis Pejabat Tanah dan Jajahan, Pejabat Penggawa, Pejabat PBT, masjid dan Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan.

Rajah II-28: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Kelantan



Jadual II-13: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Kelantan

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.019 Tumpat	Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat Pejabat Penggawa Daerah Pengkalan Kubor
P.020 Pengkalan Chepa	Pejabat Penggawa Daerah Kemumin
P.021 Kota Bharu	Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam
P.022 Pasir Mas	Majlis Daerah Pasir Mas Pejabat Penggawa Daerah Pasir Mas
P.023 Rantau Panjang	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas Pejabat Majlis Daerah Pasir Mas Cawangan Rantau Panjang
P.024 Kubang Kerian	Masjid Al-Sultan Ismail Petra Kubang Kerian Pejabat Penggawa Daerah Limbat
P.025 Bachok	Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok Pejabat Penggawa Daerah Mahligai
P.026 Ketereh	Pejabat Majlis Daerah Ketereh
P.028 Pasir Puteh	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh Pejabat Penggawa Daerah Bukit Jawa

Sebanyak 37 representasi telah diterima sepanjang tempoh satu bulan pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Kelantan. Representasi-representasi tersebut yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, PBT dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam membangkitkan perkara-perkara berikut:

- (i) Pemindahan bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (iii) Cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke suatu bahagian pilihan raya yang lain; dan
- (iv) Cadangan pindaan nama bagi bahagian pilihan raya tertentu.

Kesemua representasi ini diteliti dan disemak kelayakannya untuk diadakan siasatan tempatan berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan semakan tersebut, didapati bahawa:

- (i) 36 representasi bantahan adalah memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 1 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.


Siasatan tempatan kali kedua bagi negeri Kelantan telah diadakan pada 25 hingga 27 April 2017 di Kota Bharu bagi mendengar penjelasan daripada wakil pembantah mengenai representasi bantahan yang dikemukakan. Berdasarkan penerangan pembantah dan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR bersetuju bahawa daripada 36 representasi bantahan yang layak didengar semasa siasatan tempatan kali kedua tersebut, sebanyak:

- (i) 3 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 30 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 3 representasi bantahan pula sebahagiannya diterima dan sebahagiannya ditolak.

Manakala, baki sebanyak satu lagi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan mengemukakan representasi bantahan yang sama sepertimana representasi bantahan yang layak untuk diadakan siasatan tempatan kali kedua. Keputusan SPR bagi setiap representasi bantahan

yang diadakan siasatan tempatan adalah seperti di **LAMPIRAN VIII (Jilid 2)**. SPR telah menyemak semula Syor Persempadanan bagi negeri Kelantan dan syor akhir yang dikemukakan untuk laporan ini adalah sepertimana di **LAMPIRAN III dan LAMPIRAN IV (Jilid 2)**.

Rajah II-29: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Kelantan



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-30: Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Kelantan



Wakil pembantah mendaftar kehadiran sebelum menuju ke bilik siasatan tempatan



Pengerusi SPR bersama Ahli-ahli SPR menuju ke bilik prosiding

Rajah II-30: Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Kelantan

Pembantah bersiap sedia sebelum prosiding siasatan tempatan dimulakan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum membentangkan bantahan



Wakil pembantah membentangkan bantahan



Urus setia mendengar penjelasan wakil jurucakap pembantah

Pengerusi SPR memberikan kata alu-aluan sebelum prosiding dimulakan

Rajah II-31: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Kelantan



NEGERI TERENGGANU

LATAR BELAKANG NEGERI TERENGGANU

Rajah II-32: Kedudukan negeri Terengganu dalam peta Malaysia



Terengganu Darul Iman atau lebih dikenali sebagai Terengganu merupakan satu daripada tiga buah negeri yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Negeri ini yang berkeluasan kira-kira 12,956 km persegi¹⁴ bersempadanan dengan negeri Kelantan di sebelah utara serta Pahang di sebelah selatan. Negeri Terengganu terdiri daripada lapan buah daerah pentadbiran iaitu Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman. Daerah Kuala Nerus merupakan daerah termuda di negeri ini yang telah diisytiharkan penubuhannya secara rasmi pada 18 September 2014. Bagi urusan pentadbiran kerajaan tempatan pula, negeri Terengganu mempunyai tujuh buah PBT yang terdiri daripada sebuah Majlis Bandaraya, dua buah Majlis Perbandaran dan empat buah Majlis Daerah.

Jadual II-14: Daerah dan PBT di negeri Terengganu

DAERAH	PBT
Besut	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
Setiu	Majlis Perbandaran Kemaman

DAERAH	PBT
Kuala Nerus	Majlis Perbandaran Dungun
Kuala Terengganu	Majlis Daerah Besut
Marang	Majlis Daerah Hulu Terengganu
Hulu Terengganu	Majlis Daerah Marang
Dungun	Majlis Daerah Setiu
Kemaman	

Sumber : Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu & Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

Kuala Terengganu yang terletak di muara Sungai Terengganu merupakan ibu negeri bagi negeri Terengganu. Sebagai bandar tumpuan utama, Kuala Terengganu mempunyai beberapa tempat menarik untuk dikunjungi oleh pelancong tempatan mahupun luar negara. Pasar Payang misalnya merupakan sebuah pasar yang menjual pelbagai hasil laut, tanaman, ulam-ulaman, makanan tradisional, produk kraftangan penduduk tempatan termasuk peralatan dapur yang diperbuat dari perak dan juga batik sutera. Berhadapan dengan pasar ini terletaknya Bukit Puteri yang berperanan sebagai kubu pertahanan semasa pemerintahan Sultan Baginda Omar sekitar tahun 1831. Bukit ini yang berketinggian 200 meter dari aras laut menempatkan beberapa unit meriam, sebuah rumah api dan loceng besar yang akan dibunyikan semasa bulan Ramadhan bagi menandakan telah masuk waktu untuk berbuka puasa. Selain itu, terdapat juga beberapa tempat-tempat menarik sekitar kawasan Kuala Terengganu seperti Istana Maziah yang bersebelahan dengan Bukit Puteri dan *China Town* di Jalan Kampung Cina yang menempatkan beberapa barisan bangunan lama.¹⁵

Negeri Terengganu juga terkenal dengan keindahan pantai dan pulau-pulau yang menarik tumpuan para pelancong seperti Pantai Rhu Sepuluh di Setiu, Pantai Teluk Bidara di Dungun, serta Pulau Redang di Kuala Nerus dan Pulau Perhentian di Besut. Sementara itu, Pantai Rantau Abang di Dungun pula terkenal sebagai pendaratan penyus untuk bertelur.

¹⁴ Maklumat anggaran keluasan negeri Terengganu. Sumber: JUPEM.

¹⁵ Laman web Terengganu Tourism. (2014). <https://www.terengganutourism.com>

Rajah II-33: Antara tempat-tempat tumpuan pelancong di Kuala Terengganu



Pasar Payang



Bukit Puteri



China Town di Jalan Kampung Cina

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI TERENGGANU

Dari segi bentuk muka bumi, negeri Terengganu terdiri daripada kawasan tanah rendah yang mengunjur dari bahagian utara ke selatan

dan kawasan tanah tinggi di bahagian barat yang meliputi kawasan Hulu Terengganu yang bersempadanan dengan negeri Pahang melalui Banjaran Tahan dan Banjaran Pantai Timur. Banjaran Pantai Timur yang turut dikenali sebagai Tanah Tinggi Pantai Timur merupakan kawasan tadahan air bagi Sungai Terengganu sepanjang 177.68 km⁹ yang merupakan salah satu sungai utama bagi negeri ini. Di samping itu, terdapat juga sungai-sungai lain yang mengalir di negeri ini antaranya adalah Sungai Nerus, Sungai Dungun dan Sungai Kemaman.

Puncak tertinggi di Terengganu adalah Gunung Lawit setinggi 1,519 meter dari aras laut yang terletak di bahagian utara negeri ini dan diikuti pula oleh Gunung Mandi Angin yang berketinggian 1,460 meter dari aras laut yang bersempadanan dengan negeri Pahang. Hampir keseluruhan kawasan tanah tinggi di negeri ini masih diliputi oleh hutan hujan tropika yang turut menempatkan Tasik Kenyir iaitu tasik buatan manusia yang terbesar di Malaysia dengan keluasan kira-kira 38,000 hektar¹⁶ serta Taman Negara Terengganu.

Selain itu, Terengganu juga terkenal dengan kawasan pelancongan di sepanjang pesisir pantai yang meliputi kawasan sepanjang 244 km bermula daripada Chukai di Kemaman sehingga ke Kampung Raja di Besut. Pesisir pantai di negeri Terengganu juga kaya dengan sumber petroleum yang kini sedang diusahakan oleh pihak Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) yang secara tidak langsung telah merencanakan lagi aktiviti ekonomi di kawasan sekitar Dungun dan Kemaman.

Kawasan-kawasan lain di negeri ini kebanyakannya telah dimajukan dengan pelbagai jenis tanaman terutamanya melalui pembukaan tanah-tanah rancangan oleh Perbadanan Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Banyak ladang kelapa sawit dan getah juga telah dibuka yang turut menyebabkan penempatan semula penduduk dari beberapa daerah di negeri Terengganu.

Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Terengganu Darul Iman (2005-2020), jaringan jalan raya di negeri ini sangat penting bagi menghubungkan kawasan zon pantai yang pesat membangun dengan kawasan pedalaman yang secara tidak langsung akan memberikan limpahan pembangunan kepada kawasan pedalaman. Jalan

¹⁶ Anggaran keluasan Tasik Kenyir. Sumber: Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah).

Persekutuan 3 (Kota Bharu - Kuala Terengganu - Kuantan - Johor Bharu) merupakan salah satu jalan utama di negeri ini yang melalui kawasan pesisiran pantai dan bermula dari Bandar Chukai di bahagian selatan sehingga ke Kuala Besut di bahagian utara. Selain itu, terdapat juga jalan raya utama lain di negeri ini yang menghubungkan kawasan-kawasan yang berada di dalam zon tengah iaitu Jalan Persekutuan 14 (Jerangau - Jabor).

Selain daripada Jalan Persekutuan 14 tersebut, terdapat juga sebuah lebuh raya yang menghubungkan kawasan zon tengah negeri ini iaitu Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa II sepanjang 184 km yang menghubungkan kawasan-kawasan seperti Cheneh, Chukai, Kijal, Kerteh, Paka, Dungun, Bukit Besi, Ajil, Telemung dan Kuala Terengganu.

Pelabuhan Kemaman yang terletak di Chukai pula merupakan pelabuhan utama di negeri ini yang mampu menampung keperluan pelbagai jenis kapal dan kargo sepanjang tahun. Selain itu, Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Kuala Terengganu juga menyediakan kemudahan penerbangan antarabangsa ke beberapa buah negara terpilih termasuklah penerbangan terus dari Kuala Terengganu ke Jeddah dan Madinah pada musim haji.

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI TERENGGANU

Berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran jumlah penduduk negeri Terengganu pada tahun 2015 adalah seramai 1,161,000 orang iaitu kira-kira 90 orang bagi setiap km persegi. Jika dilihat dari segi pertambahan jumlah penduduk, negeri ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak 22% atau seramai 209,600 orang sejak kajian semula persempadanan terakhir yang dijalankan pada tahun 2003.

Hampir keseluruhan penduduk di negeri ini terdiri daripada kaum Melayu iaitu sebanyak 94.38% dan kemudiannya diikuti oleh kaum Cina (2.39%). Manakala, bilangan kaum India (0.23%) dan lain-lain kaum (0.21%) di negeri ini adalah kurang

daripada 3,000 orang. Terdapat juga segelintir penduduk kaum Cina yang terdiri daripada etnik Cina Peranakan yang berasal dari daerah Fujian, China dan telah bertapak di negeri ini sejak abad ke-16. Masyarakat Cina Peranakan ini yang dipanggil dengan gelaran Mek dan Awang juga berupaya untuk berkomunikasi dengan menggunakan loghat Terengganu. Selain itu, kaum-kaum lain yang telah lama menetap di negeri ini juga boleh bertutur menggunakan loghat Terengganu dalam komunikasi seharian mereka.


Jadual II-15: Pecahan penduduk negeri Terengganu mengikut kaum pada tahun 2015

ETNIK	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	1,095.8	94.38%
Cina	27.7	2.39%
India	2.7	0.23%
Lain-lain	2.4	0.21%
Bukan Warganegara	32.3	2.78%
JUMLAH	1,161.0*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah II-34: Peratus penduduk di negeri Terengganu mengikut kaum



Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI TERENGGANU TAHUN 2017

Pada masa ini, bilangan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan bagi negeri Terengganu adalah sebanyak 8 bahagian, manakala Bahagian Pilihan Raya Negeri pula sebanyak 32 bahagian. Jumlah bahagian pilihan raya ini telah diperuntukkan kepada negeri Terengganu semasa urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Kali Ketiga yang telah dijalankan pada tahun 1984. Semenjak itu, tiada pertambahan mahupun pengurangan ke atas bilangan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Terengganu, namun terdapat pindaan sempadan ke atas beberapa bahagian pilihan raya dilaksanakan dalam urusan kajian semula persempadanan pada tahun 1994 dan 2003. Bilangan bahagian-bahagian pilihan raya ini telah digunakan sejak PRU ke-7 pada tahun 1986 hingga PRU ke-13 pada tahun 2013.

Jumlah pemilih bagi Terengganu juga telah meningkat seramai 258,093 orang sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003 iaitu daripada 411,453 orang¹⁰ kepada 669,546 orang³ semasa kajian semula persempadanan ini mula dijalankan

pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa anggaran purata taburan bilangan pemilih bagi setiap km persegi adalah seramai 52 orang. Namun begitu, hakikat sebenar di lapangan adalah densiti pemilih lebih tertumpu di kawasan pesisir pantai yang lebih maju dan membangun berbanding dengan kawasan pedalaman kerana kekangan bentuk muka bumi yang berbukit bukau dan diliputi hutan belantara.

Walaupun tiada sebarang pertambahan bahagian pilihan raya dilaksanakan di negeri ini, namun pindaan sempadan turut dilaksanakan ke atas beberapa bahagian pilihan raya disebabkan densiti jumlah pemilih yang tinggi di beberapa tempat. Antara faktor yang turut diambil kira adalah untuk mengurangkan jurang bilangan pemilih antara bahagian pilihan raya serta kemudahan pentadbiran di dalam sesuatu bahagian pilihan raya itu bagi memudahkan urusan pendaftaran pemilih dan pilihan raya.

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Syor kajian semula persempadanan bagi negeri Terengganu telah dipamerkan buat kali pertama mulai 15 September hingga 14 Oktober 2016 di sembilan tempat pemeriksaan yang melibatkan pejabat-pejabat daerah dan Pejabat Pilihan Raya Negeri Terengganu.

Rajah II-35: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Terengganu



TERENGGANU

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN | *Federal Constituencies*: 8
 BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI | *State Constituencies*: 32

P.033 BESUT

N.01 Kuala Besut
 N.02 Kota Putera
 N.03 Jerih
 N.04 Hulu Besut

P.034 SETIU

N.05 Jabi
 N.06 Permaisuri
 N.07 Langkap
 N.08 Batu Rakit

P.035 KUALA NERUS

N.09 Tepuh
 N.10 Teluk Pasu
 N.11 Seberang Takir
 N.12 Bukit Tunggal

P.036 KUALA TERENGGANU

N.13 Wakaf Mempelam
 N.14 Bandar
 N.15 Ladang
 N.16 Batu Buruk

P.037 MARANG

N.17 Alur Limbat
 N.18 Bukit Payung
 N.19 Ru Rendang
 N.20 Pengkalan Berangan

P.038 HULU TERENGGANU

N.21 Telemung
 N.22 Manir
 N.23 Kuala Berang
 N.24 Ajil

P.039 DUNGUN

N.25 Bukit Besi
 N.26 Rantau Abang
 N.27 Sura
 N.28 Paka

P.040 KEMAMAN

N.29 Kemasik
 N.30 Kijal
 N.31 Cukai
 N.32 Air Putih



Laporan Kajian Semula Persempadanan

Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018

Jadual II-16: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Terengganu

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.033 Besut	Pejabat Daerah Besut
P.034 Setiu	Pejabat Daerah Setiu
P.035 Kuala Nerus	Pejabat Daerah Kuala Nerus
P.036 Kuala Terengganu	Pejabat Daerah Kuala Terengganu Pejabat Pilihan Raya Negeri Terengganu
P.037 Marang	Pejabat Daerah Marang
P.038 Hulu Terengganu	Pejabat Daerah Hulu Terengganu
P.039 Dungun	Pejabat Daerah Dungun
P.040 Kemaman	Pejabat Daerah Kemaman



Kain rentang yang memaklumkan mengenai pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Terengganu

Rajah II-36: Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Terengganu



Kain rentang yang memaklumkan mengenai pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Terengganu



Syor Persempadanan dan rang pelan yang dipamerkan

SPR telah menerima sebanyak 110 representasi berhubung syor kajian semula persempadanan bagi negeri Terengganu sepanjang tempoh pameran kali pertama dijalankan yang terdiri daripada Kerajaan Negeri Terengganu, PBT dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam. Perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi adalah seperti yang berikut:

- (i) Bantahan ke atas pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu;
- (iii) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan lokaliti tertentu ke dalam DM tertentu; dan
- (iv) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke dalam bahagian pilihan raya tertentu.

SPR selanjutnya telah menyemak kesemua representasi yang dikemukakan berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan mengesyorkan bahawa:

- (i) 80 representasi bantahan yang memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan adalah layak untuk diadakan siasatan tempatan;
- (ii) 30 representasi bantahan adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

Siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Terengganu telah diadakan mulai 13 hingga 16 Disember 2016 untuk mendengar sebanyak 80 representasi yang memenuhi syarat Seksyen 5,


Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Namun, hanya 48 kumpulan pembantah yang hadir ke sesi prosiding siasatan tempatan tersebut termasuk Kerajaan Negeri Terengganu, Majlis Daerah Setiu dan sekumpulan orang seramai satu ratus atau lebih manakala, baki 32 wakil pembantah pula tidak dapat menghadiri diri.

Setelah mengambil kira penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama serta dokumen-dokumen bantahan bagi wakil pembantah yang tidak hadir semasa sesi prosiding tersebut, SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42) dan membuat keputusan bahawa:

- (i) 65 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 7 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 8 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan siasatan tempatan kali pertama adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**. Walau bagaimanapun, baki sebanyak 28 representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan turut mengemukakan bantahan yang sama seperti representasi bantahan yang didengar semasa siasatan tempatan kali pertama. Sementara itu, baki dua representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan tidak dipertimbangkan kerana representasi bantahan yang dikemukakan adalah tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-37: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Terengganu



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-38: Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Terengganu



Pembantah menunggu giliran di luar bilik prosiding siasatan tempatan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memulakan pembentangan bantahan



Wakil jurucakap pembantah menerangkan mengenai bantahan yang dikemukakan

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

SPR telah menyemak semula dan membuat beberapa perubahan ke atas Syor Persempadanan bagi negeri Terengganu berdasarkan penjelasan pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama. Syor tersebut dipamerkan buat kali kedua mulai 8 Mac hingga 7 April 2017 di sembilan tempat pemeriksaan yang sama sepertimana pameran kali pertama.

Sebanyak 15 representasi telah diterima SPR daripada sekumpulan 100 atau lebih orang awam sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Terengganu yang mana kesemua representasi tersebut adalah layak untuk diadakan siasatan tempatan kali kedua kerana memenuhi peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Antara perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi tersebut adalah:

- (i) Bantahan ke atas pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;

- (ii) Bantahan ke atas pemindahan lokaliti ke dalam DM tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (iii) Memohon agar SPR menyemak semula kedudukan lokaliti tertentu yang dianggap tidak sesuai; dan
- (iv) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan lokaliti tertentu ke dalam DM tertentu.


Berdasarkan justifikasi dan penerangan yang dikemukakan oleh wakil pembantah semasa siasatan tempatan kali kedua serta prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42), SPR mengesyorkan bahawa:

- (i) 11 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (ii) 4 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima manakala sebahagiannya pula adalah ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan bagi negeri Terengganu adalah seperti di **LAMPIRAN VIII (Jilid 2)**. Syor akhir

bagi negeri Terengganu setelah mengambilkira keputusan siasatan tempatan kali kedua adalah sepertimana di **LAMPIRAN III** dan **LAMPIRAN IV**.

Rajah II-39: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Terengganu



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-40: Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Terengganu



Pembantah bersiap sedia sebelum prosiding siasatan tempatan dimulakan



Wakil juruakap pembantah mengangkat sumpah sebelum membentangkan bantahan



Wakil juruakap pembantah mengangkat sumpah sebelum membentangkan bantahan



Wakil juruakap pembantah menerangkan bantahan yang dikemukakan

Laporan Kajian Semula Persempadanan

Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018



Wakil jurucakap pembantah menerangkan bantahan yang dikemukakan



Pembantah yang turut hadir bersama wakil jurucakap pembantah semasa prosiding siasatan tempatan



Suruhanjaya Pilihan Raya semasa prosiding siasatan tempatan dijalankan



Urus setia yang terlibat dalam urusan prosiding siasatan tempatan

Rajah II-41: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Terengganu



NEGERI PULAU PINANG

LATAR BELAKANG NEGERI PULAU PINANG

Rajah II-42: Kedudukan negeri Pulau Pinang dalam peta Malaysia



Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang terletak di pantai barat laut Semenanjung Malaysia dan terbahagi kepada dua bahagian yang dipisahkan oleh Selat Pulau Pinang iaitu bahagian pulau dan tanah besar yang lebih dikenali sebagai Seberang Perai. Negeri ini bersempadan dengan negeri Kedah di sebelah utara dan timur, Perak di sebelah selatan dan Pulau Sumatera, Indonesia di sebelah barat.

Kedua-dua bahagian negeri ini dihubungkan oleh Jambatan Pulau Pinang sepanjang 13.5 km dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah atau turut dikenali sebagai Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 24 km. Selain itu, perkhidmatan feri turut disediakan bagi membawa penumpang dan kenderaan dari Terminal Feri Butterworth ke Terminal Feri Raja Tun Uda, Georgetown. Selain itu, Pulau Pinang juga boleh diakses dengan menggunakan pengangkutan udara melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.

Bandar Raya Georgetown merupakan ibu negeri bagi Pulau Pinang dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang terletak di Menara KOMTAR yang merupakan bangunan tertinggi di negeri tersebut. Negeri ini terbahagi kepada lima daerah

iaitu Timor Laut dan Barat Daya bagi kawasan pulau, manakala Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan pula bagi kawasan Seberang Perai yang terletak di tanah besar. Dari segi pentadbiran kerajaan tempatan pula, negeri ini mempunyai dua buah PBT iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Jadual II-17: Daerah dan PBT di negeri Pulau Pinang

DAERAH	PBT
Timor Laut	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Barat Daya	
Seberang Perai Utara	Majlis Perbandaran Seberang Perai
Seberang Perai Tengah	
Seberang Perai Selatan	

Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang & Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI PULAU PINANG

Keluasan keseluruhan bagi negeri Pulau Pinang adalah 1,047.44 km persegi¹⁷ iaitu bahagian pulau mencakupi 299.94 km persegi (28.6%) manakala bahagian Seberang Perai meliputi kawasan seluas 747.50 km persegi (71.4%). Kawasan Seberang Perai atau turut dikenali sebagai *Province Wellesley* merupakan kawasan tanah pamah yang subur dengan aktiviti pertanian sebagai sumber ekonomi sebahagian penduduknya. Selain itu, sebahagian besar kawasan di Seberang Perai juga telah dimajukan dengan aktiviti perindustrian dan perniagaan sejajar dengan pembangunan di bahagian pulau. Dalam hal ini, kawasan Perai dan Juru sedang dibangunkan sebagai kawasan industri manakala kawasan Kepala Batas dan Batu Kawan pula sedang dimajukan melalui projek-projek perumahan, komersil dan institusi pendidikan.

Selain itu, Pulau Pinang juga merupakan salah satu destinasi pelancongan yang popular di Malaysia. Dalam kepesatan pembangunan infrastruktur, kawasan pulau yang cukup sinonim dengan

¹⁷ Maklumat anggaran keluasan negeri Pulau Pinang. Sumber: JUPEM.

nama “Tanjung” oleh masyarakat setempat masih mengekalkan kawasan peninggalan sejarah dan Bandar Raya Georgetown telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) pada 7 Julai 2008. Di samping itu, terdapat juga kawasan alam semulajadi seperti Taman Negara Pulau Pinang dan kawasan pantai berpasir iaitu Batu Ferringhi yang menjadi tumpuan pelancong tempatan mahupun luar negara. Bukit Bendera yang berketinggian 833 meter dari aras laut adalah puncak tertinggi di negeri ini dan perkhidmatan tren/funikular turut disediakan kepada para pelancong untuk mendaki bukit ini. Selain itu, kawasan Bukit Bendera juga telah dirizab sebagai kawasan hutan dan takungan air yang dikawal pembangunannya bagi mengekalkan ekologi dan suasana persekitaran kawasan tersebut.

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI PULAU PINANG

Penduduk negeri Pulau Pinang pada tahun 2015 adalah dianggarkan seramai 1,698,100 orang⁵ dengan purata kepadatan penduduk seramai 1,633 orang bagi setiap km persegi iaitu peningkatan sebanyak 20.25% berbanding dengan jumlah penduduk semasa urusan kajian semula persempadanan dijalankan pada tahun 2003. Berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2010 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat


empat daerah di negeri Pulau Pinang yang mempunyai densiti melebihi 1,000 orang bagi setiap km persegi iaitu Timur Laut, Seberang Perai Tengah, Barat Daya dan Seberang Perai Utara.

Kebanyakan penduduk tertumpu di kawasan bandar dan kawasan membangun terutamanya di bahagian timur pulau serta di kawasan barat dan tengah Seberang Perai. Terdapat tiga buah pulau kecil di perairan Pulau Pinang iaitu Pulau Jerejak dan Pulau Gedung yang tidak berpenghuni serta Pulau Aman yang didiami oleh penduduk tempatan yang bekerja sebagai nelayan serta pengusaha-pengusaha kecil industri pelancongan di pulau tersebut.

Seperti kebanyakan negeri-negeri lain di pantai barat Semenanjung Malaysia, Pulau Pinang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum yang menganuti pelbagai agama dan mengamalkan adat resam berbeza. Majoriti penduduk Pulau Pinang merupakan kaum Melayu Bumiputera dan kaum Cina iaitu masing-masing merangkumi 41.32% dan 40.39%, diikuti India (9.68%), bukan warganegara (8.32%) dan lain-lain kaum minoriti (0.31%).

Masyarakat Cina merupakan kaum majoriti di pusat-pusat bandar serta menguasai bidang perniagaan dan perindustrian serta popular dengan persembahan yang dipanggil Chin Gay.

Rajah II-43: Empat daerah berdensiti tinggi di dalam negeri Pulau Pinang pada tahun 2010



Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia

Masyarakat Melayu dan masyarakat India juga banyak menjalankan perniagaan serta bekerja dalam pelbagai sektor awam dan swasta. Selain itu, Pulau Pinang terkenal dengan persembahan

boria serta dikenali sebagai syurga makanan kerana mempunyai pelbagai restoran dan gerai makan yang menarik terutamanya restoran nasi kandar.


Jadual II-18: Pecahan penduduk negeri Pulau Pinang mengikut kaum pada tahun 2015

KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	701.6	41.32%
Cina	685.8	40.39%
India	164.3	9.68%
Lain-lain	5.2	0.31%
Bukan Warganegara	141.2	8.32%
JUMLAH	1,698.1*	100%

Sumber: 2015 Quick Population Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah II-44 : Peratus penduduk di negeri Pulau Pinang mengikut kaum




Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2017

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu yang dijalankan pada tahun 2003 memperuntukkan tambahan sebanyak 2 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 7 Bahagian Pilihan Raya Negeri bagi negeri Pulau Pinang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri ini adalah sebanyak 13 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 40 Bahagian Pilihan Raya Negeri yang telah digunakan di dalam PRU ke-11 pada tahun 2004, PRU ke-12 pada tahun 2008 dan PRU ke-13 pada tahun 2013.

Jumlah pemilih bagi negeri Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 31.6% iaitu 208,593 orang sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003 iaitu daripada 659,155 orang¹⁰ kepada 867,748 orang³ pada tahun 2015. Urusan kajian semula persempadanan pada kali ini tidak melibatkan sebarang pertambahan bahagian pilihan raya tetapi hanya pindaan sempadan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan P.041 Kepala Batas dan P.053 Balik Pulau yang dilaksanakan berdasarkan kedudukan sebenar sempadan kawasan tersebut di lapangan. SPR berpandangan bahawa jumlah pemilih sedia ada di negeri ini masih lagi bersesuaian dengan bilangan bahagian pilihan raya sedia ada di samping mengambil kira keluasan bagi setiap bahagian pilihan raya yang tidak terlalu besar.


Rajah II-45: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Pulau Pinang



PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Pameran kali pertama syor kajian semula persempadanan bagi negeri Pulau Pinang telah dijalankan mulai 15 September 2016 hingga 14 Oktober 2016 di 16 tempat pemeriksaan yang antaranya melibatkan penggunaan premis Pejabat Daerah dan Tanah, pejabat PBT dan dewan orang ramai.

Rajah II-46: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Pulau Pinang



Jadual II-19: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Pulau Pinang

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.041 Kepala Batas	Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Utara
P.042 Tasek Gelugor	Dewan JKKK Pajak Song
P.043 Bagan	Lembaga Kemajuan Wilayah Utara (PERDA)
P.044 Permatang Pauh	Dataran Rumah Tradisional, Tapak Ekspo Pertanian Seberang Jaya
P.045 Bukit Mertajam	Ruang Legar Bangunan MPSP Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah
P.046 Batu Kawan	Dewan Serbaguna Simpang Ampat
P.047 Nibong Tebal	Dewan Sungai Acheh Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Selatan
P.048 Bukit Bendera	Ruang Legar, Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut
P.049 Tanjong	Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang Ruang Legar, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri (SUK Pulau Pinang)
P.050 Jelutong	Pejabat Pos Jelutong
P.051 Bukit Gelugor	Pejabat Perumahan Kampung Melayu
P.052 Bayan Baru	Ruang Legar Kompleks Belia dan Sukan, Batu Uban
P.053 Balik Pulau	Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya

Rajah II-47: Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Pulau Pinang



Pemakluman mengenai pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya di luar premis tempat pemeriksaan



Pemakluman mengenai pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya di luar premis tempat pemeriksaan



Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya



Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya



Penunjuk arah ke papan pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya

Sebanyak 12 representasi telah diterima sepanjang tempoh satu bulan pameran syor kali pertama bagi negeri Pulau Pinang yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam. Perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi adalah seperti yang berikut:

- (i) Bantahan ke atas bahagian pilihan raya tertentu; dan
- (ii) Bantahan ke atas keseluruhan Syor Persempadanan bagi negeri Pulau Pinang.

Kesemua representasi yang dikemukakan telah disemak berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan SPR bersetuju bahawa:

- (i) 3 representasi bantahan adalah memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 9 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.


SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Pulau Pinang dan peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42). Dalam

hal ini, SPR bersetuju bahawa sebanyak **dua representasi bantahan** adalah **diterima**, manakala baki **satu representasi bantahan** pula **ditolak** sepertimana justifikasi yang dinyatakan di dalam **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**.

Baki 9 representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan tidak dipertimbangkan kerana bantahan yang dikemukakan adalah:

- (i) Tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan; dan
- (ii) Membantah keseluruhan Syor Persempadanan bagi negeri Pulau Pinang.

Rajah II-48: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Pulau Pinang



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-49: Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Pulau Pinang



Suruhanjaya Pilihan Raya bersiap sedia untuk memulakan prosiding siasatan tempatan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memulakan pembentangan bagi bantahan masing-masing



Wakil jurucakap pembantah menerangkan kepada SPR mengenai bantahan yang dikemukakan



YB Lim Guan Eng selaku Menteri Besar Pulau Pinang mewakili Kerajaan Negeri bagi menerangkan bantahan yang dikemukakan



Pembantah mendaftarkan diri sebelum masuk ke bilik prosiding siasatan tempatan

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

Syor kali kedua bagi negeri Pulau Pinang telah dipamerkan mulai 8 Mac 2017 hingga 7 April 2017 di dua tempat pemeriksaan iaitu Pejabat Daerah dan Tanah bagi Daerah Barat Daya serta Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang.

Jadual II-20: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Pulau Pinang

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.053 Balik Pulau	Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya

Rajah II-50: Pameran kali kedua Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Pulau Pinang



Pameran Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Pulau Pinang

Hanya dua representasi yang diterima daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan dijalankan. Perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi adalah seperti berikut:


- (i) Bantahan ke atas bahagian pilihan raya tertentu; dan
- (ii) Bantahan ke atas keseluruhan Syor Persempadanan bagi negeri Pulau Pinang.

Berdasarkan semakan yang dijalankan, hanya satu representasi bantahan yang memenuhi peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk didengar di dalam prosiding siasatan tempatan yang diadakan pada 3 Mei 2017. Setelah mendengar penjelasan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta berpandukan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR telah membuat keputusan untuk menolak representasi bantahan tersebut sepertimana justifikasi di **Lampiran VIII (Jilid 2)**. Manakala, baki satu lagi representasi bantahan adalah memenuhi syarat yang diperuntukkan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan namun tidak diadakan siasatan tempatan kerana mengemukakan representasi bantahan ke atas bahagian pilihan raya yang tidak tersentuh oleh Syor Persempadanan. Walau bagaimanapun,

SPR tetap meneliti dan mempertimbangkan representasi bantahan tersebut walaupun ia tidak diadakan siasatan tempatan dan membuat keputusan untuk menolak bantahan

tersebut kerana tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-51: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Pulau Pinang



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-52: Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Pulau Pinang



Suruhanjaya Pilihan Raya semasa prosiding siasatan tempatan



Wakil pembantah mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengangkat sumpah sebelum menerangkan bantahan yang dikemukakan

Rajah II-53: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Pulau Pinang



NEGERI PERAK

LATAR BELAKANG NEGERI PERAK

Rajah II-54: Kedudukan negeri Perak dalam peta Malaysia



Negeri Perak telah wujud sejak zaman pra sejarah lagi. Negeri ini lebih dikenali setelah penemuan bijih timah di Larut pada tahun 1848 oleh Raja Long Jaafar. Penemuan ini telah menyebabkan ekonomi negeri Perak berkembang dengan pesat lantaran pembukaan lebih banyak kawasan perlombongan. Selain bijih timah, tanaman getah juga memainkan peranan yang

penting dalam ekonomi negeri Perak. Revolusi perkembangan ekonomi ini telah mewujudkan masyarakat majmuk di negeri ini seperti kaum Cina bekerja di lombong-lombong dan kaum India yang menjadi buruh di ladang getah.¹⁸

Negeri Perak atau nama penuhnya Perak Darul Ridzuan merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas negeri Pahang dengan keluasan kawasan kira-kira 21,022 km persegi.¹⁹ Negeri yang terletak di tengah-tengah Semenanjung Malaysia ini bersempadan dengan negeri Kedah di sebelah utara, negeri Kelantan dan Pahang di sebelah timur dan negeri Selangor di sebelah selatan. Negeri ini dihubungkan dengan rangkaian jalan raya dan lebuh raya yang meliputi hampir ke seluruh ceruk rantau negeri. Di samping itu juga, negeri Perak turut mempunyai persisiran pantai sepanjang 428.85 kilometer menghadap Selat Melaka.

Dari segi pentadbiran, negeri Perak terbahagi kepada 12 buah daerah dan enam buah daerah kecil. Daerah Bagan Datuk merupakan daerah terkini di negeri ini yang telah diisytiharkan secara rasmi pada 9 Januari 2017 oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak. Selain itu, terdapat 15 buah PBT di negeri ini yang telah diwujudkan bagi menjalankan fungsi dan peranan kerajaan tempatan yang melibatkan sebuah Majlis Bandaraya, empat Majlis Perbandaran dan 10 Majlis Daerah.

Jadual II-21 : Daerah dan PBT di negeri Perak

DAERAH	DAERAH KECIL	PBT
Hulu Perak	Pengkalan Hulu	Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Kerian	Lenggong	Majlis Daerah Gerik
Larut, Matang dan Selama	Selama	Majlis Daerah Lenggong
Kuala Kangsar	Sungai Siput	Majlis Daerah Kerian
Kinta	Ipoh	Majlis Perbandaran Taiping
Perak Tengah	Kampong Gajah	Majlis Daerah Selama
Manjung		Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
Hilir Perak		Majlis Daerah Batu Gajah
Batang Padang		Majlis Bandaraya Ipoh
Kampar		Majlis Daerah Perak Tengah
Muallim		Majlis Perbandaran Manjung
Bagan Datuk		Majlis Perbandaran Teluk Intan
		Majlis Daerah Tapah
		Majlis Daerah Kampar
		Majlis Daerah Tanjong Malim

Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak & Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

¹⁸ Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak.

¹⁹ Maklumat anggaran keluasan negeri Perak. Sumber: JUPEM.

Bandar raya Ipoh merupakan ibu negeri dan pusat pentadbiran bagi negeri Perak. Selain itu, terdapat juga tiga bandar besar yang lain iaitu Taiping, Teluk Intan dan Seri Manjung.

Kuala Kangsar pula merupakan Bandar Diraja yang menjadi salah satu tempat tarikan pelancong apabila ke negeri Perak.

Rajah II-55: Antara tempat-tempat tumpuan pelancong di negeri Perak



Galeri Sultan Azlan Shah Kuala Kangsar



Zoo Taiping & Night Safari



Kellies Castle, Batu Gajah



Gua Tempurung, Gopeng



Lata Kinjang, Tapah



Pulau Pangkor


KEADAAN GEOGRAFI NEGERI PERAK

Negeri Perak mempunyai bentuk muka bumi yang bergunung-ganang. Terdapat Banjaran Titiwangsa yang memisahkan negeri Perak dengan negeri Pahang dan Kelantan. Banjaran Gunung Bintang Hijau pula memisahkan daerah Kuala Kangsar dengan daerah Larut, Matang dan Selama serta daerah Manjung. Gunung Korbu dengan ketinggian 2,183 meter dari aras laut merupakan puncak tertinggi di negeri Perak dan kedua tertinggi di Semenanjung Malaysia selepas Gunung Tahan.⁴

Terdapat tiga sungai utama di negeri Perak iaitu Sungai Kerian sepanjang 121.91 km yang memisahkan negeri ini dengan negeri Kedah, Sungai Perak sepanjang 449.95 km yang mengalir di tengah-tengah negeri Perak dan Sungai Bernam sepanjang 221.78 km yang memisahkan negeri Perak dengan Selangor.⁹

Berdasarkan maklumat tahun 2014 yang disediakan oleh Pejabat Tanah dan Galian negeri Perak, penggunaan tanah di negeri ini meliputi kawasan pertanian (715,448 hektar), bangunan (54,247 hektar), industri (6,771 hektar), kawasan hutan (1,190,275 hektar) dan lain-lain (123,409 hektar).²⁰

Rajah II-56: Kawasan guna tanah bagi negeri Perak



Sumber: Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perak

Dari segi perhubungan, kebanyakan kawasan utama telah dihubungkan dengan kemudahan jalan raya. Selain itu, terdapat juga lebuh raya yang memudahkan perhubungan penduduk negeri Perak dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia iaitu Lebuh Raya Utara Selatan yang

bermula dari Hulu Bernam hingga ke Bandar Baharu Parit Buntar, Lebuh Raya Pantai Timur yang menghubungkan Gerik hingga ke Jeli di Kelantan dan Lebuh Raya Pantai Barat yang menghubungkan Teluk Intan hingga ke Taiping. Selain itu, terdapat juga laluan rel kereta api dari Tanjong Malim ke Parit Buntar dan sebuah pelabuhan utama iaitu Pelabuhan Lumut untuk aktiviti import dan eksport bahan mentah contohnya tanah liat, batu kapur, arang batu dan gipsum. Pelabuhan ini juga merupakan pangkalan utama bagi Tentera Laut Diraja Malaysia. Di samping itu, negeri Perak juga mempunyai sebuah lapangan terbang yang terletak di bandar raya Ipoh iaitu Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah.

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI PERAK

Berdasarkan maklumat pada tahun 2015, negeri Perak mempunyai jumlah penduduk ke-3 paling tinggi di Semenanjung Malaysia iaitu seramai 2.467 juta orang⁵ dengan anggaran purata taburan penduduk adalah seramai 117 orang bagi setiap kilometer persegi. Dari segi pertumbuhan penduduk, negeri ini mencatatkan peningkatan sebanyak 274,800 orang iaitu 13% sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003.

Seperti negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, majoriti populasi penduduk di negeri Perak terdiri daripada 3 kaum utama iaitu Melayu Bumiputera (55.78%), Cina (28.50%) dan India (11.47%). Namun, terdapat juga bukan warganegara dan lain-lain kaum yang turut menghuni di negeri ini iaitu sebanyak 4.25%.

Jadual II-22: Pecahan penduduk negeri Perak mengikut kaum pada tahun 2015


KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	1,376.1	55.78%
Cina	703.1	28.50%
India	283.0	11.47%
Lain-lain	9.3	0.38%
Bukan Warganegara	95.4	3.87%
JUMLAH	2,466.9*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

²⁰ Buku Data Asas Negeri Perak Darul Ridzuan 2014

Rajah II-57: Peratus penduduk di negeri Perak mengikut kaum



Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI PERAK TAHUN 2017

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2003 telah memperuntukkan tambahan sebanyak satu Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan tujuh Bahagian Pilihan Raya Negeri yang menjadikan jumlah bahagian pilihan raya dalam negeri Perak sebanyak 24 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 59 Bahagian Pilihan Raya Negeri. Bahagian-bahagian pilihan raya tersebut telah digunakan dalam PRU ke-11 (2004), PRU ke-12 (2008) dan PRU ke-13 (2013).

Jumlah pemilih bagi negeri Perak telah meningkat sebanyak 23.68% atau 269,519 pemilih sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003 iaitu daripada 1,138,010 pemilih¹⁰ kepada 1,407,529 pemilih³ semasa kajian semula persempadanan ini dijalankan. Angka ini menunjukkan bahawa purata taburan pemilih berdaftar bagi negeri Perak adalah seramai 67 orang bagi setiap

kilometer persegi. Pertambahan jumlah pemilih bagi negeri Perak sejak tahun 2003 ini merupakan satu peningkatan yang baik dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa penduduk di negeri ini sedar akan tanggungjawab mereka sebagai pengundi.

SPR menerusi urusan kajian semula persempadanan pada kali ke-6 ini telah mengkaji semua bahagian pilihan raya sedia ada di dalam negeri Perak dan mengesyorkan supaya sempadan bagi beberapa bahagian pilihan raya dipinda bersesuaian dengan peruntukan Seksyen 2, Bahagian 1, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Walaupun negeri Perak mempunyai kemudahan perhubungan yang baik dan menyeluruh bagi semua kawasan selain jarak di antara satu bahagian pilihan raya dengan bahagian pilihan raya yang lain adalah berdekatan dan mudah diakses, namun tidak dinafikan bahawa masih terdapat lagi kawasan luar bandar dan pedalaman seperti Kampung Sungai Tiang, Pos Kemar, Pos Tenau dan Pos Kuala Mu yang didiami oleh Orang Asli dan sukar dihubungi melalui jalan perhubungan darat.

Pertimbangan yang lebih diberikan terhadap jurang bilangan pemilih yang lebih kecil adalah untuk menjamin bentuk representasi yang lebih seimbang di samping representasi yang efektif oleh wakil rakyat kepada pemilih di dalam bahagian pilihan raya masing-masing.

Pertimbangan juga diberikan terhadap kemudahan dan pentadbiran kepada pemilih selain memperbetulkan kedudukan lokaliti yang tidak dapat dilakukan dalam proses urusan belah bahagi juga diambil kira dalam mencadangkan syor urusan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya kali ini.


Di samping itu, SPR turut memberikan perhatian terhadap pertumbuhan pemilih dalam sesuatu kawasan pada masa akan datang dan kemudahan perhubungan serta infrastruktur bagi setiap bahagian pilihan raya.

Rajah II-58: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Perak



PERAK

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN | Federal Constituencies: 24
BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI | State Constituencies: 59



PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Syor Persempadanan bagi negeri Perak telah dipamerkan buat kali pertama mulai 15 September hingga 14 Oktober 2016. Sebanyak 60 tempat pemeriksaan yang melibatkan Pejabat Tanah

dan Galian, Pejabat Daerah dan Tanah, pejabat PBT, Pejabat Penghulu, Klinik Kesihatan, Pejabat Pertubuhan Peladang, Kompleks Rakan Muda Larut Matang, Pejabat JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Perak dan Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak.

Jadual II-23: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Perak

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN UMUM
P.054 Gerik	Pejabat Daerah dan Tanah Pengkalan Hulu Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak
P.055 Lenggong	Pejabat Penghulu Mukim Kenering, Lawin Pejabat Daerah dan Tanah Lenggong
P.056 Larut	Pejabat Majlis Daerah Selama Pejabat Penghulu Mukim Ijok Pejabat Penghulu Mukim Batu Kurau
P.057 Parit Buntar	Pejabat Daerah dan Tanah Kerian Pejabat Penghulu Mukim Kuala Kurau
P.058 Bagan Serai	Pejabat Penghulu Mukim Bagan Serai Pejabat Penghulu Mukim Gunung Semanggol Pejabat Penghulu Mukim Selinsing
P.059 Bukit Gantang	Pejabat Penghulu Mukim Matang Pejabat Penghulu Mukim Bukit Gantang Pejabat Penghulu Mukim Trong
P.060 Taiping	Komplek Rakan Muda Larut Matang Dewan Serbaguna, Klinik Kesihatan Pokok Assam Pejabat Majlis Perbandaran Taiping
P.061 Padang Rengas	Pejabat Penghulu Mukim Chegar Galah Pejabat Penghulu Mukim Kampung Buaia
P.062 Sungai Siput	Pejabat Penghulu Mukim Pulau Kemiri Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput
P.063 Tambun	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh Pejabat Penghulu Mukim Ulu Kinta, Tanjung Rambutan
P.064 Ipoh Timor	Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan Simee Pejabat JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Perak Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan Pasir Pinji
P.065 Ipoh Barat	Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak Klinik Kesihatan Buntong
P.066 Batu Gajah	Pejabat Majlis Daerah Batu Gajah Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan Menglembu Pejabat Penghulu Mukim Blanja, Tronoh

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN UMUM
P.067 Kuala Kangsar	Pejabat Majlis Perbandaran Kuala Kangsar Pejabat Penghulu Mukim Senggang
P.068 Beruas	Pejabat Penghulu Mukim Beruas Klinik Kesihatan Pantai Remis Pejabat Penghulu Mukim Sitiawan
P.069 Parit	Pejabat Penghulu Mukim Layang-Layang Kanan Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar
P.070 Kampar	Pejabat Majlis Daerah Kampar Pejabat Daerah dan Tanah Kampar Pejabat Penghulu Mukim Tanjung Tualang
P.071 Gopeng	Pejabat Penghulu Mukim Ulu Kinta, Lahat Pejabat Penghulu Mukim Sungai Raia Pejabat Penghulu Mukim Teja
P.072 Tapah	Pejabat Penghulu Mukim Chenderiang Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang
P.073 Pasir Salak	Pejabat Penghulu Mukim Labu Kubong Pejabat Kompleks Pentadbiran Daerah Perak Tengah, Kg. Gajah
P.074 Lumut	Pejabat Majlis Perbandaran Manjung, Seri Manjung Pejabat Penghulu Pangkor
P.075 Bagan Datuk	Pejabat Penghulu Mukim Bagan Datuk Pejabat Penghulu Mukim Hutan Melintang
P.076 Teluk Intan	Pejabat Majlis Perbandaran Teluk Intan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Manik/ Labu Kubong
P.077 Tanjong Malim	Pejabat Penghulu Mukim Sungkai Pejabat Daerah dan Tanah Muallim Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim

Sepanjang pameran kali pertama dijalankan, SPR telah menerima sebanyak 72 representasi mengenai Syor Persempadanan bagi negeri Perak. Representasi ini mewakili Kerajaan Negeri Perak, PBT dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam. Antara perkara yang dibangkitkan dalam representasi-representasi tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Bantahan ke atas pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- ii. Bantahan ke atas Bahagian Pilihan Raya Negeri tertentu;
- iii. Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu;
- iv. Mengemukakan cadangan untuk meminda nama bahagian pilihan raya tertentu;
- v. Mengemukakan cadangan tambahan bilangan bahagian pilihan raya tertentu; dan
- vi. Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke dalam bahagian pilihan raya tertentu.

SPR selanjutnya telah menyemak kesemua representasi yang dikemukakan berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan mengesyorkan bahawa:

- i. 45 representasi bantahan yang memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan adalah layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- ii. 27 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.


Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Perak pada 31 Oktober hingga 3 November 2016, SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan peruntukan

Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain seperti di dalam Rajah 4-4 muka surat 42 dan membuat keputusan bahawa:

- i. 15 representasi bantahan adalah diterima;
- ii. 29 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- iii. 1 representasi bantahan yang sebahagiannya diterima dan sebahagian lagi ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan Siasatan Tempatan kali pertama adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**. Di samping itu, 24 daripada 27 representasi yang tidak memenuhi syarat untuk diadakan siasatan tempatan turut mengemukakan cadangan yang sama seperti representasi bantahan yang didengar semasa siasatan tempatan kali pertama. Manakala, baki lagi tiga representasi menyatakan sokongan ke atas syor SPR seperti di **LAMPIRAN VII (Jilid 2)**.

Rajah II-59: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Perak



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-60: Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Perak



Pengerusi dan Ahli SPR sedang mendengar hujahan dari pembantah-pembantah yang hadir



Pembantah yang hadir sedang membuat Pendaftaran mengikut Parlimen yang dibantah



Pembantah yang hadir sedang menunggu giliran untuk prosiding



Pembantah yang hadir sedang menunggu giliran untuk prosiding



Pembantah yang mewakili Kerajaan Negeri Perak sedang memberi hujahan bantahan



Pembantah yang mewakili Majlis Bandaraya Ipoh sedang memberi hujahan bantahan



Pembantah yang mewakili kumpulan orang awam sedang memberi hujahan bantahan



Pembantah sedang mengangkat sumpah

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

SPR telah menyemak semula dan membuat beberapa perubahan ke atas Syor Kajian Semula Persempadanan bagi negeri Perak berdasarkan keterangan pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama. Syor tersebut telah dipamerkan buat kali kedua mulai 8 Mac hingga 7 April 2017. Pada kali ini pameran hanya melibatkan 45 tempat pemeriksaan yang melibatkan Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah dan Tanah, pejabat PBT, Pejabat Penghulu, Klinik Kesihatan, Pejabat Pertubuhan Peladang, Kompleks Rakan Muda Larut Matang, Pejabat JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Perak dan Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak.

Jadual II-24: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Perak

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN UMUM
P.056 Larut	Pejabat Majlis Daerah Selama Pejabat Penghulu Mukim Ijok Pejabat Penghulu Mukim Batu Kurau
P.057 Parit Buntar	Pejabat Daerah dan Tanah Kerian Pejabat Penghulu Mukim Kuala Kurau
P.059 Bukit Gantang	Pejabat Penghulu Mukim Matang Pejabat Penghulu Mukim Bukit Gantang Pejabat Penghulu Mukim Trong
P.060 Taiping	Komplek Rakan Muda Larut Matang Dewan Serbaguna, Klinik Kesihatan Pokok Assam Pejabat Majlis Perbandaran Taiping
P.063 Tambun	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh Pejabat Penghulu Mukim Ulu Kinta, Tanjung Rambutan
P.064 Ipoh Timor	Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan Simee Pejabat JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Perak Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan Pasir Pinji
P.065 Ipoh Barat	Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak Klinik Kesihatan Buntong
P.066 Batu Gajah	Pejabat Majlis Daerah Batu Gajah Klinik Pergigian, Klinik Kesihatan Menglembu Pejabat Penghulu Mukim Blanja, Tronoh
P.068 Beruas	Pejabat Penghulu Mukim Beruas Klinik Kesihatan Pantai Remis Pejabat Penghulu Mukim Sitiawan
P.070 Kampar	Pejabat Majlis Daerah Kampar Pejabat Daerah dan Tanah Kampar Pejabat Penghulu Mukim Tanjung Tualang

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN UMUM
P.071 Gopeng	Pejabat Penghulu Mukim Ulu Kinta, Lahat Pejabat Penghulu Mukim Sungai Raia Pejabat Penghulu Mukim Teja
P.072 Tapah	Pejabat Penghulu Mukim Chenderiang Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang
P.073 Pasir Salak	Pejabat Penghulu Mukim Labu Kubong Pejabat Kompleks Pentadbiran Daerah Perak Tengah, Kg. Gajah
P.074 Lumut	Pejabat Majlis Perbandaran Manjung, Seri Manjung Pejabat Penghulu Pangkor
P.075 Bagan Datuk	Pejabat Penghulu Mukim Bagan Datuk Pejabat Penghulu Mukim Hutan Melintang
P.076 Teluk Intan	Pejabat Majlis Perbandaran Teluk Intan Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Manik/ Labu Kubong
P.077 Tanjong Malim	Pejabat Penghulu Mukim Sungkai Pejabat Daerah dan Tanah Muallim Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim

Sebanyak 16 representasi diterima oleh SPR sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Perak. Berdasarkan semakan yang dijalankan ke atas semua representasi dengan berpandukan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, didapati bahawa:

- i. 15 representasi bantahan yang memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan adalah layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- ii. 1 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

Perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi-representasi tersebut adalah:

- i. Bantahan ke atas pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;


- ii. Pemindahan Bahagian Pilihan Raya Negeri tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- iii. Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu;
- iv. Mengemukakan cadangan untuk meminda nama bahagian pilihan raya tertentu;
- v. Mengemukakan cadangan tambahan bilangan bahagian pilihan raya tertentu; dan
- vi. Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke dalam bahagian pilihan raya tertentu.

Berdasarkan justifikasi dan keterangan yang dikemukakan oleh pembantah semasa siasatan tempatan kali kedua seperti prinsip-prinsip yang diperuntukkan dalam Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain seperti di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42), SPR mengesyorkan bahawa semua representasi bantahan tersebut ditolak sepertimana justifikasi yang dinyatakan di

LAMPIRAN VIII (Jilid 2). Manakala, baki satu representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan tidak dipertimbangkan oleh SPR kerana tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

SPR telah menyemak semula Syor Persempadanan bagi negeri Perak berdasarkan prinsip-prinsip yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan penerangan yang diberikan oleh pembantah semasa prosiding siasatan tempatan, maka syor akhir bagi negeri ini adalah seperti di **LAMPIRAN III** dan **LAMPIRAN IV**.

Rajah II-61: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Perak



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-62: Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Perak



Pembantah yang mewakili kumpulan orang awam sedang memberi hujahan bantahan



Pembantah yang mewakili kumpulan orang awam sedang memberi hujahan bantahan



Pembantah yang mewakili kumpulan orang awam sedang memberi hujahan bantahan



Pembantah yang mewakili kumpulan orang awam sedang memberi hujahan bantahan



Pembantah yang mewakili kumpulan orang awam sedang memberi hujahan bantahan



Pembantah yang mewakili kumpulan orang awam sedang memberi hujahan bantahan

Rajah II-63: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Perak



NEGERI PAHANG

LATAR BELAKANG NEGERI PAHANG

Negeri Pahang yang dikenali juga sebagai Pahang Darul Makmur mempunyai keluasan kira-kira 35,695 km persegi²¹ dan merupakan negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan negeri Kelantan, Terengganu dan Perak di sebelah utara yang dipisahkan oleh Banjaran Gunung Tahan serta hutan hujan tropika. Di samping itu, negeri ini turut bersempadan dengan negeri Johor di bahagian selatan yang dipisahkan oleh Sungai Endau sepanjang 185.49 km⁹ selain negeri Selangor dan Negeri Sembilan di sebelah barat.

Rajah II-64: Kedudukan negeri Pahang dalam peta Malaysia



Negeri Pahang terbahagi kepada 11 daerah pentadbiran iaitu Kuantan, Pekan, Raub, Temerloh, Bentong, Lipis, Jerantut, Cameron Highlands, Maran, Rompin dan Bera. Di samping itu, dari segi pentadbiran kerajaan tempatan negeri ini mempunyai 11 buah PBT yang mana tiga daripadanya berstatus Majlis Perbandaran manakala selebihnya berstatus Majlis Daerah. Selain itu, terdapat juga sebuah agensi yang diberikan peranan sebagai PBT (*Modified PBT*) iaitu Lembaga Pembangunan Tioman.

Kuantan yang terletak di Kuala Sungai Kuantan merupakan ibu negeri bagi Pahang. Bandar ini turut berperanan sebagai hab pembangunan sosial, ekonomi dan komersial bagi kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia khususnya di bawah Zon Ekonomi Khas Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Manakala, Pekan yang terletak lebih kurang 40 km daripada Kuantan pula merupakan Bandar Diraja bagi negeri Pahang.

Jadual II-25: Senarai daerah dan PBT di negeri Pahang

DAERAH	PBT
Kuantan	Majlis Perbandaran Kuala Kuantan
Pekan	Majlis Perbandaran Temerloh
Raub	Majlis Perbandaran Bentong
Temerloh	Majlis Daerah Cameron Highlands
Bentong	Majlis Daerah Jerantut
Lipis	Majlis Daerah Lipis
Jerantut	Majlis Daerah Maran
Cameron Highlands	Majlis Daerah Pekan
Maran	Majlis Daerah Raub
Rompin	Majlis Daerah Rompin
Bera	Majlis Daerah Bera

AGENSI DIBERI PERANAN PBT

Lembaga Pembangunan Tioman

Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pahang & Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

Negeri Pahang mempunyai perhubungan jalan raya yang baik melalui rangkaian jalan raya persekutuan dan negeri serta Lebuhraya Karak dan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) bagi

²¹ Maklumat anggaran keluasan negeri Pahang. Sumber: JUPEM

menghubungkan negeri ini dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Terdapat juga jalan raya di sepanjang daerah Lipis yang menghubungkan Pahang dengan negeri Kelantan melalui daerah Gua Musang. Selain itu, rangkaian jalan kereta api yang bermula dari Gemas, Negeri Sembilan ke Gua Musang, Kelantan turut melalui daerah Mentakab, Temerloh, Jerantut dan Lipis di negeri ini. Pahang turut mempunyai sebuah pelabuhan yang berfungsi sebagai pelabuhan utama bagi bahagian pantai timur Semenanjung Malaysia iaitu Pelabuhan Kuantan serta sebuah lapangan terbang iaitu

Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah yang terletak 15 km dari bandar Kuantan.

Di samping itu, terdapat banyak tempat di negeri Pahang yang menjadi tumpuan pelancong tempatan mahupun luar negara untuk menikmati keindahan alam semulajadi dan aktiviti rekreasi. Antaranya adalah Taman Negara yang merupakan hutan hujan tropika tertua di dunia, Bukit Fraser, Cameron Highlands, Genting Highlands, Taman Rekreasi Bukit Gambang, Pantai Cherating, Pulau Tioman dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan di Kuala Gandah.

Rajah II-65: Antara tempat-tempat tumpuan pelancong di negeri Pahang



Taman Negara



Bukit Fraser



Cameron Highlands



Cherating

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI PAHANG

Keluasan negeri Pahang mencakupi 27% daripada keluasan Semenanjung Malaysia. Keluasan ini turut melibatkan kawasan pesisir pantai negeri Pahang sepanjang 210 km yang menghadap Laut China Selatan serta beberapa buah pulau termasuk Pulau Tioman yang boleh

dianggap antara tercantik di Semenanjung Malaysia. Sebahagian besar kawasan negeri Pahang terdiri daripada tanah tinggi meliputi Banjaran Titiwangsa dan Banjaran Tahan serta hutan hujan tropika. Berdasarkan maklumat yang diperolehi menerusi Rancangan Struktur Negeri Pahang Tahun 2002-2020 oleh Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa Semenanjung

Malaysia, sebanyak 65.6% atau kira-kira 2.36 juta hektar daripada kawasan negeri Pahang merupakan kawasan hutan.

Puncak tertinggi di negeri Pahang adalah Gunung Tahan yang berketinggian 2,187 meter dari aras laut yang turut merupakan gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia. Sungai Pahang sepanjang 486.57 km⁹ yang kaya dengan sumber protein terutamanya ikan air tawar daripada spesies Patin dan Tilapia pula merupakan sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia. Negeri Pahang juga mempunyai tasik semulajadi yang terbesar di Malaysia iaitu Tasik Bera yang merangkumi keluasan 6,150 hektar selain sebuah lagi tasik semulajadi terkenal iaitu Tasik Chini yang telah dianugerahkan status Rizab Biosfera²² oleh UNESCO pada Mei 2009.

Kawasan pertanian di negeri Pahang dianggarkan mencakupi 992,594 hektar atau 27.7% dari keluasan negeri yang rata-ratanya digunakan untuk tanaman getah dan kelapa sawit. Pembukaan tanah yang luas oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah seperti Jengka dan Pahang Tenggara telah mewujudkan ladang-ladang yang luas dan tersusun kepada para peneroka yang datang dari seluruh Semenanjung Malaysia ke negeri ini.

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI PAHANG

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran bilangan penduduk negeri Pahang pada tahun 2015 adalah seramai 1.61 juta orang⁵ berbanding dengan jumlah penduduk semasa kajian semula persempadanan pada tahun 2003 seramai 1.36 juta orang⁸. Ini menunjukkan bahawa jumlah penduduk di dalam negeri ini telah meningkat sebanyak 18.23% (247,900 orang) pada tahun 2015 dengan purata 45 orang bagi setiap km persegi. Majoriti populasi penduduk adalah terdiri dari kalangan tiga kaum utama di Malaysia iaitu Melayu Bumiputera (74.87%), diikuti kaum Cina (14.50%) dan India (4.01%).

Densiti dan taburan penduduk di negeri Pahang dilihat berkelompok mengikut zon. Daerah Lipis, Jerantut dan Cameron Highlands yang terletak di bahagian utara negeri Pahang mempunyai jumlah penduduk yang sedikit walaupun keluasan ketiga-tiga daerah tersebut yang meliputi keluasan seluas 13,391.16 km persegi mencakupi lebih 1/3 daripada luas keseluruhan negeri Pahang. Namun, keadaan bentuk muka bumi di daerah-daerah berkenaan terdiri daripada kawasan tanah tinggi yang diliputi oleh hutan hujan tropika. Kawasan barat negeri ini yang merangkumi daerah Bentong, Raub, Temerloh dan Bera pula mempunyai kepadatan penduduk yang sederhana kerana kawasan-kawasan ini banyak dimajukan dengan tanaman getah, kelapa sawit dan perindustrian. Kawasan yang mempunyai densiti penduduk paling tinggi adalah daerah Kuantan, Maran, Pekan dan Rompin yang terletak di bahagian timur negeri Pahang kerana ia merupakan kawasan yang padat dengan pembangunan.

Sebagai salah sebuah negeri di pantai timur yang berasaskan pertanian sebagai kegiatan ekonomi yang utama, negeri Pahang tidak menarik minat kaum-kaum lain kecuali kaum Melayu untuk tinggal di negeri ini sungguhpun keadaan ini telah berubah dengan adanya usaha-usaha mempelbagaikan punca hasil dan aktiviti ekonomi serta kemajuan yang jelas kelihatan dalam pelbagai sektor.

Masyarakat Melayu yang kebanyakannya terdiri dikalangan petani dan nelayan tinggal di kawasan luar bandar. Masyarakat Cina pula sinonim dengan aktiviti perniagaan yang lazimnya tinggal di bandar-bandar di seluruh negeri Pahang. Namun demikian terdapat masyarakat Cina yang mengusahakan kebun dan ladang serta hasil pertanian lain di kawasan luar bandar. Mereka tinggal secara berkelompok di merata tempat sekitar daerah Bentong, Raub dan Temerloh. Mereka merupakan petani-petani yang dikumpulkan untuk tinggal dalam kawasan Kampung Baru semasa darurat antara tahun 1948 hingga 1960. Mereka kekal hidup di kawasan-kawasan berkenaan hingga ke hari ini.


²² Rizab Biosfera Tasik Chini merupakan gabungan ekosistem tanah bench air tawar tropika dan hutan hujan tropika tanah pamah dipterokarpa. Sebanyak 669 tapak dari 120 buah negara telah diberikan status ini oleh UNESCO

Jadual II-26: Pecahan penduduk negeri Pahang mengikut kaum pada tahun 2015

KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	1,203.8	74.87%
Cina	233.1	14.50%
India	64.5	4.01%
Lain-lain	5.4	0.34%
Bukan Warganegara	101.0	6.28%
JUMLAH	1,607.9*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran


Rajah II-66: Peratus penduduk di negeri Pahang mengikut kaum

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI PAHANG TAHUN 2017

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2003 telah memperuntukkan

tambahan sebanyak tiga Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan empat Bahagian Pilihan Raya Negeri kepada negeri Pahang yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah 14 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 42 Bahagian Pilihan Raya Negeri. Kesemua bahagian pilihan raya ini telah digunakan di dalam PRU Ke-11 pada tahun 2004, PRU Ke-12 pada tahun 2008 dan PRU Ke-13 pada tahun 2013.

Rajah II-67: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Pahang



Jumlah pemilih bagi negeri Pahang telah mengalami peningkatan sebanyak 33.5% iaitu seramai 185,702 orang sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003 iaitu daripada 554,321 orang¹⁰ kepada 740,023 orang³ pada tahun 2015. Dari segi pembahagian kawasan pilihan raya, kriteria yang digunakan dalam menentukan bilangan pemilih adalah mengikut keadaan-keadaan yang terdapat di kawasan berkenaan seperti tidak memisahkan hubungan tempatan serta penggunaan sempadan yang jelas. Sebagai sebuah negeri yang luas dengan sebahagian besar mencakupi kawasan berbukit bukau yang diliputi hutan belantara, maka dapat dilihat

bahawa bilangan bahagian pilihan raya yang diperuntukkan kepada kawasan padat penduduk adalah lebih banyak berbanding dengan bahagian pilihan raya yang berdensiti rendah. SPR juga sedaya-upaya menyeimbangkan faktor jurang bilangan pemilih dengan luas kawasan meskipun wujud halangan dari segi faktor demografi dan bentuk muka bumi yang pelbagai antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain. Oleh itu, syor kajian semula persempadanan bagi negeri Pahang pada kali ini dilihat menepati kehendak representasi bersesuaian dengan keadaan geografi dan demografi penduduk di negeri ini.

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Pameran kali pertama syor kajian semula persempadanan bagi negeri Pahang telah dilaksanakan mulai 15 September hingga 14 Oktober 2016. Sebanyak 37 tempat pemeriksaan telah digunakan semasa pameran yang rata-rata melibatkan penggunaan premis Pejabat Daerah dan Tanah dan Pejabat Penghulu Mukim.

Rajah II-68: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Pahang



Jadual II-27: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Pahang

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.078 Cameron Highlands	Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands Pejabat Penghulu Mukim Jelai
P.079 Lipis	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis Pejabat Penghulu Mukim Gua Pejabat Penghulu Mukim Budu
P.080 Raub	Pejabat Penghulu Mukim Batu Talam Pejabat Daerah dan Tanah Raub Pejabat Penghulu Mukim Dong
P.081 Jerantut	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut Pejabat Penghulu Mukim Hulu Cheka Pejabat Penghulu Mukim Pulau Tawar

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.082 Indera Mahkota	Pejabat Penghulu Mukim Beserah Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan
P.083 Kuantan	Pejabat Pilihan Raya Negeri Pahang Kompleks Penghulu Mukim Penor
P.084 Paya Besar	Pejabat Unit Pengurusan Gambang Pejabat Penghulu Mukim Kuala Kuantan 2
P.085 Pekan	Balai Polis Paloh Hinai Pejabat Daerah dan Tanah Pekan Pejabat Penghulu Mukim Penyor 1
P.086 Maran	Pejabat Daerah dan Tanah Maran Pejabat Penghulu Mukim Chenor (Jengka/Kuala Sentul) Pejabat Penghulu Mukim Chenor (Bandar) Pejabat Penghulu Mukim Chenor (Jengka/Bandar)
P.087 Kuala Krau	Pejabat Penghulu Mukim Jenderak 1 Pejabat Penghulu Mukim Kerdu Pejabat Penghulu Mukim Bangau
P.088 Temerloh	Pejabat Penghulu Mukim Mentakab II Pejabat Penghulu Mukim Semantan II Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh
P.089 Bentong	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong Pejabat Penghulu Mukim Sabai Pejabat Penghulu Mukim Pelangai
P.090 Bera	Pejabat Daerah dan Tanah Bera Pejabat Penghulu Mukim Bera 1
P.091 Rompin	Pejabat Penghulu Mukim Keratong II Pejabat Daerah dan Tanah Rompin

Rajah II-69: Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Pahang



Sepanjang tempoh pameran kali pertama tersebut, sebanyak 49 representasi telah diterima oleh SPR yang terdiri daripada Kerajaan Negeri Pahang, PBT dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam yang membangkitkan perkara-perkara berikut:

- (i) Pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Bantahan ke atas pemindahan bahagian pilihan raya tertentu;
- (iii) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke suatu bahagian pilihan raya yang lain; dan
- (iv) Mengemukakan cadangan untuk meminda nama bahagian pilihan raya tertentu.

Kesemua representasi tersebut telah disemak berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan SPR bersetuju bahawa:


- (i) 18 representasi bantahan adalah memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 31 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Pahang yang telah diadakan pada 14 hingga 15 November 2016, SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42). Dalam hal ini, SPR bersetuju bahawa:

- (i) 11 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 5 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 2 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak.

Manakala, baki 31 representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan pula mengemukakan bantahan yang sama sepertimana bantahan yang didengar semasa prosiding siasatan tempatan kali pertama tersebut. Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Pahang adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**.

Rajah II-70: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Pahang



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-71: Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Pahang



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memberikan penjelasan mengenai bantahan yang dikemukakan

Laporan Kajian Semula Persempadanan

Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memberikan penjelasan mengenai bantahan yang dikemukakan



Wakil jurucakap pembantah memberikan penerangan mengenai bantahan yang dikemukakan



Wakil jurucakap pembantah memberikan penerangan mengenai bantahan yang dikemukakan



Pembantah bersiap sedia sebelum prosiding siasatan tempatan dimulakan



Urus setia yang terlibat dalam prosiding siasatan tempatan




Suruhanjaya Pilihan Raya meneliti dokumen yang dikemukakan pembantah sebelum prosiding dimulakan

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

SPR telah menyemak semula dan membuat beberapa perubahan ke atas Syor Persempadanan Negeri Pahang berdasarkan penjelasan dan hasil yang diperolehi daripada siasatan tempatan kali pertama. Syor tersebut telah dipamerkan buat kali kedua mulai 8 Mac hingga 7 April 2017. Hanya 19 tempat pemeriksaan yang melibatkan penggunaan premis Pejabat Daerah dan Tanah dan Pejabat Penghulu Mukim digunakan pada pameran tersebut.

Rajah II-72: Bilangan tempat pemeriksaan kali kedua bagi negeri Pahang



Jadual II-28: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Pahang

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.080 Raub	Pejabat Penghulu Mukim Batu Talam Pejabat Daerah dan Tanah Raub Pejabat Penghulu Mukim Dong
P.081 Jerantut	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut Pejabat Penghulu Mukim Hulu Cheka Pejabat Penghulu Mukim Pulau Tawar
P.086 Maran	Pejabat Daerah dan Tanah Maran Pejabat Penghulu Mukim Chenor (Jengka/ Kuala Sentul) Pejabat Penghulu Mukim Chenor (Bandar) Pejabat Penghulu Mukim Chenor (Jengka/ Bandar)

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.087 Kuala Krau	Pejabat Penghulu Mukim Jenderak 1 Pejabat Penghulu Mukim Kerdu Pejabat Penghulu Mukim Bangau
P.088 Temerloh	Pejabat Penghulu Mukim Mentakab II Pejabat Penghulu Mukim Semantan II Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh
P.089 Bentong	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong Pejabat Penghulu Mukim Sabai Pejabat Penghulu Mukim Pelangai

Rajah II-73: Pameran kali kedua Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Pahang



Sebanyak 10 representasi telah diterima oleh SPR sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan dijalankan. Representasi yang mewakili kerajaan negeri dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam tersebut membangkitkan akan perkara-perkara yang berikut:

- (i) Pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Bantahan ke atas bahagian pilihan raya tertentu yang tersentuh oleh Syor Persempadanan; dan
- (iii) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke suatu bahagian pilihan raya yang lain.

Berdasarkan semakan dan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR telah bersetuju bahawa:

- (i) 7 representasi bantahan adalah memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 3 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.


Siasatan tempatan kali kedua telah diadakan pada 20 April 2017 bagi mendengar penjelasan daripada pembantah mengenai representasi yang dikemukakan dan SPR telah membuat pertimbangan bahawa:

- (i) 2 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 2 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 3 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan pada siasatan tempatan kali kedua bagi negeri Pahang adalah seperti di **LAMPIRAN VIII (Jilid 2)**. Manakala, baki tiga representasi yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan tidak dipertimbangkan kerana tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Syor Persempadanan bagi negeri Pahang telah disemak semula berdasarkan hasil prosiding siasatan tempatan kali kedua dan syor akhir adalah seperti di **LAMPIRAN III** dan **LAMPIRAN IV**.

Rajah II-74: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Pahang



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-75: Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Pahang



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memberikan penjelasan mengenai bantahan yang dikemukakan

Laporan Kajian Semula Persempadanan

Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memberikan penjelasan mengenai bantahan yang dikemukakan



Wakil jurucakap pembantah memberikan penjelasan mengenai bantahan yang dikemukakan



Pembantah-pembantah lain yang hadir semasa sesi prosiding siasatan tempatan



Urus setia yang terlibat dalam prosiding siasatan tempatan



Suruhanjaya Pilihan Raya meneliti penjelasan yang diberikan oleh wakil jurucakap pembantah



Urus setia pembaca kes

Rajah II-76: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Pahang



NEGERI SELANGOR

LATAR BELAKANG NEGERI SELANGOR

Negeri Selangor dengan keluasan muka buminya kira-kira 8,059 km persegi²³ terletak di tengah-tengah bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia. Negeri yang mengelilingi ibu negara Malaysia ini boleh dianggap sebagai negeri yang termaju di Malaysia. Pertumbuhan ekonomi dan bilangan penduduknya yang begitu pesat mengatasi negeri-negeri lain lebih-lebih lagi dengan adanya pelabuhan antarabangsa, lapangan terbang antarabangsa dan rangkaian jalan raya serta lebuh raya yang baik merentasi seluruh ceruk rantau negeri ini. Pembangunan mampan di negeri ini secara tidak langsung telah membentuk satu masyarakat yang maju.

Dari segi kedudukan, negeri Selangor bersempadan dengan negeri Perak di sebelah utara yang dipisahkan oleh Sungai Bernam. Manakala di sebelah selatan pula, negeri ini berjiran dengan Negeri Sembilan yang disempadankan oleh Sungai Sepang dan berjiran dengan negeri Pahang di sebelah timur yang dipisahkan oleh Banjaran Titiwangsa.

Rajah II-77: Kedudukan negeri Selangor dalam peta Malaysia



Negeri Selangor terbahagi kepada sembilan daerah pentadbiran iaitu Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam. Selain itu, ia juga mempunyai 12 buah PBT yang terdiri daripada dua Majlis Bandaraya, enam Majlis

Perbandaran dan empat Majlis Daerah. Shah Alam merupakan ibu negeri bagi Selangor yang juga merupakan bandar raya pertama di negeri ini. Bandar Klang yang terletak kira-kira 11 km dari Shah Alam pula merupakan Bandar Diraja bagi negeri Selangor yang turut menempatkan tempat bersemayam rasmi Sultan Selangor iaitu Istana Alam Shah. Selain itu, bandar utama yang lain adalah Petaling Jaya yang telah diiktiraf sebagai bandar raya kedua di negeri Selangor pada 20 Jun 2006. Pengiktirafan ini menjadikan negeri Selangor mempunyai lebih daripada satu bandar raya selain negeri Sarawak. Negeri Selangor juga merupakan sebuah negeri yang mempunyai bandar terbanyak di Malaysia disebabkan oleh pembangunan pesat serta arus pemodenan di kawasan Lembah Klang.

Jadual II-29: Senarai daerah di dalam negeri Selangor

BIL.	DAERAH
1.	Petaling
2.	Klang
3.	Gombak
4.	Hulu Langat
5.	Sepang
6.	Kuala Langat
7.	Kuala Selangor
8.	Hulu Selangor
9.	Sabak Bernam

Jadual II-30: Senarai PBT di dalam negeri Selangor

KATEGORI PBT	NAMA PBT
Majlis Bandaraya	Majlis Bandaraya Shah Alam
	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Majlis Perbandaran	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
	Majlis Perbandaran Kajang
	Majlis Perbandaran Klang
	Majlis Perbandaran Selayang
	Majlis Perbandaran Subang Jaya
	Majlis Perbandaran Sepang
Majlis Daerah	Majlis Daerah Hulu Selangor
	Majlis Daerah Kuala Langat
	Majlis Daerah Kuala Selangor
	Majlis Daerah Sabak Bernam

²³ Maklumat anggaran keluasan negeri Selangor. Sumber: JUPEM.

Sepertimana negeri-negeri lain, Selangor juga menawarkan pelbagai tempat pelancongan sama ada yang berkaitan dengan alam semula jadi seperti Taman Alam Kuala Selangor, Kelip-Kelip Kampung Kuantan di Kuala Selangor, Pantai Bagan Lalang dan Sungai Congkak, mahupun taman rekreasi atau taman tema moden seperti i-City Shah Alam dan Taman Sukan Esktrem Shah Alam. Tempat-tempat ini secara tidak langsung telah membantu melonjakkan lagi ekonomi penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Rajah II-78: Antara tempat menarik di negeri Selangor



Pantai Bagan Lalang



i-City Shah Alam

Semua kawasan dan daerah di negeri Selangor dihubungkan oleh rangkaian jalan raya dan lebuh raya yang baik dan secara tidak langsung telah memudahkan pergerakan penduduk dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi di dalam negeri ini. Berdasarkan Laporan Tinjauan Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, rangkaian jalan persekutuan di dalam negeri ini adalah sepanjang 874.95 km merangkumi 9 laluan

persekutuan dan rangkaian jalan negeri pula adalah sepanjang 4,276.7 km merangkumi 18 laluan negeri utama dan 26 laluan negeri yang lain. Di samping itu, terdapat 21 buah lebuh raya yang sedang beroperasi yang menghubungkan bandar-bandar dan kawasan penempatan utama antaranya Lebuh Raya Damansara-Puchong, Lebuh Raya Cheras-Kajang dan Lebuh Raya Duta-Ulu Klang. Selain daripada menghubungkan kawasan-kawasan di dalam negeri Selangor, kesemua rangkaian jalan raya dan lebuh raya ini turut menghubungkan penduduk dengan negeri-negeri lain iaitu Negeri Sembilan, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, Perak dan Pahang.

Pelbagai kemudahan pengangkutan awam mesra pengguna turut disediakan seiring dengan pembangunan pesat negeri ini yang bertujuan untuk memudahkan penjaan aktiviti yang menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi. Pengangkutan awam di negeri Selangor terbahagi kepada 3 kategori iaitu pengangkutan darat seperti perkhidmatan bas, teksi dan rel, pangangkutan air di kawasan Pelabuhan Klang dan pengangkutan udara yang disediakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Rajah II-79: Antara kemudahan pengangkutan awam di negeri Selangor



Pelabuhan Klang



Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI SELANGOR

Keluasan negeri Selangor adalah kira-kira 6.1% daripada jumlah keluasan Semenanjung Malaysia dengan pesisir pantai sepanjang 354 km yang menghadap Selat Melaka. Selain daripada Sungai Bernam dan Sungai Sepang yang menjadi sempadan antara negeri ini dengan negeri Perak dan Negeri Sembilan, terdapat juga beberapa sungai lain iaitu Sungai Langat (184.88 km), Sungai Selangor (136.32 km), Sungai Klang (113.58 km), Sungai Tenggi (66.28 km) dan Sungai Buloh (49.71 km)⁹.

Selain daripada tanah tinggi yang berselari dengan Banjaran Titiwangsa yang merentasi kawasan tengah negeri ini dari utara ke selatan, sebahagian besar kawasan terdiri daripada tanah datar dan lembah yang subur. Kawasan-kawasan persisiran pantai di bahagian barat negeri ini sesuai untuk aktiviti pertanian. Hampir seluruh daerah yang besar seperti Sabak Bernam dan Kuala Selangor dimajukan sebagai kawasan pertanian khususnya penanaman kelapa, kelapa sawit dan sawah padi.

Sementara itu, di selatan negeri ini terdapat ladang-ladang getah dan kelapa sawit khususnya di daerah Kuala Langat dan Sepang. Daerah Hulu Selangor juga turut mempunyai ladang-ladang yang luas walaupun ia merupakan kawasan tanah yang lebih tinggi disebabkan oleh Banjaran Titiwangsa. Manakala daerah-daerah lain seperti Petaling, Gombak, Klang dan Hulu Langat pula lebih cenderung ke arah kawasan perindustrian maju khususnya di Petaling Jaya, Shah Alam, Cheras, Bangi, Sungai Way, Ampang dan Klang. Di samping itu, terdapat juga pusat-pusat perindustrian berat dan ringan antaranya di kawasan luar bandar seperti Teluk Panglima Garang, Banting, Rawang dan Sungai Buloh.

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI SELANGOR

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran penduduk di negeri Selangor bagi tahun 2015 adalah seramai 6.178 juta orang⁵ iaitu peningkatan sebanyak 34.97% (1.6 juta orang) berbanding jumlah penduduk semasa urusan kajian semula persempadanan yang dijalankan pada tahun 2003 iaitu seramai 4.577 juta orang⁸. Ini bermakna, negeri Selangor mempunyai jumlah penduduk

yang paling tinggi di seluruh Malaysia dengan purata taburan penduduk seramai 767 orang bagi setiap km persegi.

Seperti negeri-negeri lain di pantai barat Semenanjung Malaysia, Selangor dihuni oleh masyarakat pelbagai kaum, agama dan adat resam. Majoriti penduduk di negeri ini adalah terdiri daripada 52.65% kaum Melayu Bumiputera, 24.79% kaum Cina dan 11.58% adalah kaum India. Manakala, lain-lain kaum minoriti pula masing-masing hanya 0.7% dan penduduk bukan warganegara sebanyak 10.27% daripada keseluruhan bilangan penduduk negeri Selangor pada tahun 2015.

Peningkatan jumlah penduduk yang tinggi di negeri ini disebabkan oleh kemajuan pesat pelbagai sektor ekonomi khususnya sektor perindustrian yang secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada penduduk dari luar negeri ini untuk berhijrah ke negeri ini. Jumlah penduduk di Lembah Klang dianggarkan melebihi penduduk bagi tiap-tiap negeri pantai timur seperti Kelantan dan Terengganu. Kebanyakan penduduk tertumpu di sekitar kawasan perindustrian iaitu daerah Petaling, Gombak dan Klang yang merangkumi kira-kira 2/3 daripada jumlah keseluruhan penduduk di negeri Selangor. Berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2010 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, daerah Petaling adalah ketiga paling tinggi dari segi densiti penduduk bagi setiap km persegi iaitu seramai 3,524 orang. Oleh yang demikian, terdapat banyak kediaman yang sedang dibangunkan untuk menampung jumlah penduduk yang semakin ramai.


Jadual II-31: Pecahan penduduk negeri Selangor mengikut kaum pada tahun 2015

KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	3,252.9	52.65%
Cina	1,531.7	24.79%
India	715.5	11.58%
Lain-lain	43.4	0.70%
Bukan Warganegara	634.5	10.27%
JUMLAH	6,178.0*	100%

Sumber: 2015 Population Quick info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah II-80: Peratus penduduk di negeri Selangor mengikut kaum



Sumber: 2015 Population Quick info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI SELANGOR TAHUN 2017

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2003 telah memperuntukkan tambahan sebanyak 5 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 8 Bahagian Pilihan Raya Negeri kepada negeri Selangor yang menjadikan bilangan keseluruhan bertambah menjadi 22 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 56 Bahagian Pilihan Raya Negeri. Kesemua bahagian-bahagian pilihan raya ini telah diguna pakai sejak PRU ke-11 pada tahun 2004 sehingga PRU ke-13 pada tahun 2013.

Jumlah pemilih dalam negeri Selangor yang terlibat dalam urusan kajian semula persempadanan pada kali ini adalah seramai 2,078,311 orang³ iaitu peningkatan sebanyak 51.8% berbanding dengan jumlah pemilih semasa kajian yang dijalankan pada tahun 2003 iaitu seramai 1,368,693 orang pemilih¹⁰. Ini bermakna, negeri Selangor mempunyai bilangan pemilih yang paling ramai di dalam Malaysia iaitu kira-kira 18% daripada jumlah keseluruhan pemilih.

SPR telah mengkaji dan mendapati bahawa tiada perubahan bilangan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Selangor pada urusan kajian semula persempadanan pada kali ini. Walau bagaimanapun, terdapat pindaan sempadan yang dilaksanakan ke atas hampir kesemua bahagian-bahagian pilihan raya kecuali Bahagian Pilihan Raya Persekutuan P.092 Sabak Bernam, P.093 Sungai Besar, P.094 Hulu Selangor dan P.113 Sepang. Antara perkara-perkara yang dipertimbangkan semasa pembahagian bahagian pilihan raya bagi negeri ini adalah peningkatan bilangan penduduk dan pemilih yang tinggi khususnya di kawasan bandar sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir pada tahun 2003. Selain itu, SPR juga seboleh-bolehnya mengurangkan bilangan PBT dalam satu-satu bahagian pilihan raya bagi memudahkan urusan perjalanan pilihan raya contohnya di Bahagian Pilihan Raya Persekutuan P.108 Shah Alam yang pada masa ini melibatkan kawasan tiga PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Perbandaran Subang Jaya akan hanya melibatkan satu PBT sahaja iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dalam syor SPR pada kali ini. Di samping itu, prinsip-prinsip persempadanan yang diperuntukkan dalam Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan turut diambil kira dalam menyiapkan Syor Persempadanan pada kali ini.


Rajah II-81: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Selangor



SELANGOR

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN | Federal Constituencies: 22


BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI | State Constituencies: 56



PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Selangor telah dipamerkan mulai 15 September hingga 14 Oktober 2016 di sebanyak 23 tempat pemeriksaan yang antaranya melibatkan penggunaan premis pejabat PBT, Pejabat Daerah/ Tanah, dewan serta Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor.

Rajah II-82: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Selangor



Jadual II-32: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Selangor

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.092 Sabak Bernam	Dewan Tun Razak Sabak Bernam
P.093 Sungai Besar	Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam
P.094 Hulu Selangor	Majlis Daerah Hulu Selangor
P.095 Tanjong Karang	Dewan Dato' Hormat Tanjong Karang
P.096 Kuala Selangor	Majlis Daerah Kuala Selangor
P.097 Selayang	Majlis Perbandaran Selayang
P.098 Gombak	Kompleks Penghulu Sungai Tua
P.099 Ampang	Dewan Dato' Ahmad Razali
P.100 Pandan	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
P.101 Hulu Langat	Dewan Orang Ramai Pekan Semenyih
P.102 Bangi	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat
P.103 Puchong	Dewan Serbaguna MPSJ Batu 14, Puchong
P.104 Subang	Majlis Perbandaran Subang Jaya
P.105 Petaling Jaya	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
P.106 Damansara	Dewan Serbaguna Dan Kemudahan Sukan Bandar Utama
P.107 Sungai Buloh	Pejabat Daerah/Tanah Petaling
P.108 Shah Alam	Majlis Bandaraya Shah Alam Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor
P.109 Kapar	Dewan Serbaguna Dato' Ahmad Razali, Batu 4, Jalan Haji Sirat Klang
P.110 Klang	Majlis Perbandaran Klang
P.111 Kota Raja	Dewan Orang Ramai MBSA, Kampung Bukit Naga, Seksyen 32 Shah Alam
P.112 Kuala Langat	Majlis Daerah Kuala Langat
P.113 Sepang	Majlis Perbandaran Sepang

Rajah II-83: Pameran kali pertama Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Selangor





SPR telah menerima sebanyak 283 representasi sepanjang tempoh satu bulan pameran kali pertama yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, PBT dan juga sekumpulan 100 orang awam yang membangkitkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Pemindahan Bahagian Pilihan Raya Negeri tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (iii) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu;
- (iv) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke suatu bahagian pilihan raya yang lain;
- (v) Mengemukakan cadangan untuk mewujudkan bahagian pilihan raya baharu di kawasan tertentu;

(vi) Mengemukakan cadangan pindaan nama bagi bahagian pilihan raya tertentu; dan

(vii) Menyokong Syor Persempadanan bagi negeri Selangor.

Berdasarkan semakan yang dibuat ke atas setiap representasi yang diterima dan selaras dengan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, adalah didapati bahawa:

- (i) 116 representasi bantahan adalah memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 167 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.


SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Selangor pada 27 Disember 2017 hingga 9 Januari 2018 serta peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (mukasurat 42). SPR bersetuju bahawa:

- (i) 70 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 22 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 24 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang terlibat dalam prosiding siasatan tempatan kali pertama adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**. Sebanyak 53 daripada 167 representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan mengemukakan representasi sokongan ke atas Syor Persempadanan bagi negeri Selangor sepertimana di **LAMPIRAN VII (Jilid 2)**. Sebanyak 92 representasi pula mengemukakan bantahan yang sama sepertimana representasi bantahan yang terlibat dalam prosiding siasatan tempatan kali pertama.

Manakala, baki sebanyak 22 representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan tidak dipertimbangkan kerana bantahan yang dikemukakan adalah tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-84: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Selangor



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-85: Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Selangor






PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

Syor Persempadanan bagi negeri Selangor telah disemak semula dan SPR telah membuat beberapa perubahan berdasarkan penjelasan dan hasil yang diperolehi daripada siasatan

tempatan kali pertama. Syor tersebut telah dipamerkan buat kali kedua mulai 15 Januari hingga 14 Februari 2018 di sebanyak 19 tempat pemeriksaan yang melibatkan penggunaan premis pejabat PBT, Pejabat Daerah/Tanah, Kompleks Penghulu, dewan serta Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor.

Rajah II-86: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Selangor



Jadual II-33: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Selangor

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.095 Tanjong Karang	Dewan Dato' Hormat Tanjong Karang
P.096 Kuala Selangor	Majlis Daerah Kuala Selangor
P.097 Selayang	Majlis Perbandaran Selayang
P.098 Gombak	Kompleks Penghulu Sungai Tua
P.099 Ampang	Dewan Dato' Ahmad Razali
P.100 Pandan	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
P.101 Hulu Langat	Dewan Orang Ramai Pekan Semenyih
P.102 Bangi	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat
P.103 Puchong	Dewan Serbaguna MPSJ Batu 14, Puchong
P.104 Subang	Majlis Perbandaran Subang Jaya
P.105 Petaling Jaya	Majlis Bandaraya Petaling Jaya

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.106 Damansara	Dewan Serbaguna Dan Kemudahan Sukan Bandar Utama
P.107 Sungai Buloh	Pejabat Daerah/Tanah Petaling
P.108 Shah Alam	Majlis Bandaraya Shah Alam Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor
P.109 Kapar	Dewan Serbaguna Dato' Ahmad Razali, Batu 4, Jalan Haji Sirat Klang
P.110 Klang	Majlis Perbandaran Klang
P.111 Kota Raja	Dewan Orang Ramai MBSA, Kampung Bukit Naga, Seksyen 32 Shah Alam
P.112 Kuala Langat	Majlis Daerah Kuala Langat

Rajah II-87: Pameran kali kedua Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Selangor



SPR telah menerima sebanyak 748 representasi sepanjang tempoh satu bulan pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Selangor yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, PBT dan sekumpulan 100 orang awam. Perkara-perkara yang dibangkitkan adalah:

- (i) Pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu;
- (iii) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke suatu bahagian pilihan raya yang lain; dan
- (iv) Mengemukakan cadangan pindaan nama bagi bahagian pilihan raya tertentu.

Kesemua representasi ini diteliti dan disemak kelayakannya untuk diadakan siasatan tempatan berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan semakan tersebut, didapati bahawa:

- (i) 59 representasi bantahan adalah memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 689 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

Siasatan tempatan kali kedua bagi negeri Selangor telah diadakan pada 26 Februari hingga 1 Mac 2018 bagi mendengar penjelasan daripada wakil pembantah mengenai representasi bantahan yang dikemukakan. Berdasarkan penerangan pembantah dan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR bersetuju bahawa daripada 59 representasi bantahan yang layak didengar semasa siasatan tempatan kali kedua tersebut, sebanyak:


- (i) 6 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 48 representasi bantahan adalah ditolak; dan

- (iii) 5 representasi bantahan pula sebahagiannya diterima dan sebahagiannya ditolak.

Sebanyak 2 daripada 689 representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan mengemukakan representasi bantahan yang sama sepertimana representasi bantahan yang layak untuk diadakan siasatan tempatan kali kedua. Manakala, 230 representasi bantahan pula tidak dipertimbangkan kerana tidak

menepati prinsip-prinsip yang diperuntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan baki sebanyak 457 lagi adalah representasi menyokong syor SPR. Keputusan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan siasatan tempatan adalah seperti di **LAMPIRAN VIII (Jilid 2)**. SPR telah menyemak semula Syor Persempadanan bagi negeri Selangor dan syor akhir yang dikemukakan untuk laporan ini adalah sepertimana di **LAMPIRAN III** dan **LAMPIRAN IV**.

Rajah II-88: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Selangor



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-89: Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Selangor



Laporan Kajian Semula Persempadanan

Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018



Rajah II-90: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Selangor



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

LATAR BELAKANG W.P. KUALA LUMPUR

Rajah II-91: Kedudukan W.P. Kuala Lumpur dalam peta Malaysia



Wilayah Persekutuan (W.P.) Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia. Wilayah ini merupakan salah satu daripada tiga wilayah yang diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan selain W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya. W.P. Kuala Lumpur berperanan sebagai pusat pentadbiran negara dan pusat komersial sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2000 peranan W.P. Kuala Lumpur terhad sebagai pusat komersial sahaja apabila kebanyakan kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan mula berpindah ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di W.P. Putrajaya. Namun begitu, kedudukan W.P. Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya utama yang bersifat kosmopolitan dapat bertahan ekoran jumlah penduduk yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa hasil kepesatan pembangunan dan kerancakan kegiatan ekonomi dan perdagangan yang wujud di wilayah tersebut.

Dalam aspek pentadbiran, urusan tanah di wilayah ini terletak bawah kawalan Pejabat

Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, manakala khidmat perbandaran dan kerajaan tempatan pula diurus oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Bagi memudahkan urusan pentadbiran dan pengurusan, terutamanya dalam memberi perkhidmatan kepada orang awam, DBKL telah membahagikan W.P. Kuala Lumpur kepada 11 cawangan bersesuaian dengan bilangan kawasan bahagian pilihan raya sedia ada. Setiap bahagian pilihan raya diselia oleh Pejabat Cawangan Kecil DBKL.

Jadual II-34: Senarai cawangan kecil DBKL

Cawangan Kecil DBKL		
Wangsa Maju	Segambut	Seputeh
Lembah Pantai	Titiwangsa	Bandar Tun Razak
Batu	Bukit Bintang	Setiawangsa
Kepong	Cheras	

Sumber: Portal Rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Sepertimana bandar-bandar kosmopolitan yang lain, W.P. Kuala Lumpur yang berkeluasan lebih kurang 243 km persegi²⁴ padat dengan bangunan-bangunan pencakar langit yang bukan sahaja berperanan sebagai pusat komersil dan pelancongan, malah turut menempatkan pejabat syarikat-syarikat korporat. Menara Berkembar Petronas yang berketinggian 451.9 meter merupakan bangunan pencakar langit yang menjadi lambang kemegahan Malaysia. Bangunan ini pernah dinobatkan sebagai bangunan tertinggi di dunia sejak tahun 1998 hingga tahun 2004 oleh Majlis Bangunan Tinggi dan Habitat Bandar (*Council on Tall Buildings and Urban Habitat*). Namun, pada masa ini Menara Berkembar Petronas berada pada tangga ke-11 senarai bangunan tertinggi di dunia. Bangunan ini menempatkan ruangan pejabat dan tempat komersil antaranya pusat membeli belah Suria Kuala Lumpur City Centre dan juga Petrosains.

Di samping itu, Menara Kuala Lumpur setinggi 421 meter yang terletak berhampiran kawasan Hutan Simpan Bukit Nanas juga terkenal

²⁴ Maklumat anggaran keluasan W.P. Kuala Lumpur. Sumber: JUPEM.

sebagai tempat tumpuan pelancong. Menara komunikasi ini merupakan menara tertinggi di Asia Tenggara dan ke-7 tertinggi di dunia. Menara ini menawarkan pelbagai aktiviti sukan, rekreasi dan kebudayaan selain turut menempatkan sebuah restoran berputar yang membolehkan para pengunjung menikmati pelbagai hidangan lazat sambil melihat pemandangan Kuala Lumpur dari atas udara.

W.P. Kuala Lumpur juga bakal menyaksikan satu lagi mercu tanda kebanggaan negara bakal dicipta melalui pembinaan bangunan Merdeka PNB118 yang berketinggian 630 meter. Pembinaan bangunan ini menelan belanja sebanyak RM5 bilion dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2024. Selepas disiapkan, bangunan ini dijangka akan menjadi bangunan ketiga tertinggi di dunia.

Rajah II-92: Menara Kuala Lumpur dan Menara Berkembar Petronas



KEADAAN GEOGRAFI W.P. KUALA LUMPUR

Bentuk muka bumi W.P. Kuala Lumpur adalah bercirikan sebuah lembah dan merupakan kuala yang menjadi titik pertemuan bagi dua buah sungai iaitu Sungai Klang dan Sungai Gombak. Wilayah ini pernah berada di bawah pemerintahan Kerajaan Negeri Selangor sebelum ia dijadikan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang pertama dan ditadbir secara terus oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia pada tahun 1974.

Kedudukan wilayah ini yang cukup strategik iaitu terletak di bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia serta di tengah-tengah Negeri Selangor telah membuka banyak peluang pelaburan dari dalam dan luar negara yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Walaupun W.P. Kuala Lumpur merupakan sebuah bandar raya yang padat dengan bangunan komersil mahupun kediaman, namun terdapat juga beberapa kawasan yang masih terpelihara keindahan alam semulajadinya seperti Hutan Simpan Bukit Nanas yang merupakan hutan simpan tertua di Semenanjung Malaysia dan satu-satunya hutan asli jenis Dipterokarp Pamah yang masih wujud di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur²⁵.

Rajah II-93: Hutan Simpan Bukit Nanas



Sumber gambar: *The Star Online*

Landskap pembangunan W.P. Kuala Lumpur dilengkapi dengan jaringan jalan raya, lebuh raya dan pengangkutan awam yang lengkap dan sistematik termasuk perkhidmatan transit rel, kereta api, bas dan teksi. Terdapat dua buah pusat pengangkutan bersepadu yang dibina di wilayah ini iaitu KL Sentral yang berpusat di Kuala Lumpur dan Terminal Bersepadu Selatan (TBS) yang terletak di bahagian selatan Kuala Lumpur.

²⁵ Portal rasmi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. <http://www.nre.gov.my/ms-my/EcoPark/Pages/Hutan-Simpan-Bukit-Nanas>

Lumpur. Pada masa ini, KL Sentral adalah sebuah stesen kereta api terbesar di Asia Tenggara yang merupakan pusat pengangkutan bersepadu utama di W.P. Kuala Lumpur bagi menghubungkan kawasan bandar dan pinggir bandar. Selain itu, terminal ini turut menawarkan perkhidmatan rel ekspres tanpa henti iaitu *Express Rail Link* (ERL) dari Kuala Lumpur ke

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2. Manakala, TBS pula adalah sebuah hab pengangkutan bersepadu yang menawarkan perkhidmatan bas ekspres, kereta api dan teksi kepada orang awam untuk ke bandar raya Kuala Lumpur, Lembah Klang dan juga seluruh Semenanjung Malaysia.

Rajah II-94: Pusat Pengangkutan Bersepadu di Kuala Lumpur



Sumber gambar: Laman web rasmi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

DEMOGRAFI PENDUDUK W.P. KUALA LUMPUR

Sebagai sebuah kota kosmopolitan yang besar dan dihuni oleh masyarakat tempatan pelbagai kaum serta masyarakat antarabangsa daripada berbagai jenis dan keturunan, Kuala Lumpur mempunyai kelainan berbanding dengan kebanyakan tempat di semua negeri di Malaysia. Tidak wujud masalah penduduk yang dipisahkan oleh cara hidup luar bandar dan bandar. Secara amnya, masyarakat di W.P. Kuala Lumpur tergolong dalam satu masyarakat bandar yang mengandungi ciri-ciri khas dan tersendiri. Namun begitu, masih ketara trend yang mana tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India kebanyakannya memilih untuk tinggal berkelompok di kawasan-kawasan

yang secara tradisinya bermajoritikan sesuatu kaum itu. Bangsa Cina kebanyakannya bertumpu di kawasan-kawasan seperti di Bukit Bintang, Kepong, Cheras, Sungai Besi, Salak, Jalan Kelang Lama dan Seputeh. Manakala masyarakat Melayu yang keseluruhannya beragama Islam pula memilih tinggal di kawasan yang lebih berunsur 'kampung' seperti di Keramat, Kampung Baru, Kampung Pandan, Lembah Pantai, Batu dan Setapak. Masyarakat India pula tinggal di merata tempat dan sebahagian besarnya di kawasan Sentul, Brickfield dan Segambut.

Berdasarkan Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi Tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, W.P. Kuala

Lumpur adalah kawasan yang mempunyai densiti penduduk paling tinggi di Malaysia iaitu pada kadar purata 6,556.18 orang bagi setiap km persegi. Anggaran bilangan penduduk di dalam W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2015 adalah seramai 1,780,400 orang⁵ iaitu purata

seramai 7,326 orang bagi setiap km persegi. Dari segi pertumbuhan penduduk pula, W.P. Kuala Lumpur telah mencatatkan peningkatan sebanyak 18.65% atau seramai 279,900 orang sejak kajian semula persempadanan terakhir dijalankan pada tahun 2003.


Jadual II-35: Pecahan penduduk W.P. Kuala Lumpur mengikut kaum pada tahun 2015

KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	717.8	40.32%
Cina	657.0	36.90%
India	153.5	8.62%
Lain-lain	17.4	0.98%
Bukan Warganegara	234.7	13.18%
JUMLAH	1,780.4*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran


Rajah II-95: Peratus penduduk di W.P. Kuala Lumpur mengikut kaum



Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI W.P. KUALA LUMPUR TAHUN 2017

Rajah II-96: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di W.P. Kuala Lumpur



Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2003 telah memperuntukkan tambahan satu Bahagian Pilihan Raya Persekutuan bagi W.P. Kuala Lumpur yang menjadikan keseluruhan jumlah Bahagian Pilihan Raya Persekutuan sebanyak 11 bahagian. Bahagian-bahagian pilihan raya ini telah digunakan di dalam tiga siri PRU iaitu PRU Ke-11 pada tahun 2004, PRU Ke-12 pada tahun 2008 dan PRU Ke-13 pada tahun 2013.

Jumlah pemilih bagi W.P. Kuala Lumpur telah meningkat sebanyak 18.7% atau 124,180 orang sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003 iaitu daripada 664,233 orang¹⁰ kepada 788,413 orang³ semasa kajian semula persempadanan ini dimulakan. Ini menunjukkan bahawa anggaran purata taburan pemilih berdaftar bagi setiap km persegi adalah seramai 3,245 orang dan peratus pemilih berdaftar bagi W.P. Kuala Lumpur hanyalah 44% daripada jumlah keseluruhan penduduk di wilayah itu.

Dari segi pembahagian kawasan pilihan raya, kriteria yang digunakan dalam menentukan bilangan pemilih adalah mengikut keadaan-keadaan yang terdapat di kawasan berkenaan

seperti tidak memutuskan hubungan tempatan dan menggunakan sempadan yang jelas. Perpindahan penduduk telah berlaku dengan banyak berikutan pertambahan taman-taman perumahan di beberapa kawasan di dalam dan sekitar kawasan bandar raya Kuala Lumpur. Di dalam syor ini, purata bilangan pemilih bagi bahagian-bahagian pilihan raya di dalam W.P. Kuala Lumpur adalah dalam lingkungan 55,000 hingga 85,000 orang pemilih bersesuaian dengan keadaan sesuatu bahagian pilihan raya berkenaan dan bagi menjamin keselesaan pemilih serta tidak menimbulkan kesukaran kepada wakil rakyat untuk berkhidmat.

SPR telah memberikan perhatian khas terhadap trend pembangunan di semua bahagian pilihan raya. Terdapat kawasan yang pembangunan perumahannya telah sampai ke peringkat '*saturated*' seperti kawasan Bukit Bintang di mana jika berlaku pertambahan pemilih di kawasan ini ianya adalah pada kadar yang amat kecil. Manakala kawasan seperti Batu, Wangsa Maju, Setiawangsa, Segambut, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras dan Bandar Tun Razak pula merupakan kawasan-kawasan yang sedang menjadi tumpuan pembangunan perumahan yang pesat. Pada zahirnya kawasan Bandar Tun Razak dilihat seakan-akan sudah tepu

dengan pembangunan, namun realitinya masih terdapat kawasan untuk pembangunan kediaman di kawasan berkenaan. Seiring dengan perkembangan industri perumahan yang ada sekarang, SPR percaya dalam tempoh yang singkat kesemua bahagian pilihan raya di W.P. Kuala Lumpur akan mempunyai bilangan pemilih yang hampir sama. Asas-asas panduan yang digunakan ini amat sesuai dan relevan dan boleh dianggap sangat adil kepada semua pihak.

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Syor kajian semula persempadanan bagi W.P. Kuala Lumpur telah dipamerkan buat kali pertama mulai 15 September hingga 14 Oktober 2016 di 23 tempat pemeriksaan melibatkan Pejabat DBKL, pusat komuniti, dewan serbaguna, kompleks sukan dan Pusat Taransformasi Bandar (UTC).

Jadual II-36: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi W.P. Kuala Lumpur

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.114 Kepong	Pejabat DBKL Cawangan Kepong Kompleks Sukan Dri Delima
P.115 Batu	Pusat Komuniti Taman Koperasi Polis Fasa 2 UTC Bandar Baru Sentul
P.116 Wangsa Maju	Pasar Moden Gombak Pusat Komuniti Taman Ibu Kota
P.117 Segambut	Pusat Komuniti Taman Tun Dr Ismail Pusat Komuniti Bandar Manjalara
P.118 Setiawangsa	Kompleks Majlis Sukan Negara Setiawangsa Pejabat Perumahan Zon 4 DBKL
P.119 Titiwangsa	Pejabat Pilihan Raya W.P. Kuala Lumpur Kompleks Sukan Datuk Keramat Dewan Serbaguna Taman Maluri
P.120 Bukit Bintang	Menara DBKL 3 Bandar Wawasan UTC Pudu Sentral
P.121 Lembah Pantai	Dewan Kompleks Sukan (DBKL) Bangsar Dewan Komuniti Lembah Pantai
P.122 Sri Petaling	Dewan Serbaguna Taman Salak Jaya Pusat Komuniti Sri Petaling
P.123 Cheras	Dewan Masyarakat Taman Midah Dewan Masyarakat Taman Segar
P.124 Bandar Tun Razak	Kompleks Sukan Bandar Tun Razak Dewan Serbaguna Alam Damai

Rajah II-97: Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di W.P. Kuala Lumpur



Panel pameran syor persempadanan di Dewan Komuniti Lembah Pantai, Kuala Lumpur

Sepanjang pameran dijalankan, sebanyak 22 representasi telah diterima oleh SPR yang terdiri daripada sekumpulan 100 atau lebih orang awam berhubung syor kajian semula persempadanan bagi W.P. Kuala Lumpur yang menyentuh perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Bantahan ke atas pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke dalam bahagian pilihan raya tertentu;
- (iii) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu; dan
- (iv) Bantahan ke atas Notis Persempadanan SPR.

Kesemua representasi tersebut telah disemak berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan SPR mengesyorkan bahawa:


- (i) 19 representasi bantahan yang memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan adalah layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 3 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama bagi W.P. Kuala Lumpur pada 8 hingga 9 November 2016, 23 Disember 2016 dan 28 Februari 2017, SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (mukasurat 42) dan membuat keputusan bahawa:

- (i) 6 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 4 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 9 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan siasatan tempatan kali pertama adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**. Manakala, baki tiga representasi bantahan yang tidak memenuhi syarat untuk diadakan siasatan tempatan turut dipertimbangkan oleh SPR kerana mengemukakan bantahan yang sama seperti representasi bantahan yang didengar semasa siasatan tempatan kali pertama.

Rajah II-98: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi W.P. Kuala Lumpur



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-99: Suasana siasatan tempatan kali pertama di W.P. Kuala Lumpur



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum menerangkan bantahan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum menerangkan bantahan



Wakil jurucakap pembantah menerangkan bantahan yang dikemukakan



Wakil jurucakap pembantah menerangkan bantahan yang dikemukakan

Laporan Kajian Semula Persempadanan

Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018



Keadaan di dalam bilik prosiding siasatan tempatan



Pembantah lain yang turut hadir bersama wakil jurucakap pembantah



Urus setia yang terlibat dalam urusan prosiding siasatan tempatan



Pengerusi SPR memberikan kata alu-aluan sebelum memulakan prosiding siasatan tempatan

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

SPR telah menyemak semula dan membuat beberapa perubahan ke atas Syor Persempadanan W.P. Kuala Lumpur berdasarkan penerangan yang diberikan oleh pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama dijalankan. Syor kedua tersebut telah dipamerkan mulai 8 Mac hingga 7 April 2017 di 23 tempat pemeriksaan yang sama sepertimana pameran kali pertama.

Sepanjang pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi W.P. Kuala Lumpur, SPR telah menerima sembilan representasi yang dikemukakan oleh sekumpulan 100 atau lebih orang awam. Berdasarkan semakan yang dijalankan ke atas semua representasi dengan berpandukan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, didapati bahawa:

- (i) 8 representasi bantahan yang memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan adalah layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan

- (ii) 1 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi tersebut adalah:

- (i) Bantahan ke atas pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai; dan
- (ii) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke dalam bahagian pilihan raya tertentu.

Berdasarkan justifikasi dan penerangan yang dikemukakan oleh wakil pembantah semasa siasatan tempatan kali kedua serta prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (mukasurat 42), SPR mengesyorkan bahawa:

- (i) 2 representasi bantahan adalah diterima; dan
- (ii) 6 representasi bantahan adalah ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan siasatan tempatan kali kedua adalah seperti di **LAMPIRAN VIII (Jilid 2)**. Manakala, baki satu representasi yang tidak memenuhi syarat untuk diadakan siasatan tempatan tidak dipertimbangkan kerana bantahan tersebut tidak menepati prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Syor akhir bagi W.P. Kuala Lumpur disediakan berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada pembantah semasa prosiding siasatan tempatan kali kedua adalah sepertimana yang dinyatakan di **LAMPIRAN III** dan **LAMPIRAN IV**.

Rajah II-100: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi W.P. Kuala Lumpur



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-101: Suasana siasatan tempatan kali kedua di W.P. Kuala Lumpur



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum membentangkan bantahan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum membentangkan bantahan



Wakil jurucakap pembantah menjelaskan mengenai bantahan yang dikemukakan

Rajah II-102: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi W.P. Kuala Lumpur



WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

LATAR BELAKANG W.P. PUTRAJAYA

Rajah II-103: Kedudukan W.P. Putrajaya dalam peta Malaysia



Putrajaya atau nama rasminya Wilayah Persekutuan Putrajaya (W.P. Putrajaya) telah ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [Akta A1095] yang berkuatkuasa pada 1 Februari 2001. Melalui Akta ini, negeri Selangor telah memberikan satu kawasan di dalam daerah Sepang yang dikenali dengan nama "Perang Besar" kepada Kerajaan Persekutuan. Sebelum penyerahan kepada Kerajaan Persekutuan, bagi maksud persempadanan bahagian pilihan raya, kawasan yang meliputi W.P. Putrajaya merupakan sebuah DM yang dinamakan "Putrajaya" dan DM ini terletak di bawah Bahagian Pilihan Raya Negeri N.47 Dengkil dalam Bahagian Pilihan Raya Persekutuan P.102 Sepang. Berdasarkan kepada keputusan Dewan Rakyat yang meminda Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan berhubung keanggotaan Dewan Rakyat dengan menambah seorang ahli bagi mewakili W.P. Putrajaya, SPR berdasarkan Fasal (3A)(i), Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan telah menjalankan kajian semula persempadanan bagi mewujudkan satu Bahagian Pilihan Raya Persekutuan di wilayah tersebut. Bagi tujuan tersebut, SPR telah memulakan kajian pada 4 Oktober 2001.

W.P. Putrajaya telah dibangunkan di tengah-tengah Koridor Raya Multimedia yang terletak lebih kurang 25 km dari W.P. Kuala Lumpur. Wilayah ini merupakan pusat pentadbiran kepada Kerajaan Persekutuan dan telah dibangunkan berdasarkan konsep "Bandar dalam Taman" dan "Bandaraya Pintar" yang menempatkan sebahagian besar kementerian dan jabatan Persekutuan, kawasan perumahan, kemudahan komersial, sosial dan keagamaan. Selain berperanan sebagai tempat penganjuran program utama negara, wilayah ini turut menjadi tumpuan para pelancong tempatan mahupun luar negara lantaran rekabentuk bangunan-bangunannya yang unik, landskap, pusat-pusat riadah serta taman-taman rekreasi yang menarik. Pada masa ini, W.P. Putrajaya ditadbir oleh Perbadanan Putrajaya yang merupakan agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan serta diberikan peranan sebagai PBT (*modified* PBT).

Rajah II-104: Kawasan tumpuan pengunjung di W.P. Putrajaya



Masjid Putra



Taman Wetland Putrajaya

KEADAAN GEOGRAFI W.P. PUTRAJAYA

Anggaran keluasan bagi W.P. Putrajaya adalah 49 km persegi²⁶ dan merupakan wilayah yang paling kecil di Semenanjung Malaysia. Keseluruhan wilayah ini terdiri daripada kawasan tanah pamah, berlembah dan berbukit yang sebahagian besar pada asalnya merupakan kawasan penanaman kelapa sawit. Sebanyak 38% daripada keseluruhan kawasan W.P. Putrajaya dibangunkan sebagai taman-taman rekreasi dan tasik buatan, manakala bakinya sebanyak 62% kawasan dibangunkan sebagai bangunan pejabat, pusat komersil, kawasan perumahan dan kemudahan sosial.

W.P. Putrajaya boleh diakses melalui jaringan lebuh raya dan juga pengangkutan awam iaitu bas, teksi serta rel ekspres ERL yang berpusat di Putrajaya Sentral. Selain itu, W.P. Putrajaya juga terletak kira-kira 20 km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 yang juga boleh diakses daripada Putrajaya samada melalui rangkaian lebuh raya mahupun ERL.

DEMOGRAFI PENDUDUK W.P. PUTRAJAYA

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, W.P. Putrajaya merupakan kawasan keenam paling padat di Semenanjung Malaysia dengan anggaran 1,386.99 orang bagi setiap km persegi. Namun, nisbah ini kian meningkat berikutan bilangan penduduk yang bertambah setiap tahun. Pada tahun 2015, bilangan penduduk di wilayah ini dianggarkan dalam lingkungan 83,000 orang⁵ iaitu kira-kira 1,694 orang bagi setiap km persegi.

Sebahagian besar penduduk di Putrajaya adalah terdiri daripada penjawat awam yang bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan. Kaum Melayu merupakan penduduk tertinggi di W.P. Putrajaya

dengan 94.1% manakala bakinya terdiri dalam kalangan bukan warganegara (3.73%), kaum India (1.33%), Cina (0.6%) dan lain-lain kaum sebanyak 0.12%.


Jadual II-37: Pecahan penduduk W.P. Putrajaya mengikut kaum pada tahun 2015

KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	78.1	94.10%
Cina	0.5	0.60%
India	1.1	1.33%
Lain-lain	0.1	0.12%
Bukan Warganegara	3.1	3.73%
JUMLAH	83.0*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah II-105: Peratus penduduk di W.P. Putrajaya mengikut kaum



Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

²⁶ Maklumat anggaran keluasan W.P. Putrajaya. Sumber: JUPEM.

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI W.P. PUTRAJAYA TAHUN 2017

Sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, Bahagian Pilihan Raya Persekutuan P.125 Putrajaya mula diwujudkan semasa urusan kajian semula persempadanan yang dijalankan pada tahun 2001 iaitu selepas W.P. Putrajaya ditubuhkan. Bahagian pilihan raya ini telah digunakan dalam PRU ke-11 pada tahun 2004, PRU ke-12 pada tahun 2008 dan PRU ke-13 pada tahun 2013.

Bilangan pemilih bagi W.P. Putrajaya telah meningkat daripada 5,079 orang semasa PRU ke-11 kepada 17,627 orang³ dalam urusan kajian semula persempadanan pada kali ini. Walaupun bilangan pemilih meningkat seramai 17,542 orang, namun SPR tidak mengesyorkan sebarang pertambahan bilangan bahagian pilihan raya Persekutuan terhadap P.125 Putrajaya memandangkan bilangan pemilih masih berada pada tahap minimum dan tidak membebankan kepada wakil rakyat yang dilantik untuk memberikan perkhidmatan.

Rajah II-106: Bahagian pilihan raya sedia ada di W.P. Putrajaya

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN | *Federal Constituencies: 1*



PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN

Walaupun Bahagian Pilihan Raya Persekutuan P.125 Putrajaya tidak tersentuh dalam urusan kajian semula persempadanan pada kali ini, namun pameran Syor Persempadanan tetap dijalankan sepertimana keperluan yang telah diperuntukkan oleh Seksyen 4, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Syor Persempadanan bagi W.P. Putrajaya telah dipamerkan mulai 15 September 2016 hingga 14 Oktober 2016 di dua tempat pemeriksaan iaitu Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3 dan Lobi Menara SPR, Presint 2.

SPR tidak menerima sebarang representasi berkaitan dengan Syor Persempadanan W.P. Putrajaya sepanjang tempoh satu bulan pameran syor persempadanan kali pertama diadakan. Manakala, pameran syor-syor persempadanan kali kedua bagi W.P. Putrajaya tidak dijalankan berikutan tiada keperluan undang-undang untuk melaksanakannya berikutan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan ini tidak tersentuh oleh Syor Persempadanan pada kali ini.

Rajah II-107: Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di W.P. Putrajaya

Pameran Syor Persempadanan di Lobi Menara SPR, Presint 2

NEGERI SEMBILAN

LATAR BELAKANG NEGERI SEMBILAN

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian tengah pantai barat Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan 4 buah negeri iaitu Selangor di sebelah utara, Melaka dan Johor di sebelah selatan dan Pahang di sebelah timur. Negeri yang terkenal dengan keunikan budaya khususnya Adat Perpatih ini terbahagi kepada 7 buah daerah pentadbiran dan sebuah daerah kecil. Dalam aspek pentadbiran kerajaan tempatan pula, negeri ini dibahagikan kepada 8 buah PBT yang terdiri daripada 3 Majlis Perbandaran dan 5 Majlis Daerah. Secara umumnya, sistem pemerintahan Negeri Sembilan dibentuk berdasarkan Adat Perpatih dengan tampuk pemerintahan diterajui oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Rajah II-108: Kedudukan Negeri Sembilan dalam peta Malaysia



Jadual II-38: Daerah di Negeri Sembilan

DAERAH	DAERAH KECIL
Seremban	Gemas
Port Dickson	
Rembau	
Jelebu	
Kuala Pilah	
Jempol	
Tampin	

Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan

Jadual II-39: Senarai PBT di Negeri Sembilan

KATEGORI PBT	NAMA PBT
Majlis Perbandaran	Majlis Perbandaran Seremban
	Majlis Perbandaran Nilai
	Majlis Perbandaran Port Dickson
Majlis Daerah	Majlis Daerah Jelebu
	Majlis Daerah Jempol
	Majlis Daerah Kuala Pilah
	Majlis Daerah Rembau
	Majlis Daerah Tampin

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

Seremban merupakan ibu negeri bagi Negeri Sembilan yang menempatkan pusat kegiatan ekonomi utama. Selain itu, kawasan di sekitar bandar Seremban seperti Senawang dan Nilai juga semakin berkembang maju sebagai hab perindustrian dan perusahaan. Beberapa bandar turut dibangunkan sebagai kawasan industri ringan seperti Tampin, Mambau, Rasah dan Gemas.

Bandar Seremban juga menempatkan Bangunan Wisma Negeri yang merupakan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Rekaan bangunan ini bercirikan reka bentuk masyarakat Minangkabau yang telah berhijrah ke negeri ini pada awal abad ke-14. Sementara itu, Muzium Negeri Sembilan yang turut berada di bandar Seremban telah dibangunkan dengan ciri-ciri budaya masyarakat Minangkabau yang jelas ditunjukkan melalui reka bentuk bumbung menyerupai tanduk kerbau.

Rajah II-109: Wisma Negeri dan Muzium Negeri Sembilan

Wisma Negeri



Muzium Negeri Sembilan

Rajah II-110: Masjid Negeri dan sebahagian bandar Seremban

Dari segi fasiliti pengangkutan, Negeri Sembilan mempunyai rangkaian jalan raya sepanjang 3,000 km. Pembinaan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS), Lebuh Raya LEKAS dan Lebuh Raya ELITE telah banyak memberi kemudahan kepada pengguna jalan raya merentasi negeri termasuk ke Negeri Sembilan. Selain itu, sektor pengangkutan awam yang semakin pesat membangun memberi kesan yang positif terhadap masyarakat tempatan terutamanya dalam memberi keselesaan sewaktu melakukan perjalanan. Selain itu, terdapat juga kemudahan rangkaian jalan kereta api yang menghubungkan bandar-bandar di dalam Negeri Sembilan dengan negeri-negeri di pantai barat dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Namun, Negeri Sembilan merupakan salah satu

daripada dua buah negeri di Malaysia yang tidak mempunyai kemudahan lapangan terbang selain dari negeri Perlis. Walau bagaimanapun, kedudukan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur hanya terletak sejauh 30 minit perjalanan dari bandar Seremban melalui Lebuh Raya Utara-Selatan dan Lebuh Raya ELITE.

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI SEMBILAN

Negeri Sembilan mempunyai keluasan kawasan kira-kira 6,664 km persegi²⁷ dengan keadaan bentuk muka bumi yang berbukit-bukau merangkumi kawasan timur, tengah dan selatan yang mana diliputi oleh Banjaran Titiwangsa. Negeri ini turut mempunyai pesisir pantai yang

²⁷ Maklumat anggaran keluasan Negeri Sembilan. Sumber: JUPEM

berada di bahagian barat sepanjang 56 km yang menghadap ke Selat Melaka. Port Dickson merupakan kawasan pesisir pantai yang menjadi destinasi utama pelancong tempatan mahupun luar negara.

Sungai Linggi sepanjang 86.87 km⁹ merupakan sungai terbesar di negeri ini yang menjadi sempadan utama antara Negeri Sembilan dengan negeri Melaka. Sungai Sepang sepanjang 22.18 km pula yang terletak di sebelah utara negeri ini merupakan sempadan nyata antara Negeri Sembilan dengan negeri Selangor. Selain itu, hampir 1/3 daripada kawasan di daerah Jelebu terdiri daripada Hutan Simpan Bukit Sungai Putih. Puncak tertinggi di Negeri Sembilan adalah Gunung Besar Hantu dengan ketinggian 1,462 meter dari aras laut yang terletak di penghujung Banjaran Titiwangsa serta bersempadan dengan negeri Pahang.

Berdasarkan data tahun 2016 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, kategori guna tanah bagi tujuan pertanian di Negeri Sembilan adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 57% (380,383 hektar) dan hutan 31% (204,014 hektar). Manakala selebihnya adalah guna tanah bagi kategori pengangkutan (3%), institusi dan kemudahan masyarakat (3%), perumahan (2%), tanah kosong (1%), badan air (1%), industri (0.5%), tanah lapang dan rekreasi (0.4%), infrastruktur dan fasiliti (0.4%) dan kawasan komersil (0.2%).

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI SEMBILAN


Berdasarkan data tahun 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran penduduk di Negeri Sembilan adalah seramai 1.089 juta orang⁵ iaitu peningkatan sebanyak 18.76% (172,000 orang) berbanding jumlah penduduk semasa urusan kajian semula persempadanan yang dijalankan pada tahun 2003 iaitu seramai 916,800 orang⁸. Majoriti penduduk di Negeri Sembilan adalah terdiri daripada 57.6% kaum Melayu Bumiputera, 21.04% kaum Cina dan 14.02% kaum India. Manakala, selebihnya pula adalah 0.37% lain-lain kaum minoriti dan 6.99% bukan warganegara Malaysia.

Jadual II-40: Pecahan penduduk Negeri Sembilan mengikut kaum pada tahun 2015

KAUM	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	627.1	57.60%
Cina	229.1	21.04%
India	152.6	14.02%
Lain-lain	4.0	0.37%
Bukan Warganegara	76.1	6.99%
JUMLAH	1,088.8*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia
 *Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah II-111: Peratus penduduk di Negeri Sembilan mengikut kaum



Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI SEMBILAN TAHUN 2017


Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2003 telah memperuntukkan tambahan sebanyak satu Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan empat Bahagian Pilihan Raya Negeri kepada Negeri Sembilan yang menjadikan bilangan keseluruhan menjadi lapan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 36 Bahagian Pilihan Raya Negeri. Kesemua bahagian pilihan raya ini telah digunakan dalam 3 siri PRU iaitu PRU Ke-11 pada tahun 2004, PRU Ke-12 pada tahun 2008 dan PRU Ke-13 pada tahun 2013.

Jumlah pemilih dalam Negeri Sembilan yang terlibat dalam urusan kajian semula persempadanan pada kali ini adalah seramai

557,137 orang³ berbanding dengan kajian pada tahun 2003 iaitu seramai 417,712 orang pemilih¹⁰. Ini bermakna, jumlah pemilih di dalam negeri ini telah meningkat sebanyak 33.4% iaitu seramai 139,425 orang. Berdasarkan jumlah pemilih pada tahun 2015, purata jumlah pemilih bagi sebuah Bahagian Pilihan Raya Persekutuan adalah seramai 69,642 orang, manakala purata jumlah pemilih bagi sebuah Bahagian Pilihan Raya Negeri pula adalah seramai 15,476 orang. Namun begitu, penentuan sesebuah bahagian pilihan raya bukan sahaja tertakluk kepada purata jumlah pemilih, namun ia juga perlu mengambil kira faktor geografi, demografi dan prinsip-prinsip persempadanan di dalam Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Urusan kajian semula persempadanan pada kali ini mengesyorkan pindaan sempadan ke atas beberapa bahagian pilihan raya dan juga pindaan nama bagi 1 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 2 Bahagian Pilihan Raya Negeri.

Rajah II-112: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di Negeri Sembilan




PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Pameran kali pertama bagi Syor Persempadanan Negeri Sembilan telah dijalankan mulai 15

September hingga 14 Oktober 2016 di 16 tempat pemeriksaan yang antaranya melibatkan penggunaan premis Pejabat Daerah dan Tanah, Kompleks Pentadbiran Daerah dan pejabat PBT.

Rajah II-113: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi Negeri Sembilan



Jadual II-41: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi Negeri Sembilan

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.126 Jelebu	Ruang Legar Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu Dewan Besar D'Sury
P.127 Jempol	Ruang Legar Kompleks Pentadbiran Daerah Jempol Ruang Legar Majlis Daerah Jempol
P.128 Seremban	Ruang Legar Wisma Negeri Dewan Majlis Perbandaran Nilai
P.129 Kuala Pilah	Ruang Legar Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah Dewan Dato' Bahaman Kuala Pilah
P.130 Rasah	Ruang Legar Pejabat Daerah dan Tanah Seremban Dewan Perbandaran Seremban
P.131 Rembau	Ruang Legar Pejabat Daerah dan Tanah Rembau Dewan Merdeka Rembau
P.132 Port Dickson	Ruang Legar Kompleks Pentadbiran Daerah Port Dickson Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson
P.133 Tampin	Ruang Legar Majlis Daerah Tampin Dewan Bandaran Tampin

Rajah II-114: Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di Negeri Sembilan



Pemakluman mengenai pameran syor di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson



Pemakluman mengenai pameran syor di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah



Pameran syor dan rang pelan di Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson



Pameran syor dan rang pelan di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah

Sepanjang pameran kali pertama Syor Persempadanan, SPR telah menerima sebanyak 34 representasi dari sekumpulan 100 atau lebih orang awam yang membangkitkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Bantahan ke atas Syor Persempadanan bagi bahagian pilihan raya tertentu;
- (iii) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu;
- (iv) Cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke suatu bahagian pilihan raya yang lain; dan
- (v) Menyokong syor Persempadanan bagi Negeri Sembilan.

Berdasarkan semakan yang dibuat ke atas setiap representasi yang diterima dan selaras dengan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, adalah didapati bahawa:

- (i) 15 representasi bantahan adalah memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 19 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan

penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama bagi Negeri Sembilan yang dijalankan pada 10 hingga 11 November 2016 serta peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42). SPR bersetuju bahawa:

- (i) 11 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 3 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 1 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang didengar semasa prosiding Siasatan Tempatan kali pertama adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**. Sebanyak 17 daripada 19 representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan turut dipertimbangkan kerana mengemukakan representasi bantahan yang sama sepertimana representasi bantahan yang layak untuk diadakan Siasatan Tempatan kali pertama. Manakala, baki dua lagi representasi yang tidak layak untuk diadakan Siasatan Tempatan pula mengemukakan representasi sokongan ke atas syor SPR sepertimana di **LAMPIRAN VII**.

Rajah II-115: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi Negeri Sembilan



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-116: Suasana siasatan tempatan kali pertama di Negeri Sembilan

Suasana di luar bilik siasatan tempatan



Suasana di luar bilik siasatan tempatan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memulakan pembentangan bagi menerangkan bantahan yang dikemukakan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memulakan pembentangan bagi menerangkan bantahan yang dikemukakan



Wakil jurucakap pembantah menerangkan bantahan yang dikemukakan



Wakil jurucakap pembantah menerangkan bantahan yang dikemukakan



Pembantah-pembantah di dalam bilik siasatan tempatan




Pembantah-pembantah di dalam bilik siasatan tempatan

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

SPR telah menyemak semula dan membuat beberapa perubahan ke atas Syor Persempadanan Negeri Sembilan berdasarkan penjelasan dan hasil yang diperolehi daripada Siasatan Tempatan kali pertama. Syor tersebut telah dipamerkan buat kali kedua mulai 8 Mac hingga 7 April 2017 di 13 tempat pemeriksaan.

Rajah II-117: Bilangan tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi Negeri Sembilan



Jadual II-42: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi Negeri Sembilan

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.127 Jempol	Ruang Legar Kompleks Pentadbiran Daerah Jempol Ruang Legar Majlis Daerah Jempol
P.128 Seremban	Ruang Legar Wisma Negeri Dewan Majlis Perbandaran Nilai Pejabat Pilihan Raya Negeri Sembilan
P.130 Rasah	Ruang Legar Pejabat Daerah dan Tanah Seremban Dewan Perbandaran Seremban
P.131 Rembau	Ruang Legar Pejabat Daerah dan Tanah Rembau Dewan Merdeka Rembau
P.132 Port Dickson	Ruang Legar Kompleks Pentadbiran Daerah Port Dickson Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson
P.133 Tampin	Ruang Legar Majlis Daerah Tampin Dewan Bandaran Tampin

Sebanyak lapan representasi telah diterima oleh SPR daripada sekumpulan 100 atau lebih orang awam sepanjang tempoh satu bulan pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi Negeri Sembilan dijalankan. Perkara-perkara yang dibangkitkan adalah seperti yang berikut:

- (i) Pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai; dan
- (ii) Mencadangkan pemindahan DM tertentu ke suatu bahagian pilihan raya yang lain.


Berdasarkan semakan dan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, kesemua lapan representasi tersebut adalah layak untuk diadakan siasatan tempatan yang telah dijalankan pada 11 Mei 2017. Walau bagaimanapun, satu representasi bantahan tidak didengar semasa siasatan tempatan tersebut kerana pembantah telah menulis surat kepada SPR untuk menarik balik representasi bantahan yang dikemukakan. Oleh yang demikian, hanya tujuh representasi bantahan yang dipertimbangkan oleh SPR semasa prosiding siasatan tempatan kali kedua bagi Negeri Sembilan.

Berdasarkan penerangan pembantah dan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, SPR bersetuju bahawa:

- (i) 2 representasi bantahan adalah diterima; dan
- (ii) 5 representasi bantahan adalah ditolak.

Keputusan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan siasatan tempatan kali kedua tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN VIII (Jilid 2)**. SPR telah menyemak semula Syor Persempadanan bagi Negeri Sembilan dan syor akhir yang dikemukakan untuk laporan ini adalah sepertimana di **LAMPIRAN III** dan **LAMPIRAN IV**.

Rajah II-118: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua bagi Syor Persempadanan Negeri Sembilan



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

** Pembantah menarik balik bantahan yang telah dikemukakan melalui surat.

Rajah II-119: Suasana siasatan tempatan kali kedua di Negeri Sembilan



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum prosiding siasatan tempatan dimulakan

Laporan Kajian Semula Persempadanan

Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum prosiding siasatan tempatan dimulakan



Wakil jurucakap pembantah memberikan penjelasan mengenai bantahan yang dikemukakan



Pembantah yang turut hadir semasa sesi prosiding siasatan tempatan



Urus setia yang terlibat dalam urusan prosiding siasatan tempatan



Suruhanjaya Pilihan Raya mendengar penjelasan daripada wakil jurucakap pembantah mengenai bantahan yang dikemukakan

Rajah II-120: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri Sembilan



NEGERI MELAKA

LATAR BELAKANG NEGERI MELAKA

Rajah II-121: Kedudukan negeri Melaka dalam peta Malaysia



Negeri Melaka yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia merupakan sebuah negeri yang penuh dengan sejarah tersendiri sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Negeri ini bersempadan dengan Negeri Sembilan di sebelah utara dan Johor di sebelah timur. Negeri ini terbahagi kepada tiga buah daerah pentadbiran iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Dari segi pentadbiran kerajaan tempatan pula, negeri ini mempunyai empat buah PBT iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Majlis Perbandaran Jasin dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya. Melaka merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai kesemua PBT berstatus Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran sesuai dengan kemajuan yang telah dikecapi.

Jadual II-43: Daerah dan PBT di negeri Melaka

DAERAH	PBT
Melaka Tengah	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
Alor Gajah	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
Jasin	Majlis Perbandaran Alor Gajah
	Majlis Perbandaran Jasin


Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka & Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

Bandar Melaka adalah ibu negeri bagi Melaka yang merupakan sebuah bandar kolonial bersejarah. Bandar ini telah diiktiraf oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) sebagai sebuah bandar bersejarah yang melambangkan pertembungan pelbagai elemen budaya, agama dan masyarakat sejak abad ke-15 yang dizahirkan dalam reka bentuk bangunan-bangunan yang unik. Selain daripada budaya Melayu, Cina dan India, reka bentuk bangunan di bandar ini juga membawa ciri-ciri masyarakat Eropah khususnya dari Portugis dan Belanda. Keunikan bandar Melaka ini secara tidak langsung menjadikan negeri ini sebagai tempat tumpuan pelancong tempatan mahupun luar negara malah tarikh 15 April pada setiap tahun diraikan sebagai Hari Perisytiharan Melaka Bandaraya Bersejarah. Antara tempat-tempat di bandar Melaka yang menjadi tumpuan pelancong adalah Kota A'Famosa, Stadthuys, Kampung Morten, Gereja Christ Melaka dan Sungai Melaka yang menjadi nadi pengangkutan semasa Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Rajah II-122: Antara tempat-tempat tumpuan pelancong di bandar Melaka



Gereja Christ Melaka



Stadthuys



Kota A'Famosa




Kampung Morten

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI MELAKA

Negeri Melaka yang terletak di persisiran Selat Melaka mempunyai keluasan kira-kira 1,655 km²⁸ persegi dan merupakan antara negeri yang terkecil di Semenanjung Malaysia selepas Pulau Pinang, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hampir keseluruhan kawasan di negeri ini merupakan kawasan tanah sederhana tinggi dan rendah yang berbukit-bukau. Puncak tertinggi bagi negeri Melaka adalah Bukit Germuni dengan ketinggian 146 meter dari paras laut yang terletak di antara sempadan Melaka dengan Negeri Sembilan. Selain itu, terdapat 3 batang sungai utama di negeri ini iaitu Sungai Linggi sepanjang 86.87 km⁹ yang memisahkan negeri Melaka dengan Negeri Sembilan, Sungai Kesang sepanjang 70.25 km yang memisahkan negeri Melaka dengan Johor dan Sungai Melaka sepanjang 69.48 km yang mengalir di tengah-tengah bandar Melaka.

Berdasarkan maklumat tahun 2015 yang disediakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka, penggunaan tanah di negeri ini meliputi pertanian (47.67%), perbandaran dan industri (9.52%), kawasan hutan (3.06%), tanah Kerajaan Persekutuan (2.73%), Rizab Orang Asli (0.40%), tanah Kerajaan Negeri Melaka (0.07%) dan lain-lain (36.55%).

Rajah II-123: Kawasan guna tanah bagi negeri Melaka



Sumber: Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka


²⁸ Maklumat anggaran keluasan negeri Melaka. Sumber: JUPEM

Negeri Melaka merupakan antara negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang paling lengkap dan menyeluruh. Pada tahun 2015, statistik merekodkan sepanjang 2,382.912 kilometer jaringan jalan raya telah dibina di negeri ini meliputi Jalan Persekutuan, Jalan Negeri dan Jalan Bandaran.

Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) membolehkan Melaka diakses dari semua negeri di Semenanjung

Malaysia. Perjalanan ke Melaka mengambil masa satu jam setengah melalui jalan raya dari Kuala Lumpur dan lebih kurang tiga jam dari Singapura. Salah satu cara lain untuk sampai ke Melaka adalah dengan menggunakan jalan tepian pantai dari Kuala Lumpur yang melalui Klang, Morib dan Port Dickson sebelum sampai ke Melaka. Mereka yang datang dari Singapura boleh mengambil jalan indah yang melalui kawasan-kawasan kampung dan ladang.

Rajah II-124: Jaringan jalan raya di negeri Melaka



Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI MELAKA

Negeri Melaka dianggarkan mempunyai seramai 889,000 orang⁵ penduduk pada tahun 2015. Berdasarkan jumlah penduduk dan keluasan negeri ini, purata bilangan penduduk bagi setiap km persegi adalah seramai 537 orang. Dari segi pertumbuhan penduduk, negeri ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak 26.67% atau seramai 187,200 orang sejak kajian semula persempadanan terakhir dijalankan pada tahun 2003 hingga tahun 2015.

Sepertimana negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, majoriti populasi penduduk di negeri Melaka terdiri dikalangan tiga kaum utama iaitu Melayu Bumiputera (64.42%), diikuti kaum Cina (24.29%) dan India (5.61%). Namun, dua kumpulan masyarakat minoriti yang unik iaitu masyarakat Cina Peranakan yang lebih dikenali sebagai Baba Nyonya dan masyarakat

berketurunan Portugis juga terdapat di negeri ini. Masyarakat berbilang kaum yang terdapat di negeri Melaka ini memperlihatkan satu corak perpaduan yang unik dan harmoni.


Jadual II-44: Pecahan penduduk negeri Melaka mengikut kaum pada tahun 2015

ETNIK	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	572.7	64.42%
Cina	215.9	24.29%
India	49.9	5.61%
Lain-lain	4.6	0.52%
Bukan Warganegara	45.9	5.16%
JUMLAH	889.0*	100%

Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah II-125: Pecahan penduduk di negeri Melaka mengikut kaum



Sumber: 2015 Population Quick Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI MELAKA TAHUN 2017


Rajah II-126: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Melaka



MELAKA

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN | *Federal Constituencies*: 6

BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI | *State Constituencies*: 28



Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2003 telah memperuntukkan sebanyak enam Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 28 Bahagian Pilihan Raya Negeri kepada negeri Melaka. Bahagian-bahagian pilihan raya ini telah digunakan di dalam tiga siri PRU iaitu PRU Ke-11 dalam tahun 2004, PRU Ke-12 dalam tahun 2008 dan PRU Ke-13 dalam tahun 2013.

Jumlah pemilih bagi negeri Melaka telah meningkat sebanyak 37.8% atau 125,318 orang sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003 iaitu daripada 331,327 orang¹⁰ kepada 456,645 orang³ semasa kajian semula persempadanan ini dijalankan. Angka ini menunjukkan bahawa purata pemilih berdaftar bagi setiap km persegi di negeri Melaka ialah seramai 276 orang. Pertambahan jumlah pemilih bagi negeri Melaka sejak tahun 2003 ini merupakan suatu peningkatan yang baik dan secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa penduduk di negeri ini sedar akan tanggungjawab mereka sebagai pengundi.

SPR menerusi urusan kajian semula persempadanan pada kali ini telah mengesyorkan supaya beberapa bahagian pilihan raya di negeri ini terlibat dalam semakan semula dan berlakunya pindaan sempadan. Pindaan-pindaan sempadan bahagian pilihan raya ini dilaksanakan berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Walaupun Melaka mempunyai kemudahan perhubungan yang maju dan menyeluruh bagi semua kawasan selain jarak di antara satu bahagian dengan satu bahagian pilihan raya yang lain adalah berdekatan dan mudah diakses, namun tidak dinafikan bahawa negeri ini mempunyai kawasan luar bandar dan pedalaman seperti di Nyalas dan Asahan yang berhampiran dengan Gunung Ledang. Di kawasan ini, masih terdapat masyarakat Orang Asli yang hidup di dalam hutan belantara yang menggunakan perhubungan jalan balak.

Pertimbangan yang lebih diberikan terhadap jurang bilangan pemilih yang lebih kecil adalah

untuk menjamin bentuk representasi yang lebih seimbang disamping representasi yang efektif oleh wakil rakyat kepada pemilih di dalam bahagian pilihan raya masing-masing.

Daerah Melaka Tengah dengan keluasan 300.1 km persegi mempunyai jumlah pemilih berdaftar seramai 285,882 orang. Daerah Alor Gajah pula yang berkeluasan 673.8 km persegi mempunyai seramai 117,596 orang pemilih berdaftar. Manakala, daerah Jasin yang berkeluasan 689.2 km persegi hanya mempunyai seramai 70,863 orang sahaja.

Berdasarkan data tersebut, jumlah pemilih dalam daerah Alor Gajah dan Jasin hanya mencakupi 66% jumlah pemilih daerah Melaka Tengah tetapi kawasan kedua-dua daerah tersebut adalah 4.5 kali ganda lebih luas daripada daerah Melaka Tengah. Ketidakeimbangan berlaku disebabkan oleh kadar kepadatan penduduk yang agak tinggi di dalam daerah Melaka Tengah jika dibandingkan dengan daerah Alor Gajah dan Jasin.

Bagi urusan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya di Melaka, SPR turut memberikan perhatian terhadap pertumbuhan pemilih pada masa akan datang agar sesebuah bahagian pilihan raya khususnya di peringkat negeri mempunyai bilangan pemilih yang hampir seimbang dengan bahagian pilihan raya yang berhampiran sekiranya mempunyai kemudahan infrastruktur yang sama lengkap. Selain itu, saiz sesuatu bahagian pilihan raya juga turut diambil kira supaya wakil rakyat yang dilantik dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan.

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Syor Persempadanan bagi negeri Melaka telah dipamerkan buat kali pertama mulai 15 September hingga 14 Oktober 2016 di enam tempat pemeriksaan yang melibatkan Pejabat Daerah dan Tanah, Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) dan dewan serbaguna.

Jadual II-45: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Melaka

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.134 Masjid Tanah	Kompleks JAPERUN Lendu, Masjid Tanah
P.135 Alor Gajah	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
P.136 Tangga Batu	Kompleks JAPERUN Sungai Udang
P.137 Bukit Katil	Kompleks JAPERUN Bachang
P.138 Kota Melaka	Dewan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Durian Daun
P.139 Jasin	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Jasin

Rajah II-127: Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Melaka



Sebanyak 36 representasi telah dikemukakan kepada SPR sepanjang tempoh pameran kali pertama yang diterima daripada Kerajaan Negeri Melaka, PBT dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam mengenai dengan syor kajian semula persempadanan bagi negeri Melaka. Perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi adalah seperti berikut:

- (i) Bantahan ke atas pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Pemindahan Bahagian Pilihan Raya Negeri tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (iii) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu;
- (iv) Mengemukakan cadangan untuk meminda nama bahagian pilihan raya tertentu; dan
- (v) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke dalam bahagian pilihan raya tertentu.

SPR telah menyemak kesemua representasi yang dikemukakan berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan mengesyorkan bahawa:

- (i) 31 representasi bantahan yang memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan adalah layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan


- (ii) 5 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Melaka pada 28 hingga 30 November 2016, SPR telah meneliti dan membuat pertimbangan ke atas setiap representasi bantahan berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42) dan membuat keputusan bahawa:

- (i) 12 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 6 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 13 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan siasatan tempatan kali pertama adalah seperti di **LAMPIRAN VI (Jilid 2)**. Baki sebanyak lima representasi bantahan yang tidak memenuhi syarat untuk diadakan siasatan tempatan turut mengemukakan bantahan yang sama seperti representasi bantahan yang didengar semasa siasatan tempatan.

Rajah II-128: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali pertama Syor Persempadanan bagi negeri Melaka



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-129: Suasana siasatan tempatan kali pertama di negeri Melaka



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum membentangkan bantahan

Laporan Kajian Semula Persempadanan

Mengenai Syor-Syor Yang Dicapangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018



Wakil jurucakap pembantah menjelaskan kepada SPR bantahan masing-masing



Keadaan di dalam bilik prosiding siasatan tempatan



Urus setia yang terlibat dalam urusan prosiding siasatan tempatan

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI KEDUA

SPR telah menyemak semula dan membuat beberapa perubahan ke atas Syor Persempadanan Negeri Melaka berdasarkan penjelasan pembantah semasa siasatan tempatan kali pertama. Syor tersebut dipamerkan buat kali kedua mulai 8 Mac hingga 7 April 2017 di lima tempat pemeriksaan yang juga melibatkan penggunaan premis Pejabat Daerah dan Tanah, Kompleks JAPERUN dan dewan serbaguna.

Jadual II-46: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali kedua bagi negeri Melaka

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.135 Alor Gajah	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
P.136 Tangga Batu	Kompleks JAPERUN Sungai Udang
P.137 Bukit Katil	Kompleks JAPERUN Bachang
P.138 Kota Melaka	Dewan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Durian Daun
P.139 Jasin	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Jasin

Sebanyak 11 representasi diterima oleh SPR sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Melaka. Berdasarkan semakan yang dijalankan ke atas semua representasi dengan berpandukan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, didapati bahawa:

- (i) 8 representasi bantahan yang memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan adalah layak untuk diadakan siasatan tempatan; dan
- (ii) 3 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan.

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam representasi tersebut adalah:


- (i) Bantahan ke atas pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Bantahan ke atas bahagian pilihan raya tertentu kerana jurang bilangan pemilih yang besar serta memecahbelahkan hubungan masyarakat setempat;
- (iii) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu;
- (iv) Mengemukakan cadangan untuk menyelaras dan menyusun semula komposisi beberapa bahagian pilihan raya tertentu; dan
- (v) Mengemukakan cadangan untuk memindahkan DM tertentu ke dalam bahagian pilihan raya tertentu.

Berdasarkan justifikasi dan penerangan yang dikemukakan oleh wakil pembantah semasa siasatan tempatan kali kedua serta prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42), SPR mengesyorkan bahawa:

- (i) 2 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 4 representasi bantahan adalah ditolak; dan
- (iii) 2 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima manakala sebahagiannya pula adalah ditolak.

Justifikasi pertimbangan SPR bagi setiap representasi bantahan yang diadakan siasatan tempatan kali kedua adalah seperti di **LAMPIRAN VIII (Jilid 2)**. Sebanyak tiga representasi bantahan yang tidak layak untuk diadakan siasatan tempatan turut dipertimbangkan kerana mengemukakan bantahan yang sama seperti representasi yang terlibat dalam siasatan tempatan kali kedua negeri Melaka. SPR telah menyemak semula Syor Persempadanan bagi negeri Melaka dan syor akhir bagi negeri ini adalah sepertimana di **LAMPIRAN III** dan **LAMPIRAN IV**.

Rajah II-130: Ringkasan jumlah bantahan yang diterima sepanjang tempoh pameran kali kedua Syor Persempadanan bagi negeri Melaka



* syarat untuk layak diadakan siasatan tempatan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Rajah II-131: Suasana siasatan tempatan kali kedua di negeri Melaka



Wakil jurucakap pembantah mengangkat sumpah sebelum memberikan penjelasan mengenai bantahan yang dikemukakan



Wakil jurucakap pembantah menerangkan kepada SPR mengenai bantahan yang dikemukakan



Urus setia yang terlibat dalam urusan prosiding siasatan tempatan



Pengerusi SPR memberikan kata alu-aluan sebelum memulakan prosiding

Rajah II-132: Suruhanjaya Pilihan Raya bersama urus setia yang terlibat di dalam urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi negeri Melaka

NEGERI JOHOR

LATAR BELAKANG NEGERI JOHOR

Perkataan Johor berasal daripada perkataan Arab “Jauhar” yang bermaksud “Permata Berharga”. Negeri Johor mempunyai suatu sejarah yang panjang dan bersifat menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan. Hakikatnya kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511 telah menyebabkan Johor meneruskan kelangsungan sebuah empayar dan kerajaan yang begitu besar. Negeri Johor yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia mempunyai keluasan kira-kira 19,142 km persegi²⁹. Negeri yang merupakan ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia ini bersempadan dengan Singapura di sebelah selatan dengan Selat Tebrau sebagai pemisahannya selain bersempadan dengan negeri Pahang di sebelah utara serta Negeri Sembilan dan Melaka di sebelah barat. Pantai barat negeri ini menghadap Selat Melaka dan pantai timurnya pula menghadap Laut China Selatan. Kedudukan negeri ini yang begitu strategik dan pembangunan ekonominya yang sangat mengagumkan telah merakam pelbagai rentak alun sejarahnya yang tersendiri. Rajah II-133 di bawah menunjukkan kedudukan negeri Johor dalam peta Malaysia.

Rajah II-133: Kedudukan negeri Johor dalam peta Malaysia



Negeri Johor atau turut dikenali sebagai Johor Darul Ta’zim mempunyai penduduk seramai 3.61 juta orang⁵ pada tahun 2015. Negeri ini terbahagi kepada 10 daerah pentadbiran selain tiga daerah pentadbiran kecil. Dari segi pentadbiran kerajaan tempatan, negeri ini mempunyai 15 PBT yang mana lapan daripada PBT tersebut berstatus Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran manakala bakinya berstatus Majlis Daerah. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) merupakan PBT terbaharu yang telah diisytiharkan secara rasmi pada 22 November 2017. MBIP terdahulunya merupakan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) yang telah dinaik taraf statusnya kepada Majlis Bandaraya. MBIP merupakan PBT kedua yang dinaik taraf kepada status bandar raya di negeri ini selepas Majlis Bandaraya Johor Bahru yang sekaligus menjadikannya bandar raya ke-14 di Malaysia. Di samping itu, negeri ini juga memiliki dua agensi yang diberikan peranan sebagai PBT (*modified* PBT) iaitu Lembaga Bandaran Johor Tenggara dan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang. Bilangan PBT yang banyak berstatus Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran membuktikan pembangunan pesat ekonomi negeri Johor. Senarai daerah pentadbiran dan PBT di negeri Johor seperti dipaparkan dalam Jadual II-47 dan II-48.

Jadual II-47: Senarai daerah dan daerah kecil di negeri Johor

DAERAH	DAERAH KECIL
Segamat	Labis
Muar	Rengit
Batu Pahat	Pengerang
Kluang	
Mersing	
Kota Tinggi	
Johor Bahru	
Pontian	
Tangkak	
Kulai	

Sumber: Maklumat Asas Negeri Johor oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

²⁹ Maklumat anggaran keluasan negeri Johor. Sumber: JUPEM

Jadual II-48: Senarai PBT di negeri Johor

KATEGORI PBT	NAMA PBT
Majlis Bandaraya	Majlis Bandaraya Johor Bahru
	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
Majlis Perbandaran	Majlis Perbandaran Batu Pahat
	Majlis Perbandaran Kluang
	Majlis Perbandaran Muar
	Majlis Perbandaran Pasir Gudang
	Majlis Perbandaran Kulai
	Majlis Perbandaran Segamat
Majlis Daerah	Majlis Daerah Kota Tinggi
	Majlis Daerah Mersing
	Majlis Daerah Pontian
	Majlis Daerah Tangkak
	Majlis Daerah Simpang Renggam
	Majlis Daerah Yong Peng
	Majlis Daerah Labis
Agensi Dengan Peranan PBT	Lembaga Bandaran Johor Tenggara
	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT

Bandar raya Johor Bahru merupakan ibu negeri dan pusat pentadbiran bagi negeri Johor. Inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam mewujudkan pembangunan koridor ekonomi telah memperlihatkan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) diwujudkan pada tahun 2007

di negeri ini. WPI yang kini dikenali sebagai Iskandar Malaysia merupakan pemangkin utama pembangunan di negeri Johor. Dengan keluasan tiga kali lebih besar dari negara jiran Singapura, pembangunan Iskandar Malaysia seluas 2,217 km persegi merupakan projek pembangunan tunggal Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Iskandar Malaysia dijangka akan mewujudkan 1.34 juta peluang pekerjaan hingga tahun 2025 kepada rakyat negeri Johor selain mampu menarik pelaburan terkumpul sebanyak RM176 bilion dari tahun 2013 hingga 2022³⁰.

Negeri Johor berada dalam lingkungan sistem perhubungan wilayah yang baik dengan rangkaian jalan raya persekutuan dan negeri serta beberapa buah lebuh raya seperti Lebuh Raya Utara-Selatan yang menyeluruh untuk menghubungkan negeri ini dengan negeri-negeri lain dan Lebuh Raya Senai-Desaru yang dibina sebagai pemangkin pembangunan Projek RAPID Pengerang yang merupakan hab pembangunan industri petroleum kedua selepas Kerteh di Terengganu. Negeri ini juga mempunyai kemudahan sistem perhubungan yang bersepadu dengan adanya rangkaian jalan kereta api termasuk Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail (HSR) yang sedang dibina melalui daerah-daerah di Johor seperti Muar, Batu Pahat, Pontian dan Johor Bahru. Negeri Johor turut mempunyai dua buah pelabuhan utama iaitu Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas yang mampu memenuhi permintaan operasi pengendalian kargo dan kapal di peringkat antarabangsa. Sementara itu, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai merupakan satu-satunya lapangan terbang di negeri Johor yang berstatus antarabangsa bagi memberi perkhidmatan penerbangan dan kargo kepada para pengunjung dan penduduk di selatan Johor.

³⁰ Laporan Tahunan 2015 Iskandar Malaysia. Sumber: Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar.

Rajah II-134: Sistem perhubungan yang ada di negeri Johor



Lebuhraya Utara-Selatan



Lebuhraya Senai-Desaru



Laluan Kuala Lumpur-Singapura HSR yang sedang dibina



Pelabuhan Tanjung Pelepas



Pelabuhan Pasir Gudang



Lapangan Terbang Antarabangsa Senai

KEADAAN GEOGRAFI NEGERI JOHOR

Keluasan negeri Johor merangkumi 14% daripada keluasan Semenanjung Malaysia. Dari segi muka buminya, negeri ini mempunyai 80% dataran yang subur. Kawasan tanah tinggi terdapat di sempadan bahagian utara dengan Gunung Ledang yang terletak di daerah Tangkak merupakan puncak tertinggi di negeri ini dengan ketinggian 1,395 meter dari aras laut. Selain itu, terdapat juga beberapa buah gunung di negeri ini seperti Gunung Pulai di daerah Kulai, Gunung Banang di daerah Batu Pahat, Gunung Lambak di daerah Kluang dan Gunung Panti di daerah Kota Tinggi.

Lembangan Sungai Johor merupakan sungai utama di negeri Johor. Sungai yang berkeluasan 126.63 km ini merupakan sumber air utama bukan sahaja kepada rakyat negeri Johor bahkan Singapura. Beberapa lembangan sungai turut terdapat di negeri ini seperti Sungai Batu Pahat (125.16 km), Sungai Sedili Besar (105.42 km) dan Sungai Benut (55.07 km)⁹. Selain mempunyai kawasan tanah tinggi dan lembangan-lembangan sungai, kebanyakan kawasan terdiri daripada tanah rendah yang subur untuk pertanian. Maka tidak hairanlah negeri ini mempunyai ladang kelapa sawit dan getah yang luas selain tanaman lain seperti koko, nanas, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Negeri Johor juga merupakan satu-satu negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai pantai yang menghadap Selat Melaka di sebelah barat dan Laut China Selatan di sebelah timur. Pesisir pantai negeri ini sepanjang lebih kurang 400 km merupakan yang terpanjang di Semenanjung Malaysia. Negeri Johor turut memiliki pantai-pantai dan pulau-pulau yang indah seperti Desaru, Tanjung Leman, Pulau Sibu dan Pulau Rawa yang menjadi tumpuan pelancong tempatan mahupun luar negara. Di samping itu, tiga buah pulau di negeri ini iaitu Pulau Batu Puteh, Pulau Terumbu Karang Tengah dan Pulau Tubir Selatan pernah menjadi pertikaian hak milik antara Malaysia dan Singapura. Pada 23 Mei 2008, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) telah memutuskan bahawa Pulau Batu Puteh menjadi milik Singapura. Pulau Terumbu Karang Tengah pula menjadi milik Malaysia, manakala Pulau Tubir Selatan pula tertakluk kepada wilayah

perairan di mana pulau tersebut terletak. Usaha untuk mendapatkan semula Pulau Batu Putih sentiasa dilaksanakan dan terkini Malaysia telah mengemukakan permohonan semakan kehakiman kepada ICJ berikutan penemuan beberapa bukti baharu yang diperolehi dari National Archives of the United Kingdom.

Sementara itu, berdasarkan maklumat Ringkasan Eksekutif Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (Kajian Semula), sebanyak 60.15% daripada keseluruhan guna tanah tahun 2015 bagi negeri Johor merupakan kawasan pertanian komoditi khususnya getah dan kelapa sawit serta tanaman makanan seperti buah-buahan dan sayuran. Manakala, selebihnya adalah terdiri daripada kawasan hutan (26.10%), badan air (13%) dan tepu bina (9.93%).

DEMOGRAFI PENDUDUK NEGERI JOHOR

Anggaran bilangan penduduk negeri Johor pada tahun 2015 adalah seramai 3.61 juta orang⁵ iaitu peningkatan sebanyak 22.22% (656,300 orang) berbanding semasa urusan kajian semula persempadanan yang dijalankan pada tahun 2003. Majoriti populasi penduduk di negeri Johor terdiri daripada kalangan tiga kaum utama iaitu Melayu Bumiputera (53.90%), diikuti kaum Cina (29.88%) dan India (6.39%). Manakala, selebihnya adalah lain-lain kaum minoriti (0.50%) dan penduduk bukan warganegara (9.33%).


Jadual II-49: Pecahan penduduk negeri Johor mengikut kaum pada tahun 2015

ETNIK	BILANGAN PENDUDUK ('000)	PERATUS (%)
Melayu Bumiputera	1,945.9	53.90%
Cina	1,078.8	29.88%
India	230.8	6.39%
Lain-lain	18.0	0.50%
Bukan Warganegara	336.8	9.33%
JUMLAH	3,610.3*	100%

Sumber: 2015 Quick Population Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

Rajah II-135 : Pecahan penduduk di negeri Johor mengikut kaum



Sumber: 2015 Quick Population Info, Jabatan Perangkaan Malaysia

LATAR BELAKANG URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI JOHOR TAHUN 2017

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2003 telah memperuntukkan tambahan sebanyak enam Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 16 Bahagian Pilihan Raya Negeri kepada negeri Johor yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah 26 Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan 56 Bahagian Pilihan Raya Negeri. Bahagian-bahagian pilihan raya ini telah digunakan di dalam tiga siri PRU bermula pada PRU Ke-11 pada tahun 2004.

Jumlah pemilih bagi negeri Johor telah mengalami peningkatan sebanyak 34.8% atau 425,599 orang sejak urusan kajian semula persempadanan yang terakhir dijalankan pada tahun 2003 iaitu daripada 1,223,532 orang¹⁰ kepada 1,649,131 orang³ semasa kajian semula persempadanan ini dijalankan. Angka ini menunjukkan bahawa purata pemilih berdaftar di negeri Johor ialah seramai 86 orang bagi setiap km persegi.

Syor Persempadanan pada kali ini tidak melibatkan sebarang pertambahan bahagian pilihan raya dan hanya melibatkan pindaan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya khususnya terhadap kawasan-kawasan yang mempunyai jumlah pemilih yang sangat ramai misalnya di daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan sebahagian daerah Kluang, Muar dan Kulai. Kawasan-kawasan ini mengalami kadar pembangunan, pertumbuhan penduduk dan pemilih yang pesat sejak tahun 2003 di mana pada masa ini jumlah pemilih di dalam bahagian-bahagian pilihan raya kawasan tersebut telah melebihi 70,000 orang bahkan ada juga yang telah melebihi 100,000 orang khususnya di Tebrau, Pasir Gudang, Pulai dan Gelang Patah. Sehubungan dengan itu, komposisi dan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya ini disyorkan untuk dipinda bagi mengurangkan jurang bilangan pemilih tanpa menjejaskan hubungan tempatan. Berbanding dengan daerah Mersing, Kota Tinggi, dan daerah kecil Labis, kawasan-kawasan ini tidak mengalami arus pembangunan yang pesat dan mempunyai kekangan dari segi bentuk muka bumi maka syor hendaklah turut mengambilkira faktor keluasan kawasan di samping menjaga hubungan tempatan.

Rajah II-136: Bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada di negeri Johor



JOHOR

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN | *Federal Constituencies*: 26

BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI | *State Constituencies*: 56

P.140 SEGAMAT

N.01 Buloh Kasap
N.02 Jementah

P.141 SEKIJANG

N.03 Pemanis
N.04 Kemelah

P.142 LABIS

N.05 Tenang
N.06 Bekok

P.143 PAGOH

N.07 Bukit Serampang
N.08 Jorak

P.144 LEDANG

N.09 Gambir
N.10 Tangkak
N.11 Serom

P.145 BAKRI

N.12 Bentayan
N.13 Sungai Abong
N.14 Bukit Naning

P.146 MUAR

N.15 Maharani
N.16 Sungai Balang

P.151 SIMPANG RENGAM

N.26 Machap
N.27 Layang-Layang

P.156 KOTA TINGGI

N.36 Sedili
N.37 Johor Lama

P.161 PULAI

N.46 Pengkalan Rinting
N.47 Kempas

P.164 PONTIAN

N.53 Benut
N.54 Pulai Sebatang

P.147 PARIT SULONG

N.17 Semerah
N.18 Sri Medan

P.152 KLUANG

N.28 Mengkibol
N.29 Mahkota

P.157 PENERANG

N.38 Penawar
N.39 Tanjong Surat

P.162 GELANG PATAH

N.48 Skudai
N.49 Nusa Jaya

P.165 TANJONG PIAI

N.55 Pekan Nenas
N.56 Kukup

P.148 AYER HITAM

N.19 Yong Peng
N.20 Semarang

P.153 SEMBRONG

N.30 Paloh
N.31 Kahang

P.158 TEBRAU

N.40 Tiram
N.41 Puteri Wangsa

P.163 KULAI

N.50 Bukit Permai
N.51 Bukit Batu
N.52 Senai

P.149 SRI GADING

N.21 Parit Yaani
N.22 Parit Raja

P.154 MERSING

N.32 Endau
N.33 Tenggaroh

P.159 PASIR GUDANG

N.42 Johor Jaya
N.43 Permas

P.150 BATU PAHAT


N.23 Penggaram
N.24 Senggarang
N.25 Rengit

P.155 TENGGARA

N.34 Panti
N.35 Pasir Raja

P.160 JOHOR BAHRU

N.44 Tanjong Puteri
N.45 Stulang




Secara keseluruhan, syor persempadanan pada kali ini telah sebaik mungkin memberikan perhatian wajar kepada keperluan supaya mengelakkan seboleh mungkin bahagian-bahagian pilihan raya diletakkan dalam dua daerah pentadbiran daerah yang berasingan, supaya memudahkan urusan pentadbiran wakil rakyat. Walau bagaimanapun, selepas menerima bantahan, wajaran memelihara hubungan masyarakat dengan mengambil rasional bantahan-bantahan ini juga diambilkira.

PAMERAN, REPRESENTASI DAN SIASATAN TEMPATAN KALI PERTAMA

Syor kajian semula persempadanan bagi negeri Johor telah dipamerkan buat kali pertama mulai 15 September hingga 14 Oktober 2016.

Sebanyak 23 tempat pemeriksaan yang melibatkan penggunaan premis Pejabat Daerah, Pejabat Tanah, dewan/balairaya, pejabat PBT dan Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor telah digunakan bagi tujuan pameran.

Rajah II-137: Bilangan tempat pemeriksaan kali pertama bagi negeri Johor



Jadual II-50: Senarai tempat pemeriksaan Syor Persempadanan kali pertama bagi negeri Johor

BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN	TEMPAT PEMERIKSAAN
P.140 Segamat	Pejabat Majlis Daerah Segamat
P.141 Sekijang	Pejabat Daerah Segamat
P.142 Labis	Pejabat Tanah Daerah Kecil Labis
P.143 Pagoh	Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim Muar
P.144 Ledang	Pejabat Daerah Ledang
P.145 Bakri	Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim Muar
P.146 Muar	Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim Muar
P.147 Parit Sulong	Pejabat Majlis Perbandaran Batu Pahat
P.148 Ayer Hitam	Pejabat Majlis Daerah Yong Peng
P.149 Sri Gading	Pejabat Daerah Batu Pahat
P.150 Batu Pahat	Pejabat Daerah Batu Pahat
P.151 Simpang Renggam	Pejabat Majlis Daerah Simpang Renggam
P.152 Kluang	Pejabat Daerah Kluang
P.153 Sembrong	Pejabat Majlis Perbandaran Kluang
P.154 Mersing	Pejabat Daerah Mersing
P.155 Tenggara	Pejabat Tanah Kota Tinggi
P.156 Kota Tinggi	Pejabat Daerah Kota Tinggi
P.157 Pengerang	Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi
P.158 Tebrau	Balairaya FELDA Ulu Tebrau
P.159 Pasir Gudang	Pejabat Majlis Perbandaran Pasir Gudang
P.160 Johor Bahru	Pejabat Daerah Johor Bahru Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor
P.161 Pulai	Kaunter Setempat Majlis Bandaraya Johor Bahru
P.162 Gelang Patah	Pejabat Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
P.163 Kulai	Pejabat Daerah Kulai
P.164 Pontian	Pejabat Daerah Pontian
P.165 Tanjung Piai	Pejabat Daerah Pontian

Rajah II-138: Pameran Syor Persempadanan dan Rang Pelan Bahagian Pilihan Raya di negeri Johor



Sepanjang tempoh pameran kali pertama dijalankan, SPR telah menerima sebanyak 64 representasi yang mewakili PBT dan sekumpulan 100 atau lebih orang awam berhubung syor kajian semula persempadanan bagi negeri Johor yang membangkitkan perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) Bantahan ke atas pemindahan DM ke dalam bahagian pilihan raya tertentu yang dianggap tidak sesuai;
- (ii) Bantahan ke atas bahagian pilihan raya tertentu; dan
- (iii) Bantahan ke atas pindaan nama bahagian pilihan raya tertentu.

SPR telah menyemak kesemua representasi yang dikemukakan berdasarkan peruntukan Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan mengesyorkan bahawa:

- (i) 38 representasi bantahan adalah memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan layak untuk diadakan Siasatan Tempatan; dan

- (ii) 26 representasi adalah tidak memenuhi syarat Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan dan tidak layak untuk diadakan Siasatan Tempatan.

Siasatan tempatan kali pertama bagi negeri Johor telah diadakan pada 21 hingga 24 November 2016 bagi mendengar 38 representasi yang layak dan memenuhi syarat. Hanya wakil pembantah bagi 34 representasi yang hadir manakala bakinya tidak hadir semasa sesi prosiding siasatan tempatan tersebut atas pelbagai alasan. Walau bagaimanapun, pertimbangan tetap dibuat ke atas semua representasi tersebut berdasarkan dokumen bantahan yang dikemukakan secara bertulis dan juga penjelasan yang diberikan oleh pihak pembantah, peruntukan Seksyen 2, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta faktor-faktor lain sepertimana di dalam Rajah 4-4 (muka surat 42). Oleh itu, SPR memutuskan bahawa:


- (i) 14 representasi bantahan adalah diterima;
- (ii) 16 representasi bantahan adalah ditolak; dan

(iii) 8 representasi bantahan pula sebahagiannya adalah diterima dan sebahagiannya adalah ditolak.
